

Jilid IV
BH. 15



Hari Isnin
11hb Jun, 1990

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURANTUANYANGDI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 2981]
Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 2982]
Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran:
Y.B. Dato Lim Ah Lek (Bentung)
Y.B. Tuan Gerard Math Lee Min (Gaya) [Ruangan 2983]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
(Ruangan 2984)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Pernangkapan Tiga Rakyat Sabah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri—
Y.B. Tuan Fung Ket Wing (Sandakan) [Ruangan 3071]

RANGUNDANG-UNDANGDIBAWAKEDALAMMESYUARAT
[Ruangan 3074]

USUL-USUL:

Memilih Timbalan Yang di-Pertua:
Y.B. Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya) [Ruangan 3078]

KANDUNGANNYA—(samb.)

Merakamkan Perasaan Sedih atas kematian Allahyarham Y. A. Bhg. Tun Hussein Onn, bekas Perdana Menteri Malaysia dan menyampaikan Ucapan Takziah kepada Y.A. Bhg. Toh Puan Suhailah dan Keluarga [Ruangan 3080]

Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Pindaan 1972)—Menambah Butiran Baru: "Kumpulan Amanah untuk Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana." [Ruangan 3102]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3129]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Berita Nasional Malaysia (Pindaan) [Ruangan 3112]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Majlis antara Agama-agama—Penubuhan, Y.B. Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang) [Ruangan 3130]

Guru-guru Sandaran—Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) [Ruangan 3133]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M, P.I.S. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAPAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SRI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO, DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO'HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATUK LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu),

„ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N(Pulai)

„ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAPPA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Menteri Sumber Manusia, DATO'LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung),

Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).

„ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO, NG CHENG KUIAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO'WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO'LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).

Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.s. (Sarikei).

Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., p.j.K. (Hulu Terengganu).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Setiausaha Parlimen Kememerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH Kui (Lambir).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM
(Teluk Intan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan,
DATUK ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P. (Parit
Buntar).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN
ABDUL, A.M.P., P.P.T, (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar
Bandar, DATUK MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P.
(Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan
Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA Jui MENG,
P.I.S. (Bakri).

„ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

„ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. A.M.K. (Kulim
Bandar Baharu).

„ TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai
Petani).

TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K.
(Lembah Pantai).

DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J.,
P.G.D.K. (Samarahan).

DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok
Lanas).

DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N.
(Kepala Batas).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N. B.C.K.
(Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K, (Kuala Langat).

DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

DR CHEN MAN HIN (Seremban).

TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

Yang Berhormat TUN SAMSON CMN CHEE TSU (TAWAU).

DR V. DAVID (Puchung).

TUN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

TUN FUNG KET WING (Sandakan).

TUN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

TUN HAJI GHA2ALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

TUN GOOJ HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUN HASHIM BIN SAHN @ SHAEAIN, A.M.N. (Tanah Merah).

TUN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).

TUN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

TUN HU SEPANG (Rasah).

„ TUN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

TUN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.H.T., A.M.N. (Kemaman).

„ TUN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

TUN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).

TUN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).

DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).

DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAH AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang),

TUN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

TUN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

TUN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

TUN LAW LAI HENG @GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

TUN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

TUN LIEW AH KIM (Seputeh).

TUN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUN LIM KRR SIANG (Tanjong).

PUN LING CHOOI SIENG (Kluang).

TUN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).

TUN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).

TUN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.I.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).

TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).

TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).

TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).

„ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).

DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)

TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

TUAN HAJI MOHD. SHARIP BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAPAR (Batu Berendam).

TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K, (Bachok).

„ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).

DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).

TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.U, K.ST.J. (Limbawang).

TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).

TUAN NURNIKMAN BIN AeouLLAH (Kimanis).

TUAN JOE Onm SUPIRING (Marudu).

TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).

DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

TUAN P. PATTO (Ipoh).

TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

- Yang Berhormat DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P., (Kangar).
- DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- TAN SRI HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- TUAN TIEU SUNG SENG @ Tiu SHNG SENG (Sibu).
- TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- Tuan D.P. Vijandaran (Kapar)
- TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAPIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Seiiusaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunling Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozila binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 11hb Jun, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*PEMASYHURAN TUAN
YANG DI-PERTUAMEMPERKENANKAN
AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka .hendak memberitahu Dewan ini iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mem-persetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1989) 1990;
2. Akta Kawalan Bekalan (Pindaan) 1990;
3. Akta Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) 1990;
4. Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1990;
5. Akta Pilihanraya (Pindaan) 1990;
6. Akta Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1990;
7. Akta Zori Bebas 1990;
8. Akta Levi Kenderaan Barang-barang (Pindaan) 1990; dan
9. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1990.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan per-setujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen Mesyuarat yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha mem-bacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"28hb Mac, 1990

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Per-bekalan Tambahan (1989);
2. Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan);
4. Rang Undang-undang Perlem-bagaan Persekutuan (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Pilihan-raya (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Kesalahan Pilihanraya (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Zon Bebas;

8. Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-Barang (Pindaan); dan
9. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaari).

Yang ikhlas,

t.t.

**YANG DI-PERTUA DEWAN
NEGARA".**

**CUTI KEPADA AHLI-AHLI—
KEBENARAN:**

Y.B. Dato' Lim Ah Lek (Bentung)

Y.B. Dato' Musa bin Hitam
(Kota Tinggi)

Y.B. Tuan Gerard Math Lee Min
(Gaya)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Yang Berhormat Dato' Lim Ah Lek, Ahli bagi Kawasan Bentung dari 11hb Jun hingga 17hb Jun, 1990;
2. Yang Berhormat Dato' Musa bin Hitam, Ahli bagi Kawasan Kota Tinggi dari 11hb Jun hingga 22hb Jun, 1990; dan
3. Yang Berhormat Tuan Gerard Math Lee Min, Ahli bagi Kawasan Gaya dari 11hb Jun hingga 22hb Jun, 1990.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

SIDANG KEMUNCAK G-15

1. Dr. Abdul Hadi bin Derani minta Menteri LuarNegeri menyatakan apakah objektif dan peranan Kumpulan Negara-negara G-15 dan sejauh manakah matlamat ini tercapai dalam Persidangan yang diadakan di Kuala Lumpur pada 11hb hingga 13hb Jun, 1990.

Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain di atas pertanyaan mereka yang membolehkan saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini mengenai Sidang Kemuncak G-15 yang bersejarah itu.

Kumpulan Ketua-Ketua Negara atau Kerajaan mengenai Perundingan dan Kerjasama Selatan-Selatan (G-15) dianggotai oleh 13 buah negara Pergerakan Negara-negara Berkecuali atau, dengan izin, Non-Aligned Movement (NAM) dan 2 buah negara membangun yang lain, iaitu Brazil dan Mexico. Kesemua 15 buah negara ini adalah anggota G-77. Penubuhan Kumpulan 15 ini diumumkan semasa Sidang Kemuncak Ke 9 NAM di Belgrade. Ini berikutan dengan perbincangan di kalangan beberapa para pemimpin negara-negara Selatan, termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Di sini, saya ingin menegaskan bahawa walaupun pengumuman mengenai penubuhannya dibuat di Belgrade semasa Sidang Kemuncak Ke 9 NAM, G-15 bukanlah satu Pertubuhan yang dihasilkan oleh NAM. Malahan ia merupakan satu kumpulan "autonomous" negara-negara Selatan yang bersifat sebagai "kumpulan" penggerak kerjasama Selatan-selatan.

Objektif utama G-15 adalah:

- (i) membentuk, melaksana dan mengawasi projek-projek untuk memupuk kerjasama Selatan-selatan;
- (ii) menjadi satu forum di mana perundingan mengenai kedudukan ekonomi dunia semasa dan kesan-kesan ke atas negara-negara Selatan dapat diadakan secaraberterusan dengan tujuan untuk mencapai persefahaman dan mencari kedudukan bersama; dan
- (iii) untuk meninjau inisiatif-inisiatif berkaitan dengan kerjasama Utara-Selatan.

Sukacita saya maklumkan bahawa Sidang Kemuncak ini adalah satu kejayaan yang gemilang bagi negara-negara Selatan. Bagi Malaysia sebagai tuan rumah, ianya merupakan satu sumbangan kepada kerjasama Selatan-Selatan khususnya, dan kerjasama antarabangsa amnya. Kejayaan Malaysia menganjurkan Sidang Kemuncak ini dalam masa 9 bulan penubuhannya dan dalam masa 4 bulan selepas Malaysia diterima untuk menjadi tuan rumah, telah juga mempamerkan kebolehan negara kita mengelolakan Sidang Kemuncak perintis seperti ini dengan jayanya. Seperti Dewan Yang Mulia ini yang sedia maklum, kesemua Ketua-ketua Negara/Kerajaan dan Ketua-ketua Delegasi yang lain menyanjung peranan Y.A.B. Perdana Menteri dan juga Kerajaan Malaysia di dalam menjadikan cadangan yang dibuat di Belgrade itu suatu kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi objektif dan peranannya pula Sidang Kemuncak tersebut, walaupun merupakan Sidang Kemuncak yang pertama, telah berjaya mencapai apa yang ditetapkan semasa rundingan di Belgrade. Dari segi membentuk kerjasama Selatan-Selatan, Sidang Kemuncak itu telah mempertimbangkan

13 projek Selatan-Selatan, di mana tiga projek telah dikenalpasti untuk dilancarkan dengan serta-merta seperti berikut:

- (i) Peraturan pembayaran secara duaahala untuk mempertingkatkan perdagangan antara dua negara, di samping mengkaji satu peraturan pembayaran antara rantau;
- (ii) Pusat Pertukaran Data mengenai Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Selatan-Selatan; dan
- (iii) Porutn Perdagangan untuk mempertingkatkan kerjasama swasta.

Projek-projek (i) dan (ii) telah dicadangkan oleh Malaysia; sementara projek (iii) adalah cadangan Yugoslavia. 10 Projek yang lain adalah cadangan daripada Indonesia, India, Zimbabwe, Argentina dan Yugoslavia, dan telahpun diterima pada dasarnya untuk dikaji dengan lebih lanjut lagi. Untuk tujuan ini, negara-negara bcrknaan akan mengadakan mesyuarat kumpulan pakar masing-masing. Saya juga ingin menegaskan bahawa projek-projek ini bukanlah untuk negara anggota kumpulan ini semata-mata bahkan dibuka untuk penyertaan negara-negara Selatan yang lain.

Ketua-ketua Negara/Kerajaan telah juga membincangkan secara meluas dan bermakna mengenai kedudukan ekonomi dunia semasa dan kesan-kesannya ke atas negara-negara Selatan. Hasil perbincangan ini telah dirakamkan di dalam "Joint Communique" Sidang Kemuncak itu. Namun begitu, izinkan saya menekankan bahawa para pemimpin berkenaan telah:

- (i) memberi penegasan kepada adanya kaitan rapat di antara hutang negara, perdagangan, teknologi dan alam sekitar. Ini perlu disadari oleh negara-negara maju;

- (ii) menyedari bahawa kemajuan ekonomi negara-negara di dunia ini saling bergantung antara satu sama lain dan sebarang penyelesaian masalah-masalah ekonomi perlu melibatkan komuniti antara-bangsa secara menyeluruh; dan
- (iii) keutamaan perlu diberi untuk membantu negara-negara membangun dalam bidang perdagangan, pembangunan, pemindahan teknologi, pinjaman kewangan secara konsesi dan sebagainya untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan, sekali gus, mempertingkatkan keupayaan mereka untuk menjelaskan hutang negara seria meninggikan taraf hidup.

Berhubung dengan hutang luar iaitu, dengan izin, external debt, Sidang Kemuncak itu menyedari bahawa pada keseluruhannya masalah hutang luar negara-negara Selatan secara umumnya disebabkan oleh faktor-faktor luar, seperti kedudukan matawang yang tidak stabil dan kadar faedah yang sentiasa meningkat. Memandangkan masalah hutang luar merupakan masalah yang besar yang menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara-negara Selatan, Sidang Kemuncak itu telah menubuhkan satu kumpulan penasihat kewangan untuk menganalisa dan mengemukakan pendekatan terhadap menyelesaikan masalah hutang luar negara-negara Selatan.

Selain dari pencapaian di atas, Sidang Kemuncak itu juga merasakan perlunya dihidupkan kembali dialog Utara-Selatan aiau, dengan izin, "Norih-South Dialogue." Di dalam konteks ini, Kumpulan tersebut merasakan boleh memainkan peranan yang penting untuk menentukan dialog tersebut diadakan secara konstruktif dan bermakna.

Satu Jawatankuasa Pemandu yang terdiri daripada Menteri-menteri Luar Malaysia, Senegal dan Venezuela telah

juga ditubuhkan untuk mengendalikan tindakan-tindakan susulan sehingga ke Sidang Kemuncak yang akan datang, yang akan diadakan di Caracas, Venezuela. Jawatankuasa Pemandu ini akan juga menentukan besarnya Urusetia yang diperlukan dan juga di mana ianya akan berpusat.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai tuan rumah telah juga diminta untuk memaklumkan hasil Sidang Kemuncak itu kepada negara-negara membangun yang lain dalam kumpulan NAM dan juga G-77. Tindakan mengenai perkara ini telahpun diambil. Di samping itu, saya sendiri akan melaporkan kepada Menteri-menteri Luar Negerinegara-negara NAM dan G-77 di mesyuarat Badan-badan tersebut sempena dengan Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu di New York dalam bulan September ini.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, saya telahpun mengedarkan "Joint Communiqué" Sidang Kemuncak itu sebagai satu dokumen Bangsa-bangsa Bersatu menerusi Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu di New York pada minggu lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, saya ingin menegaskan bahawa kelima-lima belas negara ini telah memulakan satu proses dan tidaklah harus dilihat sebagai satu pengakhiran dalam proses kerjasama Selatan-Selatan. G-15 akan terus bermesyuarat pada tiap-tiap tahun untuk meneruskan "momentum" yang telah dimulakan di Kuala Lumpur baru-baru ini. Di samping itu, mesyuarat-mesyuarat di peringkat Menteri, Pegawai-pegawai Kanan serta pakar-pakar akan diadakan dari masa ke semasa.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu apakah hasil kerjasama Utara-Selatan, terutamanya mengenai

perkara-perkara yang berhubung dengan ekonomisebelum dan selepas persidangan?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji

Omar:Tuan Yang di-Pertua, kerjasama di antara Utara-Selatan memang wujud sebelum Sidang Kemuncak G-15 diadakan. Akan tetapi ada masamasanya yang mana Kumpulan Utara, ataupun lebih tepal lagi, Kumpulan G-7 kadangkala menjalankan mengambil tindakan yang melibatkan negara-negara Selatan ataupun negara-negara yang sedang bangun, yang kita fikir perlu dirundingkan dengan negara-negara Selatan terlebih dahulu. Jadi, apabilakita telah memutuskan bahawa G-15 adalah merupakan salah satu daripada cara yang mana dialog di antara Utara-Selatan dapat kita wujudkan dengan lebih berkesan dan bermakna, maka Jni akan kita ikuti dan "follow up" seterusnya. Jadi, pada masa ini, belum lagi kita adakan kerana Sidangan Kemuncak kita baru sahaja diadakan.

**PENYEKSAAN KANAK-KANAK/
KEGANASAN RUMAHTANGGA**

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilangan kes penyeksaan kanak-kanak yang dilaporkan bagi tahun-tahun 1985, 1986, 1987, 1988, 1989 dan lima bulan pertama tahun 1990;
- (b) jumlah bilangan kes berhubung keganasan rumahtangga sebagaimana dilaporkan bagi tahun-tahun 1985, 1986, 1987, 1988, 1989 dan tempoh lima bulan pertama 1990; dan
- (c) oleh kerana bilangan kes penyeksaan ke atas kanak-kanak dan keganasan rumahtangga nampaknya semakin bertambah (tidak termasuk kes yang tidak dilaporkan) dan telah sampai ke peringkat yang membahayakan, apakah tindakan segera yang

sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk membentaras perbuatan menyeksa kanak-kanak dan keganasan rumahtangga secara berkesan.

**Menteri Kebajikan Masyarakat
[Dato Mustaffa bin Mohammad]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan kes penganiayaan kanak-kanak yang dilaporkan ke Jabatan-jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seperti berikut:

1985	72 orang
1986	171 ..
1987	149 ..
1988	191 ..
1989	276 ..
1990	133 ..

(setakat bulan Mei)

- (b) Bilangan kes keganasan rumahtangga yang dilaporkan ke Jabatan-jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seperti berikut:

1985	41 orang
1986	29 ..
1987	33 ..
1988	38 ..
1989	37 ..
1990	56 ..

(setakat bulan Mei)

- (c) Kementerian Kebajikan Masyarakat sentiasa memberi perhatian terhadap masalah penderaan dan pengabaian kanak-kanak di negara ini serta berusaha mengurangkan gejala tersebut.

Usaha-usaha tersebut termasuklah:

- (i) menguatkuasakan dengan lebih ketat lagi undang-undang yang ada terhadap mereka yang telah bertanggungjawab dan di samping itu berusaha untuk melaksanakan kerja-kerja pencegahan bagi mengurangkan masalah penganiayaan

kanak-kanak ini seperti Perbekalan Akta Kanak-kanak dan Orang Muda, 1947;

- (ii) memberi penerangan kepada orang ramai melalui ceramah-ceramah, bengkel, seminar dan melalui media massa dan risalah-risalah dari masa ke semasa terhadap gejala penganiayaan kanak-kanak bagi mendapatkan kerjasama masyarakat supaya tampil ke hadapan melaporkan sebarang kejadian penyiksaan kanak-kanak kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan seberapa segera;
- (iii) menyedari betapa seriusnya masalah penganiayaan kanak-kanak ini, Jawatankuasa Intervensi Terhadap Penganiayaan Kanak-kanak Ialahpun ditubuhkan di peringkat kebangsaan bagi mengawasi serta menyelaraskan tindakan-tindakan terhadap masalah penganiayaan kanak-kanak; dan
- (iv) memandangkan bahawa perbekalan undang-undang pada masa ini tidak mencukupi, kini Kementerian Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama agensi-agensi lain yang berkaitan telahpun menubuhkan sebuah Jawatankuasa untuk menggubal satu undang-undang baru yang akan diberi nama Akta Perlindungan Kanak-kanak yang mungkin lebih lengkap dan komprehensif.

Bagi keganasan rumahtangga, Kementerian Kebajikan Masyarakat juga adalah sentiasa berusaha untuk mengawal dan membanteras perbuatan tersebut dengan mengadakan berbagai aktiviti seperti berikut:

- (1) Kementerian Kebajikan Masyarakat sentiasa menumpukan perhatian kepada usaha-usaha

mengendalikan masalah dalam keluarga seperti masalah ketniskinan yang disebabkan oleh pengangguran, kecacalan ahli keluarga, penjenayahan dan keruntuhan akhlak di kalangan remaja, deraan, pengabaian terhadap anak dan sebagainya. Penumpuan juga adalah merangkumi usaha bagi memulih atau memperbaiki keadaan dan seterusnya berikhtiar mengukuhkan ikatan kekeluargaan dengan sokongan ahli keluarga sekalian ke arah keluarga yang sejahtera.

- (2) Peranan Kementerian Kebajikan Masyarakat dalam kes keganasan rumahtangga adalah sebagai pendamai dan segala perselisihan adalah dicari penyelesaiannya melalui rundingan antara kedua pihak suatni isteri. Dengan itu, sesi-sesi rundingan adalah sentiasa diadakan.
- (3) memberipendidik tidak formal kepada orang ramai melalui ceramah, bengkel, seminar, media massa dan risalah dari masa ke semasa terhadap gejala keganasan rumahtangga dan meminta kerjasama masyarakat terutamanya pasangan suami isteri supaya memupuk suasana keluarga yang harmoni bagi menjamin kesejahteraan keluarga. Orang ramai juga adalah dinasihatkan supaya menghubungi Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka sekiranya mereka mempunyai apa-apa masalah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Daripada angka-angka yang telah disampaikan tadi oleh Yang Berhormat Menteri untuk tahun demi tahun, tidak dapat dinafikan bahawa masalah penganiayaan kanak-kanak telah merupakan satu masalah besar yang baru-baru ini semakin

berleluasa. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apakah tindakan yang telah diambil ataupun dapat diambil oleh Kementerian berkenaan untuk memastikan penubuhan pasukan petugas di tiap-tiap negeri ataupun di tiap-tiap daerah untuk membanteras masalah penganiayaan kanak-kanak.

Yang kedua yang saya ingin mendapat tahu ialah apakah sebab pihak Kementerian tidak dapat membentangkan satu Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak dalam sesi Dewan Rakyat ini. Sungguhpurr Yang Berhormat Menteri telahpun menyatakan di dalam suratkhobar pada bulan April dan Mei bahawa Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak akan dibentangkan dalam sesi Dewan Rakyat pada bulan Jun, akan tetapi baru-baru ini saya difahamkan bahawa Rang Undang-undang hanya dapat dibentangkan pada bulan Okiober yang akan datang.

Dato Mustaffa bin Mohammad:

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pasukan Jawatankuasa Intervensi yang saya maksudkan tadi terhadap penganiayaan kanak-kanak ini memang menjadi hasrat Kerajaan untuk menubuhkannya di semua negri dan daerah dan kini beberapa jawatankuasa telahpun ditubuhkan. Sebagai usaha tambahan, Kementerian Kebajikan Masyarakat juga telah menubuhkan apa yang kami panggil Pasukan Sukarela Kebajikan di setiap kampung dan kawasan-kawasan perumahan bagi membantu Jabatan-jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengawasi sambil membantu Kerajaan dalam kerja-kerja kebajikan.

Mengenai Akta Penganiayaan Kanak-kanak, memang hasrat saya sendiripun kalau boleh Rang Undang-undang itu dibentangkan seberapa cepat ke Parlimen - memang menjadi harapan dan hasrat kami. Tetapi dalam waktu yang sama kami dapati juga bahawa ada keperluan untuk menyemak dan

menghalusi dan oleh sebab itulah maka Rang Undang-undang itu tidak dapat dibentangkan di sesi kali ini.

**BANK PUSAT KERJASAMA
BERHAD (CCB)—ASET
TANGGUNGAN**

3. **Tuan Ong Tee Keat** minta Mentri Kewangan menyatakan sejak Central Cooperative Bank (CCB) diletakkan di bawah penanggungan:

- (a) apakah keadaan untung-ruginya;
- (b) berapakah hutang lapok yang masih belum dituntut kembali; dan
- (c) berapakah projek perumahan yang melibatkan wang pinjaman CCB telah didapati cidak berdaya maju lagi dan seterusnya gagal dipuHhkan. Berapa pula jumlah pembeli yang terlibat.

Timbalan Menteri Kewangan

[**Dato'Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed**]: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Bank Pusat Kerjasama Berhad (CCB) telah diletakkan di bawah penerimaan atau, dengan izin, receiver-ship, pada 7hb Mac 1989 menurut Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit, 1986). Penanggung yang dilantik oleh Mahkamah Tinggi dikehendaki di antara lain menyediakan Penyata Urusan atau, dengan izin, Statement of Affairs, bagi membolehkan mereka memindahkan aset dan tanggungan CCB kepada sebuah institusi kewangan, selaras dengan skim penyelamat yang sedang diusahakan oleh Bank Negara Malaysia. Perlu dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Penyata Urusan bagi CCB hanya akan disediakan pada akhir keseluruhan tempoh penanggungan CCB untuk menunjukkan kedudukan kewangan yang muktamad bagi koperasi tersebut.

Walau bagaimanapun, dalam tempoh penangguhan CCB, pihak penanggung menyediakan penyata bulanan bagi penerimaan dan pembayaran. Bagi tempoh mulai 1 Mac 1989 sehingga 28 Pebruari 1990, jumlah penerimaan ialah sebanyak \$511 juta dan jumlah pembayaran adalah sebanyak \$481 juta.

Semenjak Bank Pusat Kerjasama Berhad diletakkan di bawah Penangguhan, usaha-usaha bagi mendapatkan kembali sebanyak mungkin pinjaman-pinjaman telah dipergiatkan. Seperti pada 31 Mac 1990 sebanyak \$1,423 juta pinjaman yang dikeluarkan oleh CCB masih belum dijelaskan. Jumlah pinjaman yang bercagar yang dapat dipungut sehingga akhir bulan Mac 1990 ialah \$190 juta.

Mengenai soalan Yang Berhormat yang akhir, jumlah projek perumahan yang melibatkan wang pinjaman CCB dan didapati tidak berdaya maju lagi ialah sebanyak 22 buah projek dan melibatkan pembeli berjumlah 2,080 orang.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapakah Bank Negara, penanggungnya atau penerimanya dibenarkan menutup secara tergesa-gesa semua cawangan CCB tanpa sebarang notis dan tanpa mempertimbangkan masalah-masalah yang akan dihadapi oleh para pendeposit CCB?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bukankah penutupan secara tergesa-gesa ini bercanggah dengan kuasa-kuasa perlu seperti yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana semangat dan makna kuasa-kuasa perlu tersebut adalah untuk melindungi para pendeposit dan saya tidak nampak bagaimana akta ini yang digunakan oleh Bank Negara untuk mengambilalih CCB boleh dilaksanakan dengan penutupan secara tergesa-gesa ini. Dan bukankah ini merupakan satu penghinaan kepada mahkamah, kerana tujuan sebenar

penutupan cawangan-cawangan CCB adalah untuk mengelakkan daripada membayar retrenchment benefits, dengan izin, kepada para pekerja CCB.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, penanggung bagi CCB ini telah bertindak selaras dengan garispanduan dan peraturan-peraturan yang ditetapkan. Berkenaan dengan kesulitan yang timbul kepada pendeposit, perkara ini akan diatasi oleh penanggung dan juga Bank Negara sendiri. Dan tidak ada niat yang lain berkaitan dengan penutupan ini seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tersebut.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya satu soalan yang pendek sahaja. Bilakah Cawangan CCB akan dibuka balik? Saya rasa ini adalah satu soalan yang penting kepada para pendeposit yang tidak dapat mengeluarkan wang deposit mereka dan sama ada Kerajaan sedar tentang kesulitan dan kesusahan yang dihadapi oleh mereka. Kalau ya, berikan satu tarikh bila kesemua wang cawangan ini akan dibuka dan bila para pendeposit boleh mengeluarkan wang mereka?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bila tarikh sebenarnya akan dibuka, saya tidak tahu - itu jawapan yang pendek. Tetapi skim penyelamat bank ini sedang diusahakan oleh Bank Negara seperti yang saya sebut tadi.

**PERDANA MENTERI/TIMBALAN
PERDANA MENTERI TIOAK
HADIR DI MESYUARAT MAJLIS
RAJA-RAJA**

4. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa beliau dan Timbalan Perdana Menteri tidak menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-raja pada 28hb Februari, 1990, dan mengapa beliau tidak hadir untuk menyambut ketibaan Duli Yang

Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong apabila Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong membuat lawatan rasmi ke Jabatan Perdana Menteri pada 19hb Mac, 1990 dan ke Kementerian Dalam Negeri pada 17hb April, 1990.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor]: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya dari awal lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dijadualkan menghadiri Persidangan Majlis Raja-raja dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah dijadualkan berada di luar negeri. Tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dijemput ke Lusaka, Zambia di saat-saat akhir untuk bersama dengan pemimpin-pemimpin negara luar untuk bertemu dengan Nelson Mandela. Penghormatan dan sanjungan dunia luar kepada Malaysia tidaklah wajar dilepaskan begitu sahaja. Sesungguhnya ketidak-hadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Persidangan Majlis Raja-raja pada 28hb Pebruari, 1990 adalah di dalam pengetahuan dan difahami kedudukannya oleh semua pihak yang berkenaan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak dapat hadir di Jabatan Perdana Menteri pada 19hb Mac, 1990 oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dtjaduat merasmikan Seminar al-Quran Antarabangsa di Pusat Islam, Kuala Lumpur yang telah ditetapkan tarikhnya sudah beberapa lama dahulu. Oleh yang demikian, telah diputuskan supaya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sahaja yang menyambut Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong apabila Duli Yang Maha Mulia Tuanku membuat lawatan ke Jabatan Perdana Menteri.

Ketika Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

melawat Kementerian Dalam Negeri pula pada 17hb April, 1990, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berada di Jepun kerana lawatan tidak rasmi. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah maklum akan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Jepun itu. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dan pegawai-pegawai kanan Kementerian telah menyambut keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan P. Pato: Bolehkah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri memberitahu dalam kedua-dua lawatan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Dalam Negeri, bilakah kedua-dua Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Dalam Negeri ini dimaklumkan tentang lawatan itu, dan sama ada kedua-dua lawatan itu dibuat secara tergesa-gesa ataupun sudden visit ataupun ia diberitahu sebulan atau dua bulan terlebih dahulu. Dan sekiranya diberitahu lebih awal, tidakkah boleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghantar penggantinya, Timbalan Perdana Menteri atau orang-orang lain untuk merasmikan sebarang seminar ataupun menunda lawatan tidak rasmi ke Jepun?

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya boleh. Saya botech beri tarikh itu dan saya pohon supaya dapat saya berikan kemudian kerana saya tidak dapat berikan pada masa ini, tetapi jawapannya boleh.

CABUTAN EMPAT NOMBOR EKOR DI SABAH

5. **Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sejak Kerajaan bercadang untuk menutup "Social And Welfare

Services Lotteries Board" selepas tarikh pengundian terakhir iaitu pada 11hb Oktober, 1990 untuk memeriksa aktiviti-aktiviti perjudian dan untuk menaikkan asimilasi nilai-nilai Islam, sama ada ia akan mengambil tindakan segera untuk mengurangkan jumlah cabutan 4 digit di Sabah yang mana telah tidak dapat dikawal, jika tidak berlebihan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah sama seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat pada 7hb Mac, 1990 dalam Mesyuarat Dewan yang lepas. Saya telah memberi jawapan kepada soalan tersebut dan tidak mempunyai apa-apa maklumat baru untuk ditambah.

MAS—NILAI KARGO HILANG

6. Tuan Mutang Tagal minia Menteri Pengangkutan menyatakan nilai kargo yang hilang (lost-baggage) dalam semua Penerbangan Sistem Malaysia (MAS) yang dilaporkan semenjak MAS ditubuhkan. Apakah jenis-jenis barang yang dilaporkan hilang. Apakah sebab-sebabnya kehilangan kargo ini berlaku dan berapakah pampasan yang dibayar oleh MAS. Senaraikan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, nilai kargo yang hilang berasaskan jumlah pampasan yang dibayar oleh MAS sejak penubuhannya pada tahun 1972 adalah sebanyak \$7,011,559.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MAS membuat pembayaran pampasan berdasarkan setiap kilo yang hilang. Bayaran tidak dibuat mengikut jenis-jenis kargo yang hilang. Dengan demikian, MAS tidak mempunyai rekod mengenai jenis-jenis barang yang dilaporkan hilang. Walau bagaimanapun, suka saya menyatakan bahawa

pampasan yang dibayar oleh MAS adalah mengikut kategori seperti berikut:

- (i) Rosak (damage);
- (ii) Hilang (loss);
- (iii) Lewat (delay);
- (iv) Hilang sebahagian (partial loss);
- (v) Rosak dan hilang sebahagian (damage and partial loss);
- (vi) Lewat dan rosak (delay and damage);
- (vii) Lewat dan hilang (delay and loss); dan
- (viii) Lain-lain (others).

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab terdapatnya kehilangan begej adalah memandangkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Begej dihantar kurang jumlahnya (shortshipment);
- (ii) Begej salah label (wrongly tagged);
- (iii) Begej salah hantar (wrongly forwarded);
- (iv) Begej salah punggah (wrongly off-loaded); dan
- (v) Begej terbawa ke stesyen lain (carried to other stations).

Kementerian Pengangkutan dan MAS telahpun mengambil beberapa langkah dalam usaha mengatasi begej yang hilang. Langkah-langkah tersebut adalah bertujuan bagi menetapkan matlamat ataupun zero mishandling dapat dicapai. Berasaskan matlamat ini, usaha-usaha seperti mengemaskini peraturan pengendalian begej, mengawasi peraturan-peraturan lapangan terbang, penghantaran begej terus melalui beberapa stesyen, pencegahan kecurian begej dan tuntutan palsu, telahpun dibuat. Sistem komputer, seminar tahunan dan latihan, juga telah diperkenalkan kepada kakitangan yang bertanggungjawab mengenai pengendalian kargo.

UMUR PERSARAAN PILIHAN SENDIRI—MENGURANGKAN

7. Tuan Chew Kam Hoy minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah rationale di sebalik tindakan mengurangkan umur bersara kepada 40 tahun bagi para pegawai Perkhidmatan Awam; dan
- (b) tidakkah tindakan sedemikian boleh merugikan negara dari segi keperluan kepakaran dan pengalaman yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

11. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah syarat-syarat yang perlu bagi membolehkan kakitangan Kerajaan bersara pada umur 40 tahun;
- (b) apakah faedah-faedah yang akan diberikan kepada kakitangan yang bersara awal; dan
- (c) apakah implikasi terhadap organisasi dan keanggotaan Perkhidmatan Awam sekiranya ramai kakitangan Kerajaan memilih untuk bersara sebelum mencapai umur persaraan.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Labuan iaitu pertanyaan nombor 11 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini kerana perkara yang disentuh hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tujuan Kerajaan mengurangkan umur persaraan pilihan sendiri kepada umur 40 tahun ialah untuk mengecilkkan saiz Perkhidmatan

Awam yang dianggap masih besar pada masa ini. Pengecikan saiz Perkhidmatan Awam ini akan membolehkan Kerajaan menjimatkan perbelanjaan membayar emolumen.

Di samping itu persaraan yang lebih awal di kalangan kakitangan Kerajaan akan membolehkan mereka yang bersara melibatkan diri dalam kerjaya di luar sektor awam dengan bekerja sendiri atau bekerja dengan sektor swasta.

Syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh seseorang pegawai dan kakitangan Kerajaan untuk bersara atas pilihan sendiri pada umur 40 tahun ialah jawatan yang diisi mestilah jawatan tetap, telah disahkan dalam jawatan dan telah diberi taraf berpencen. Namun demikian, kelulusan untuk bersara awal akan hanya diberi sekiranya persaraan itu tidak menjejaskan perkhidmatan awam.

Mereka yang bersara awal akan diberi ganjaran, pencen bulanan dan kemudahan-kemudahan rawatan percuma di hospital dan klinik Kerajaan.

Persaraan awal di kalangan kakitangan Kerajaan dianggap tidak akan merugikan negara dari segi keperluan kepakaran dan pengalaman kerana negara pada keseluruhannya akan mendapat manfaat daripada sumbangan mereka tidak kira sama ada mereka berkhidmat dengan perkhidmatan awam atau swasta.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada cadangan untuk mengurangkan umur bersara kepada umur 40 tahun ada berkaitan dengan pendapat peribadi Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa pencen orang-orang yang bersara awal haruslah dimansuhkan dan sama ada pihak Kabinet telah mengambil satu keputusan iaitu dengan secara terbuka repudiate, dengan izin, pendapat yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan?

Dato/Dr. Mohamad Yusof bin Haji

Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, tidak timbul masalah peribadi. Segalanya diuruskan mengikut saluran biasa kerana perkara ini merupakan satu cadangan yang telah dibawa secara rasmi dan tindakan-tindakan diambil mengikut cara yang rasmi juga dengan menggunakan saluran pentadbiran.

Saya mohon maaf mengenai soalan yang kedua, kurang jelas. Boleh ulangkan balik tak?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang kedua.

Tuan Lim Guan Eng: Soalan kedua, sama ada pihak Kabinet akan repudiate, dengan izin, atau akan menolak dan tidak bersetuju dengan pendapat peribadi Yang Berhormat Menteri Kewangan? Tetapi mengikut jawapan tadi oleh Yang Berhormat Menteri seolah-olah Kabinet akan membuat keputusan untuk membatalkan atau memansuhkan pencen yang akan diberikan kepada mereka yang bersara.

Dato Dr. Mohamad Yusof bin Haji

Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah berasaskan andaian. Kabinet belum bincang lagi, macam mana hendak tahu Kabinet tolak atau terima. Biar Kabinet bincanglah dahulu.

AKTA PELAJARAN 1961— PINDAAN

8. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Pelajaran 1961 akan dibentangkan dalam sesi persidangan Dewan Rakyat yang bersidang dari 11hb Jun hingga 22hb Jun 1990 ini; jikaya:

(a) kenapa deraf Rang Undang-undang ini tidak diumumkan bagi mendapat maklumbalas daripada orang ramai sebelum ia dibentangkan dalam Dewan Rakyat;

(b) apakah Kerajaan bercadang untuk membentangkan Rang Undang-undang ini untuk bacaan pertama sahaja dan akan menangguhkan bacaan kedua dan ketiga kepada sesi lain bagi memberi masa yang mencukupi untuk Ahli-ahli Dewan Rakyat mengkajinya dengan mendalam lagi. Jika ya, berapakah panjang tempoh masa yang akan diberikan untuk tujuan kajian; dan jika tidak, mengapa.

Jika tidak dibentangkan dalam sesi ini, nyatakan apakah deraf Rang Undang-undang ini akan diumumkan bagi mendapat maklumbalas orang ramai sebelum ia dibentangkan dalam Dewan Rakyat; jika tidak, mengapa.

Menteri Pendidikan [Tuan Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Pendidikan yang baru akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini setelah beberapa isu berhubung dengannya dapat diselesaikan dengan baik dan saksama. Usaha sedang dijalankan dan sudah di peringkat akhir bagi mencapai muafakat dan kata sepakat sebelum dibentangkan untuk kelulusan.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa selama ini pandangan orang ramai, pertubuhan-pertubuhan politik (tidak termasuk DAP) yang telah mengemukakan memo dan bekerja dan memikir dengan serius masalah pendidikan dibentangkan untuk pertimbangan Kementerian telah diambil kira. Saya jangka kalau tidak silap, lebih dari seribu pandangan yang dikemukakan dalam beberapa tahun kebelakangan ini dan pandangan ini telah diberikan perhatian yang sewajarnya semasa Rang Undang-undang ini digubal. Sepertimana juga yang telah saya jelaskan sebelum ini, Rang Undang-undang ini akan diumumkan kepada ramai sebaik sahaja Jemaah Menteri bersetuju dan oleh yang

demikian, saya tidak dapat tegaskan sama ada kita bersedia untuk memebentangkan sebelum akhir Dewan ini bersidang untuk bacaan kali pertama. Tetapi keputusan kita untuk mendedahkan kepada awam dan memberikan tempoh yang secukupnya untuk masyarakat membahaskan teiap akan dijalankan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Dalam jawapan yang awal, Yang Berhormat Menteri kala bahawa Rang undang-undang Pendidikan yang baru akan dibentang dalam sidang ini dan akhirnya dia kata tak tahu atau belum tentu dan pasti sama ada ianya akan dibentangkan bagi bacaan pertama. Saya tidak faham. Kalau mahu dibentangkan dalam Dewan ini tentu sekurang-kurangnya ada bacaan yang pertama.

Kedua, adakah hasrat Kerajaan bahawa Rang Undang-undang Pendidikan baru itu diluluskan dalam peringkat bacaan kali yang tiga dalam sidang ini yang akan tamat pada 22hb Jun. Ketiga, oleh kerana Yang Berhormat Menteri mengalakan bahawa hampir semua isu-isu besar sudah mendapat persetujuan dalam Jawatan-kuasa Kabinet, kenapa perkara-perkara yang mungkin sudah sampai 80%-90% atau lebih daripada 90% isi kandungan dalam Rang Undang-undang ini tidak boleh dimaklumkan kepada orang ramai supaya semua lapisan rakyat ada peluang untuk mengkaji dan bincang satu Rang Undang-undang yang begitu penting?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Periua, penjelasan saya agak terang, cuma Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini tak dapat menguasai bahasa dengan baik. Saya bimbang-takut Rang Undang-undang pun tidak dapat difahami dengan baik juga.

Walau bagaimanapun, biar saya jelaskan. Pertama saya kaitkan, walaupun dibentang kemungkinan besar hanya untuk bacaan kali pertama kerana kita tidak berhasrat untuk membentangkan

dan meluluskan secara tergesa-gesa atau gopoh-gapah kerana kita hendak memberikan peluang yang secukupnya kepada masyarakat membahaskan dan memberikan input terhadap cadangan-cadangan yang dibentangkan dalam Rang Undang-undang ini. Saya harap, dengan penjelasan itu beliau faham mengenai kemungkinan dibentangkan untuk bacaan pertama sekiranya Jcmaah Menteri meluluskan, tetapi tidak mungkin dapat dibentangkan dan diluluskan dalam tiga peringkat bacaan dalam sesi ini juga.

Walau bagaimanapun, komitmen Kerajaan untuk mendedahkan Rang Undang-undang ini kepada awam sebelum dibentangkan atau lebih penting sebelum diluluskan, kita tetap lakukan.

Dalam soalan yang berikut, Ahli Yang Berhormat telah meminta penjelasan mengenai isu besar yang telah dipersetujui dan mengapa belum dimaklumkan kepada orang ramai. Sebab kita tidak maklumkan lagi kerana kita tahu sehingga pihak Ahli-ahli Jcmaah Menteri mendapat kata sepakat dan Kerajaan merasakan semua faktor-faktor besar dan kecil dipersetujui bersama, kita tidak mahu parti-parti Pembangkang, khususnya DAP eksploitasi isu ini dan cuba meracuni fikiran rakyat. *{Disampuk}* melupakan prinsip penting dan memainkan sentimen sepertimana menjerit di Dewan sepertimana yang saya dengar sebentar tadi.

Inilah sebabnya mengapa kita tidak mahu Rang Undang-undang ini dibentangkan secara gopoh-gapah. Soal pokok, fundamental seperti mana saya jelaskan memang telah dipersetujui. Kalau semua masyarakat yang kita hadapi mempunyai sikap yang bertanggungjawab dan tidak ambil pendirian yang melampau seperti DAP, saya percaya Rang Undang-undang ini tidak akan menghadapi apa-apa masalah. Tetapi oleh kerana kita hadapi masalah dengan parti-parti politik yang chauvinist sikap mereka, maka kita

memang menghadapi sedikit kesulitan untuk membentangkan sebelum dijelaskan kepada orang ramai isi kandungan Rang Undang-undang ini dengan teliti.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri berkenaan kerana dalam jawapan sekejap tadi Yang Berhormat mengatakan kita tidak mahu membentangkan Rang Undang-undang ini secara tergesa-gesa sebelum kita dapat menyelesaikan atau membereskan beberapa isu. Begitulah jawabannya sekejap tadi dalam Dewan petang ini. Tetapi mengapakah suatu hari dahulu Menteri berkenaan dengan cara tergesa-gesa memberi kenyataan dalam akhbar bahawa Rang Undang-undang ini akan dibentangkan dan akan diberi maklumat melalui akhbarinya dari satu-persatu. Tetapi hari ini lain pulajawapan, tidak mahu tergesa-gesa sedangkan Menteri sendiri sudah tergesa mengeluarkan kenyataan.

Seorang Ahli: Cakap tak serupa bikin.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Apakah pada masa itu yang menjolok perasaan untuk mengeluarkan kenyataan, kenapa pula hari ini sebaliknya.

Seorang Ahli: Tidak bertanggungjawab.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Yang kedua pula, betulkah Rang Undang-undang ini tidak dapat dibentangkan kerana Kabinet menolak?

Seorang Ahli: Rahsia.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Yang pertama Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa sudah bakar akhbar, mana tahu kenyataan akhbar saya [*Ketawa*]. Ini susah, kerana kenyataan akhbar saya jelas

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Akhbar bakar, lepas itu kenyataan! [*Ketawa*]

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kenyataan saya jelas, saya mengatakan kita tidak mahu membentangkan secara tergesa-gesa. Walau bagaimanapun, sekiranya kita sudah capai kata muafakat mengenai Rang Undang-undang ini dedahkan kepada awam maka kita boleh bentangkan. Soal tergesa-gesa meluluskan memang saya tidak bersetuju dari awal dan ini memang menjadi pendirian Kerajaan.

Yang kedua, mengenai berita-berita angin yang sampai kepada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, kemungkinan Jemaah Menteri menolak, saya hendak jelaskan bahawa perkara itu tidak timbul. Yang berlaku dalam cara Kerajaan Barisan Nasional mentadbir—bukan APU—ialah kita bahas dulu, kita bawa cadangan Kementerian Pendidikan

Dato' Rais Yatim: APU itu apa?

Tuan Anwar bin Ibrahim: APU itu apa? APU kalau nama India pun ada [*Ketawa*], tetapi dalam konteks ini, saya ingat parti Dato' dari Jelebulah. Jadi, apa yang berlaku ialah satu cadangan Kementerian Pendidikan dibawa kepada Jemaah Menteri. Ada beberapa peruntukan yang difikirkan oleh Jemaah Menteri yang harus diteliti maka ditubuh satu jawatankuasa Jemaah Menteri. Jawatankuasa Jemaah Menteri berkenaan telah pun bersidang 8 kali untuk meneliti satu persatu ini Rang Undang-undang Pendidikan, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa! Kawan-kawan kita dalam PAS dia tidak tahu sebab dia tidak pernah kemukakan apa-apa pendapat pun [*Tepuk*] sepanjang kita bahaskan soal Akta Pendidikan ini. Yang ada kenyataan dari PAS ialah bahawa

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: [*Bangun*]

Tuan Anwar bin Tbrahim: biar saya jawab

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap—beri habis dulu dia jawab.

Tuan Anwar bin Ibrahim: . . . bahawa sistem pendidikan kita sekular dan anjurkan masyarakat membuat maksiat. Itu sahaja yang PAS erti, orang lain 1,000 lebih memo dikemukakan. Yang belum kemukakan hanyalah PAS dan sahabat karib DAP dan 46; yang ada semangat tetapi usul tidak sampai 46 yang dikemukakan [Ketawa]. Jadi saya hendak jelaskan bahawa Kabinet tidak menolak. Kabinet telah mengarahkan supaya perkara ini diteliti dan saya telah memberikan laporan dalatn tiap kali mesyuarat Jemaah Menteri tentang kemajuan yang dicapai dalam menyediakan Rang Undang-undang Pendidikan 1990.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah, cukuplah!

LESEN MEMBALAK DI SARAWAK—PENGELUARAN

9. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah dasar Kerajaan Pusat mengenai pengeluaran lesen membalak oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Alias bin Md. Ali]: Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran lesen membalak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Majlis Perhutanan Negara yang dianggotai oleh Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri termasuk Ketua Menteri Sarawak telah mempersetujui untuk memelihara khazanah hutan sebagai sumber asli yang dapat diperbaharui untuk pengeluaran secara berkekalan dan juga untuk memenuhi kepentingan pemeliharaan alam sekitar. Ke arah itu sejumlah 12.74

juta hektar Hutan Simpanan Kekal telah diwujudkan iaitu 4.75 juta hektar di Semenanjung Malaysia, 3.35 juta hektar di Sabah dan 4.64 juta hektar di Sarawak yang akan dipelihara dan diurus secara penghasilan berkekalan.

Sehubungan dengan ini, Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan juga tidak dapat mengelak diri daripada mengkaji semula kedudukan sumber •hutan mereka dari masa ke semasa untuk menjamin pengurusan hutan secara penghasilan berkekalan dilaksanakan dengan lebih berkesan.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987—MEMINDA

10. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian bercadang meminda Undang-undang Penggunaan Jalanraya dengan bertujuan mengurangkan lagi kemalangan. Adakah jawatankuasa keselamatan jalanraya yang dipengerusi oleh Y.A.B. Perdana Menteri mengeluarkan apa-apa perakuan mengenainya setakat ini.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan memang bercadang untuk meminda dan menambah beberapa peruntukan tertentu di dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan kaedah-kaedah yang diwujudkan di bawahnya. ini adalah supaya ianya bersesuaian dengan kehendak keselamatan jalanraya semasa demi untuk mengurangkan kadar kemalangan jalanraya.

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Jalanraya telah membuat beberapa ketetapan mengenai cara-cara untuk memperbaiki keadaan keselamatan jalanraya. Ketetapan-ketetapan ini sedang dikaji bagi memastikan sama ada peruntukan undang-undang yang sedia ada perlu dipinda untuk melaksanakan ketetapan-ketetapan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: No. 11 sudahpun disentuhi. Yang Berhormat Tuan Law Lai Heng.

[Soalan No.12 Y.B. Tuan Law Lai Heng tidak hadir]

TIMBALAN KETUA PENGARAH RISDA—SIASATAN RASUAH

13. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan meng-apakah bekas Timbalan Ketua Pengarah RISDA tidak dituduh di Mahkamah atas rasuah, cuma diarah bersara sahaja, walhal Pengarah Yayasan Sabah dituduh di Mahkamah. Sebut berapa orangkah pegawai-pegawai kanan Kerajaan telah diarah bersara dituduh kerana rasuah.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, siasatan rasuah terhadap bekas Timbalan Ketua Pengarah RISDA masih lagi di dalam tindakan pihak Badan Pencegah Rasuah Malaysia dan dengan demikian belum ada apa-apa tindakan yang boleh diambil ke atas beliau.

Mengenai pertanyaan kedua daripada Ahli Yang Berhormat itu, setakat ini belum ada mana-mana pegawai kanan Kerajaan yang diarah bersara dituduh kerana rasuah.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, adakah benar bahawa bekas Timbalan Pengarah itu dimima untuk bersara. Sekiranya ya, mengapa dia diminta bersara sekiranya tidak ada bukti bahawa beliau berasuah.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan tadi bahawa perkara ini dalatn tindakan. Dan mengenai apa Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa beliau telah diarahkan bersara, saya akan pastikan terlebih dahulu perkara ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, RISDA yang merupakan salah satu badan berkanun yang sudah terima teguran paling teruk dari Ketua Audit

Negara, sebagai satu badan berkanun yang susah mahu buat akaun dari tahun akhir 70an ke awal 80an, susah sampai akaunnya tidak boleh direcon-struct'kan. Wang awam berpuluh-puluh juta ringgit pun hilang. Bagaimana tidak ada satu orang dituduh dan diminta bersara awal sekiranya Kerajaan Barisan Nasional betul-betul mahu menghapuskan rasuah itu ataupun ia satu political time bomb yang Barisan Nasional, khususnya UMNO takut mengemukakan. Sebab RISDA sudah gagal untuk menolong pekebun-pekebun kecil getah.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Persoalan yang dibangkitkan di sini ialah mengenai Timbalan Ketua Pengarah, bukan masalah RISDA. Seharusnya Yang Berhormat memahami terlebih dahulu persoalan pokok dalam soalan ini dan selepas itu saya akan beri jawapan.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan pertanyaan itu tadi kerana tersilap, kalau salah tafsir. Ahli Yang Berhormat itu bertanya tadi bahawa akaun RISDA tidak boleh dibuat. Cuma saya hendak memberi keterangan bahawa akaun RISDA sekarang ini current....

Tuan Yang di-Pertua: Nanti Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh beri keterangan [*Ketawa*]. Yang Berhormat boleh membuat pertanyaan.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Saya hendak bertanya kepada Menteri berkenaan, benarkah akaun RISDA sekarang ini adalah current, maknanya akaunnya dibuat masa sekarang.

Tuan Hu Sepang: Point of order, dia adalah Pengerusi RISDA.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Saya bertanya, tidak ada apa-apa

Tuan Hu Sepang: Conflict of interests. Apakah maksud dia membangkitkan soalan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rasah, conflict of interests apabila sesuatu perkara itu diucapkan mempunyai interests, yang ini dia bertanya.

Tuan Hu Sepang:Ini merupakan ucapan.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab:Saya bertanya kepada Menteri, benarkan akaun RISDA sekarang ini....

Tuan Hu Sepang: Apakah dia sangat bimbangkah [*Ketawa*] terhadap RISDA? Tidak payah tanyalah.

Tuan Shahidan bin Kassim:Tuan Yang di-Pertua, point of order. Ahli dari Kuching adalah menjadi Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, dia pun ada kepentingan apabila dia bertanya soalan tadi. Dia tidak boleh tanya soalan sebab dia tanya apa-apa yang kita timbulkan dalam Public Accounts Committee, dia tanya balik di sini, padahal perkara itu belum dibentang di Parlimen. Itu lagi teruk [*Ketawa*J.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Dr. Mohamad Yusoff bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, bila orang bertanya kita kena hormat. Bila orang daripada parti Pembangkang, DAP bertanya, kita hormat dan sepatutnya dia hormatlah kepada orang lain yang bertanya juga. Mengenai akaun ini, sekarang ini telahpun di-kemaskinikan.

BAHASA KEBANGSAAN DI SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA—PENGUNAAN

14. **Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauhmanakah penggunaan Bahasa Kebangsaan di Syarikat-syarikat Swasta, terutamanya Syarikat

asing sengaja tidak mengindahkan penggunaan bahasa Kebangsaan umpamanya sekarang ini semua pam minyak BP di seluruh negara menulis "WELCOME" bukan Selamat Datang di bumbung atap oleh Syarikat berkenaan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, urusan pihak swasta dan orang ramai dengan Kerajaan memang dibuat dalam bahasa Malaysia hampir keseluruhannya. Jabatan dan agensi Kerajaan telah diarah supaya sentiasa menggunakan Bahasa Malaysia, walaupun ada pihak swasta atau orang ramai yang menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa lain apabila bcrurusan dengan pihak Kerajaan.

Untuk masa akan datang Kerajaan tidak akan bertolak ansur atau tidak melayan surat atau dokumen daripada syarikat-syarikat swasta yang ditulis dalam bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain melainkan dengan alasan-alasan atau sebab-sebab tertentu. Perlembagaan dan Akta Bahasa Kebangsaan memperuntukkan bahawa rakyat Malaysia bebas mengguna, mengajar atau belajar apa-apa juga bahasa lain selain dari Bahasa Kebangsaan. Teiapi urusan pentadbiran dan pengurusan dalam sektor swasta dan komunikasi mereka dengan pihak lain dalam atau luar negeri ditakrifkan sebagai urusan persendirian yang tidak diliputi oleh istilah bahasa rasmi yang digunakan oleh sektor awam. Walau bagaimanapun Kerajaan sentiasa menggalakkan pihak swasta supaya menggunakan Bahasa Kebangsaan apabila berurusan dengan orang awam di negara ini.

Mengenai kedudukan atau penggunaan perkataan "WELCOME" dan bukannya ungkapan "Selamat Datang" pada bumbung stesen minyak BP di seluruh negara— "WELCOME" ini bukan sahaja di BP tetapi di semua kedai gunting India "WELCOME" semua. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah menulis surat kepada pihak yang

berkenaan untuk meminta mereka mempamirkan ungkapan "Selamat Datang" pada bumbung stesen minyak BP di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 dan 15 hingga 59 adalah diberi di bawah ini.]

SYARIKAT BROKER SAHAM

12. TuanLawLaiHeng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) setakat hari ini, beberapa buah syarikat broker telah memenuhi syarat mempunyai modal berbayar (paid-up capital) sebanyak \$20juta;
- (b) apakah tindakan Kerajaan jika syarikat-syarikat broker tidak dapat memenuhi syarat tersebut menjelang tempoh yang ditetapkan.

Dato'Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 1hb Jun 1990, 10 daripada 47 buah syarikat broker saham yang beroperasi di negara ini telah memenuhi syarat supaya syarikat broker saham mempunyai modal dibayar sekurang-kurang sebanyak \$20 juta.
- (b) Di bawah peraturan berkaitan, Menteri Kewangan diberikan kuasa untuk mengecualikan atau memberi kelonggaran kepada mana-mana syarikat broker saham sekiranya difikirkan perlu. Dalam hal ini, hampir kesemua syarikat broker saham yang belum lagi mematuhi peraturan tersebut telah memohon kepada Kementerian saya supaya diberi

kelonggaran atau masa yang lebih panjang untuk mematuhi peraturan berkenaan. Semua permohonan yang diterima akan dikaji satu persatu dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

KEBUDAYAAN NEGARA MELALUI KEMPEN "TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990

15. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sejauh manakah Kementerian berkenaan turut memainkan peranan untuk mengenengahkan, memperkenalkan dan memperkembangkan kebudayaan negara ini di tengah-tengah usaha gigih Kementerian untuk menarik pelancong melalui kempen "Tahun Melawat Malaysia 1990".

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan [Dato' Haji Sabbaruddin Chik]: Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan menjalankan pelbagai program ke arah mewujudkan satu kebudayaan Negara seperti program penggalakan, yang melibatkan aspek-aspek kesenian sezaman dan tradisional, aspek pembinaan sosio budaya dan khidmat nasihat mengenai kebudayaan. Kerja kreatif dan pembangunan kebudayaan dilaksanakan di bawah program pembangunan kesenian. Program perhubungan kebudayaan dalam dan luar negeri dijalankan juga bagi mewujudkan satu sistem komunikasi dan penerangan yang lebih berkesan di bidang kebudayaan. Di samping itu aspek-aspek yang bersifat ilmiah dan akademik dilaksanakan di bawah program penyelidikan kebudayaan. Program kebudayaan tersebut melibatkan penyertaan semua kaum di negara ini. Mengenai peranan Kementerian dalam mengenengahkan, memperkenalkan dan mengembangkan kebudayaan negara kepada para pelancong sempena kempen "Tahun Melawat Malaysia", Kementerian telah

dan akan melaksanakan tiga bentuk program iaitu:

(a) *Persembahan Kesenian Dalam Negeri*

- Mengadakan pementasan Harian di Komplek Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC).
- Persembahan melalui program anjuran Kerajaan/swasta untuk peserta luar negara yang menyertai Seminar/Konvensyen antarabangsa yang diadakan di Kuala Lumpur.
- Melalui program tetap/ad hoc di hotel-hotel.
- Acara kesenian dalam Malaysia Fest, sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan dan lain-lain upacara negara.
- Pesta Kesenian Rakyat dan Minggu Pelancongan anjuran Kerajaan-kerajaan negeri.
- Melalui program Pusat Pentas Perdana anjuran Kompleks Budaya Negara.

(b) *Program Promosi Pelancongan*

Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia dalam usaha promosi Pelancongan keluar negeri juga telah membawa kumpulan-kumpulan kesenian untuk mengadakan persembahan kesenian negara di negeri-negeri yang mempunyai Pejabat Perbadanan Kemajuan Pelancongan.

(c) *Program Kebudayaan Sempena Tahun Melawat Malaysia*

- Pesta Kesenian Rakyat Asian yang diadakan pada 1hb—7hb Pebruari, 1990 di Stadium Negara.

Perhimpunan Penyair Asia yang telah diadakan pada 13hb—17hb Mei, 1990 di Universiti Malaya.

Pameran Tamadun Islam Sedunia diadakan pada 4hb Jun hingga 31hb Ogos, 1990 di Pusat Islam.

Pesta Kesenian Rakyat Universiti ASEAN akan diadakan pada 9hb—16hb Jun, 1990 di Universiti Malaya.

Bengkel Muzik Belia Sedunia akan diadakan pada 16hb September, 1990.

Kejohanan Silat Terbuka Malaysia akan diadakan pada 1hb—7hb Disember 1990.

SIDANG KEMUNCAK G-15

16. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) hasil kepada negara kita daripada mengadakan Persidangan Kemuncak Perundingan dan Kerjasama Selatan-selatan (G-15) pada 1 hingga 3 Jun lalu;
- (b) jumlah kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk mengadakan persidangan tersebut; dan
- (c) tujuan-tujuan untuk menubuhkan Kumpulan Perundingan dan Kerjasama Selatan-selatan (G-15) dan implikasi diplomatik jika ada, daripada negara-negara seperti Amerika Syahkat, Jepun, Eropah Barat dan Kanada dan Eropah Timur kepada Kumpulan 15 ini.

21. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Luar Negeri menyatakan isu-isu penting yang akan dibincangkan dalam persidangan kemuncak pertama Kumpulan Perundingan dan Kerjasama

Selatan-selatan atau Kumpulan K15 yang berlangsung dari 1hb Jun hingga 3hb Jun 1990 di Kuala Lumpur. Apakah selain daripada masalah politik, masalah ekonomi yang melibatkan dunia ketiga berserla beberapa projek yang telah diusahakan bersama akan dibincangkan. Dan apakah pendirian dan sumbangan seterusnya yang akan dimainkan oleh Malaysia supaya pertubuhan itu benar-benar menjadi penubuhan Dunia Ketiga yang berkesan.

26. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan akan menyediakan satu laporan lengkap mengenai rundingan atau perbincangan yang berlangsung di dalam mesyuarat G-15 akan datang memandangkan perjalanan mesyuarat adalah tertutup kepada pihak akhbar. Jika tidak, mengapa. Jika ya, bila;
- (b) setakat ini, apakah hubungan perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara ahli lain G-15 di segi isipadu import, eksport, bantuan teknikal, pinjaman dan sebagainya. Apakah matlamat atau peningkatan dalam hubungan yang ingin dicapai oleh Kerajaan bagi negara khususnya di dalam aspek-aspek berkenaan melalui rundingan bulan Jun ini.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Di dalam menjawab soalan ini, izinkan saya menjawab juga soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Soalan No. 21) dan Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw (Soalan No. 26) yang menyentuh tentang perkara yang sama.

Bahagian (a) soalan ini telahpun dijelaskan di dalam jawapan saya pada awal Sidang hari ini.

Berkaitan dengan (b) pula, saya belum dapat memberitahu jumlah

perbelanjaan yang sebenar kerana Kementerian saya sedang menyediakan akaun sepenuhnya perbelanjaan yang telah dibuat. Saya akan memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat sebaik sahaja jumlah yang sebenar dapat ditentukan. Walau bagaimanapun, Kumpulan ini telah menunjukkan keyakinan terhadap kebolehan Malaysia mengelolakan Sidang Kemuncak periniis ini. Dengan yang demikian, perbelanjaan yang kita keluarkan untuk mengelolakan Sidang Kemuncak ini perlulah dilihat sebagai sumbangan kita sebagai usaha-usaha terhadap mempertingkatkan kerjasama Selatan-selatan, khususnya di bidang ekonomi yang memang merupakan teras dasar hubungan luar negeri kita. Dalam konteks ini, tidaklah dapat dinafikan bahawa Sidang Kemuncak G-15 itu merupakan satu perkembangan yang penuh bermakna bagi negara-negara Selatan sejak Persidangan Bandung dalam tahun 1955.

Berkaitan dengan soalan bahagian (c) pula, saya yakin negara-negara Kumpulan G-7 dan juga negara-negara Eropah Timur akan menyambut baik penubuhan G-15 ini dan Sidang Kemuncak Pertamanya di Kuala Lumpur kerana:

- (a) Sidang Kemuncak tersebut adalah memberi penekanan kepada pentingnya unsur saling bergantung antara satu sama lain di kalangan negara-negara di dunia di dalam mencari penyelesaian kepada masalah-masalah ekonomi antarabangsa. Dalam erikata lain, kumpulan ini bersifat "non-confrontational" di mana ia menyedari pentingnya kerjasama Utara-Selatan yang konstruktif dan bermakna;
- (b) Sidang Kemuncak itu juga menyedari pentingnya kerjasama Selatan-selatan yang berkesan untuk membolehkan dialog Utara-Selatan diwujudkan semula.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini juga. Presiden Suruhanjaya Kesatuan Ekonomi Eropah (EC), Encik Jacques Delors telah menghantar sepucuk kawat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, selaku Pengerusi Sidang Kemuncak ini, yang mengalu-alukan Sidang Kemuncak G-15 ini dan juga menyampaikan hasrat EC untuk bekerjasama dengan Kumpulan ini.

Kebanyakan perkara ini ditimbulkan oleh Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Saoaln No. 21) telah juga saya jawab pada awal Sidang ini tadi. Saya juga ingin memaklumkan bahawa Sidang Kemuncak G-15 pada keseluruhannya menumpukan perhatian kepada kerjasama Selatan-selatan dan isu-isu ekonomi antarabangsa. Masalah-masalah politik tidak ditimbulkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, langkah kita untuk mengelolakan Sidang Kemuncak perintis ini dengan sendirinya merupakan sumbangan negara untuk menentukan G-15 benar-benar menjadi satu forum Dunia Selatan yang berkesan. Tambahan pula, Sidang Kemuncak ini juga telah mempersetujui tiga projek, dua daripadanya adalah projek cadangan Malaysia untuk pelaksanaan secepat mungkin.

Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw telah juga mengemukakan soalan mengenai G-15 (Soalan No. 26).

Memang benar, Sidang Kemuncak ini diadakan secara tertutup kerana ini adalah format yang telah dipersetujui oleh kesemua Ketua-ketua Negara atau Kerajaan berkenaan. Ini adalah untuk menggalakkan perbincangan yang lebih bebas dan terbuka. Narnun begitu, setiap negara yang mengambil bahagian akan menyimpan rekodnya sendiri dan mana-mana negara yang ingin mengumumkan kandungan laporan lengkapnya, perlulah mendapat persetujuan semua negara-negara anggota yang lain. Ini bukanlah sesuatu yang luar biasa bagi mesyuarat di peringkat Ketua-ketua Negara/Kerajaan dan memang menjadi

kelaziman di mesyuarat-mesyuarat yang sama seperti CHOGM, Sidang Kemuncak Kumpulan Negara-negara Maju (G-7) dan sebagainya.

Pormat yang digunakan ini amatlah berkesan kerana Ketua-ketua Negara atau Kerajaan tidak terasa terkongkong dan bebas menyuarakan serta bertukar-tukar pandangan untuk mencapai kata sepakat dan pendirian bersama.

Walau bagaimanapun, 'Joint Communique*' yang dikeluarkan di penghujung Sidang Kemuncak G-15 ini adalah juga dengan sendirinya merupakan laporan lengkap yang membayangkan perjalanan dan hasil-hasil yang dicapai di Sidang Kemuncak tersebut. Ini telahpun dikeluarkan kepada pihak akhbar dan telahpun disiarkan sepenuhnya oleh salah satu akhbar tempatan.

Hubungan Malaysia dengan negara-negara G-15 di dalam bidang-bidang yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat memang telah sedia wujud sebelum G-15. Pada tahun lalu, jumlah dagangan Malaysia dengan negara-negara anggota G-15 ialah \$4.3 billion (\$4,323.7 juta). Jumlah eksport Malaysia ke negara-negara tersebut ialah \$2.3 billion (\$2,253.6 juta) berbanding dengan jumlah import sebanyak \$2.1 billion (\$2,070.1 juta) yang memberi kita lebihan dagangan sebanyak \$184 juta. Ini merupakan peningkatan dagangan kepada hampir tiga kali ganda berbanding dengan tahun 1980 di mana kita hanya mencatatkan jumlah dagangan sebanyak \$1.4 billion sahaja. Ini bermakna dalam masa 9 tahun sahaja, jumlah dagangan kita dengan negara-negara berkenaan bertambah lebih daripada 300%. Apa yang ingin saya tegaskan di sini ialah terdapat potensi yang menggalakkan dalam bidang perdagangan dengan negara-negara Selatan yang harus kita eksploitasi sepenuhnya. Inilah matlamat utama Kumpulan G-15 selaku penggerak kepada peningkatan kerjasama Selatan-Selatan.

Di samping itu, kita juga telah mewujudkan pelbagai bentuk kerjasama teknikal dengan beberapa Kumpulan tersebut, khususnya Indonesia, Nigeria, Senegal dan Mesir melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM). Ini akan terus dilaksanakan di samping dibuka juga untuk penyertaan negara-negara anggota yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penubuhan G-15 bukanlah sekadar mempertingkatkan kerjasama di kalangan negara-negara G-15 semata. Seperti yang telah saya nyatakan, kumpulan ini hanya merupakan satu Porum penggerak (catalyst) kepada peningkatan kerjasama Selatan-selatan keseluruhannya. Projek-projek Kumpulan 15 adalah terbuka untuk penyertaan kesemua negara-negara Selatan.

NILAI RINGGIT MALAYSIA

17. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyalakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menstabilkan nilai Ringgit Malaysia berbanding dengan matawang negara-negara seperti Singapura, Brunei, Jepun dan lain-lain. Adakah beliau sedar bahawa Ringgit kita belum boleh dikatakan kukuh.

Dato'Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Seperti yang telah saya beritahu dalam persidangan Dewan Rakyat yang lalu, turun naik nilai Ringgit berbanding dengan sesuatu matawang adalah ditentukan oleh faktor pasaran di pasaran pertukaran matawang asing. Pada keseluruhannya, turun dan naik nilai ringgit berbanding dengan nilai matawang tertentu sama ada dolar Singapura, Brunei, Yen Jepun dan lain-lain matawang adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor penawaran dan permintaan terhadap Ringgit berbanding dengan matawang yang tertentu. Telah menjadi dasar Kerajaan tidak campur tangan di dalam pasaran matawang asing. Kerajaan hanya bertindak untuk

menentukan pasaran terhadap Ringgit adalah teratur. Semenjak tahun 1988, nilai Ringgit telah bertambah kukuh terhadap nilai Yen, Dollar Amerika Syarikat, Pound Sterling dan komposit rakan dagangan utama Malaysia.

Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan lagi kedudukan nilai Ringgit di pasaran. Langkah-langkah ini termasuklah dasar-dasar fizikal dan kewangan yang berhati-hati untuk menggalakkan pelaburan swasta dan meningkatkan eksport negara. Langkah-langkah ini telah berhasil di dalam mengukuhkan pertumbuhan negara dan meningkatkan pelaburan terutamanya pelaburan-pelaburan asing. Dengan keadaan ekonomi yang semakin kukuh dan kedudukan rizab kita yang memuaskan, adalah dijangka bahawa nilai Ringgit akan terus kukuh dan stabil pada masa akan datang.

PENGGERUDIAN TELAGA MINYAK DI BLOK PM—1

18. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bagaimana hasil penggerudian di telaga-telaga minyak di Perairan Kedah kawasan PM-1; dan
- (b) bilakah usaha akan dilaksanakan bagi operasi sepenuhnya bagi pengeluaran minyak/gas di kawasan Perairan Kedah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud]:

- (a) Blok PM-1 terletak di barat laut Selat Melaka, meliputi kawasan luar pantai Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor. Kontrak mencarigali petroleum di kawasan tersebut telah diberikan kepada sebuah konsortium diketuai oleh Sun Malaysia Petroleum Co. pada bulan Disember, 1987.

Sebanyak 3 telaga eksplorasi telah digerudi oleh Sun Malaysia Petroleum Co. di Blok PM-1 bermula dari bulan Ogos 1989 hingga Januari 1990. Hasil pengerudian hanya menunjukkan tanda-tanda gas sahaja yang mana kuantitinya adalah sangat kecil.

- (b) Syarikat tersebut kini sedang membuat penilaian lanjut terhadap hasil-hasil pengerudian itu dan usaha selanjutnya adalah bergantung kepada hasil dari kajian-kajian yang dijalankan.

PENYALAHGUNAAN DADAH DI INSTITUSIPENGAJIAN TINGGI

19. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pendidikan menyaikan sejauh manakah masalah penyalahgunaan dadah di kalangan pendidik di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini. Jika keadaan ini semakin serius, adakah ini menjadi faktor kepada timbulnya masalah disiplin yang semakin menyulitkan di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini belum lagi tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi tempatan yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Di kalangan pendidik di sekolah-sekolah pula, guru-guru yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah amatlah kecil bilangannya. Sepanjang tahun 1982 sehingga 1989 hanya 45 orang guru sahaja yang telah terlibat dengan kes penyalahgunaan dadah.

Kementerian menganggap keadaan ini tidak serius dan tidak pula menjadi suatu faktor yang menyulitkan masalah disiplin di sekolah. Fenomena ini dapat dibendung oleh Kementerian dengan mengambil tindakan tatatertib yang tegas. Daripada 45 kes yang dinyatakan

ladi, 32 orang guru yang terlibat telah ditamatkan perkhidmatan, 6 orang ditangguhkan kenaikan gaji dan 7 orang diberikan tindakan celaan atau amaran.

PROTONSAGA—JUMLAH PENGELUARAN

20. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah pengeluaran Proton Saga dari tarikh mula dikeluarkan hingga 31 Mei 1990. Dari jumlah itu berapakah yang dieksport ke luar ncgri dan sebut negeri-negeri berkenaan. Bagaimana masa depan Proton Saga bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Sehingga 31 Mei 1990, sebanyak 203,664 unit Proton Saga telah dikeluarkan. Sehingga tarikh tersebut juga sebanyak 18,982 unit telah dieksport ke 11 buah negara seperti berikut:

Negara	Jumlah Eksport (unii)
1. United Kingdom	15,359
2. Eire	1,160
3. Singapura	1,221
4. New Zealand	469
5. Jamaica	185
6. Bangladesh	176
7. Brunei Darussalam	40
8. Malta	110
9. Sri Lanka	90
10. Nauru	12
11. Mauritius	60
	18,982

Prospek Proton Saga di tahun-tahun akan datang dijangka cerah memandangkan kedudukan pasaran yang menggalakkan pada masa ini. Bagi pasaran dalam negeri kereta Proton Saga berjaya menguasai kira-kira 65.9% daripada pasaran kereta penumpang bagi tahun 1989. Manakala bagi pasaran luar negeri, Proton Saga telah mendapat

sambutan yang menggalakkan bagi pasaran di United Kingdom yang telah dapat menjual sebanyak 15,359 unit dalam tempoh kurang dari satu setengah tahun semenjak kereta tersebut dipasarkan di negara berkenaan. Bagi menjamin penguasaan berterusan Proton Saga di pasaran dalam negeri, PROTON tidak akan mengubah polisi mengeluarkan kereta yang murah tetapi bermutu kepada pengguna dalam negeri, manakala bagi pasaran luar negeri, PROTON akan meluluskan eksport Proton Saga ke banyak lagi negara maju termasuk negara-negara yang keretanya dipandu sebelah kiri. Selain daripada itu keadaan pertumbuhan ekonomi negara yang menggalakkan pada masa ini dan pada masa akan datang akan mendorong ke arah masa depan Proton Saga yang lebih baik.

[Soalan No. 21. Sila lihat Jawapan No.26j

JET PEJUANG—RUNDINGAN PEMBELIAN

22. Tuan P. Patto minta Menteri Luar Negeri menyatakan dengan jelas apakah perkara-perkara yang telah dibincangkan oleh beliau dengan Perdana Menteri United Kingdom baru-baru ini sewaktu beliau berada di United Kingdom untuk bercuti dan sama ada dalam perbincangan yang diadakan itu beliau telah juga merundingkan tentang pembelian kapal-kapal pejuang jenis TORNADO untuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sepertimana Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding) dengan United Kingdom dalam bulan September, 1988, jika ya, apakah persetujuan yang telah dicapai dalam pembelian ini, dengan menyatakan harga dan alat-alat yang akan dibeli itu.

Dato'Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Sewaktu bercuti di London baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah sempat bertemu dengan Perdana Menteri Britain, Puan Margaret

Thalcher. Kedua-dua Perdana Menteri telah memhincangkan secara umum perkembangan-perkembangan yang berlaku di dunia sekarang, termasuklah perubahan-perubahan di Eropah Timur dan penyatuan semula kedua-dua negara German. Isu-isu ekonomik antarabangsa juga telah dibincangkan.

Seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, soal pembelian jet pejuang dari Britain masih dirundingkan dan ketetapan belum lagi dibuat oleh Kerajaan.

PROTON SAGA LIMOUSINE

23. Tuan Hsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlahnya model Proton "Limousine" telah dihasilkan oleh Syarikat PROTON. Apakah kos yang dianggarkan bagi tersebut, dan sama model tersebut dapat dipasarkan di pasaran tempatan pada masa yang akan datang; jika ya, bila.

Dato'Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Proton Saga model "Limousine" sebenarnya dikeluarkan oleh Edaran Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (EON). Setakat ini hanya sebuah "prototype" Proton Saga "Limousine" dikeluarkan oleh EON. Berhubung dengan kos pengeluaran kereta tersebut, Kerajaan tidak dapat menyatakannya kerana ianya adalah rahsia syarikat.

EON bercadang untuk memulakan penjualan kereta tersebut di pasaran tempatan pada bulan Ogos tahun 1990.

PETANI/NELAYAN—TARAP HIDUP

24. Tan Sri Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pertanian menyatakan apakah dasar dan program baru pihak Kementerian di dalam membantu dan meningkatkan taraf kehidupan sosio-ekonomi masyarakat petani dan nelayan di dalam Rancangan Malaysia Keenam berbanding dengan Rancangan Malaysia Kelima.

Menteri Pertanian [Datuk Seri Sanusi bin Junid]: Rancangan Program-program Pembangunan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME) akan berpandukan kepada Dasar Pertanian Negara (DPN) yang digubal dalam tahun 1984. Dasar yang terkandung dalam DPN, masih mampu untuk menangani masalah-masalah dan memenuhi keperluan sektor pertanian semasa hingga ke tahun 2000. DPN telah menggariskan dasar dan usaha-usaha jangka panjang yang hasilnya cuma akan mula dinikmati dalam tahun 1990an. Untuk memastikan kesinambungan usaha-usaha, maka kebanyakan dari dasar-dasar yang terkandung dalam DPN akan terus dilaksanakan.

Teras pembangunan bagi tempoh RME adalah untuk mempergiatkan sektor pertanian dalam menghasilkan nilai tambah dan pertumbuhan yang lebih tinggi melalui penggunaan sumber-sumber yang optima. Dengan lain perkalaan, pelaksanaan program/projek dalam RME akan berorientasikan kepada peningkatan pertumbuhan dalam kegiatan-kegiatan pertanian, ternakan, perikanan dan pemprosesan makanan yang secara khusus akan memberi kesan kepada peningkatan pendapatan serta mengurangkan insiden kemiskinan di luar bandar.

Bagi tempoh ini, Kementerian melalui Jabatan/Agensinya akan mempertingkatkan keupayaan aktiviti-aktiviti para petani/penternak nelayan bagi membolehkan mereka berfungsi sebagai suatu unit perniagaan. Ini bermakna bahawa tumpuan program/projek dalam RME akan dialihkan kepada 'market-oriented*' seperti yang pernah diamalkan dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML) di mana usaha-usaha akan digembeling kepada pembentukan sifat-sifat keusahawanan dan berdikari di kalangan masyarakat tani. Kementerian berhasrat untuk menjadikan masyarakat tani sebagai suatu masyarakat yang dinamik dan mampu, sama ada secara individu

mahupun secara berkelompok untuk meraih peluang-peluang ekonomi yang sedia ada. Perubahan-perubahan keseluruhan yang diharap dapat dicapai dalam pembangunan bagi tempoh ini ialah pemodenan, 'efficiency' dan komersialisasi dalam kegiatan-kegiatan pertanian serta pengwujudan hubungkait pengeluaran yang lebih luas di antara, dan di dalam ekonomi ladang dan kebun-keben kecil.

Dalam era 1990an, Kementerian Pertanian melihat pertumbuhan Peladang dan Persatuan Nelayan sebagai 'Tocal point' dan 'catalyst' bagi pembangunan sektor pertanian dan luar bandar. Schubungan dengan ini Kementerian akan memastikan bahawa segala bantuan akan disalurkan melalui pertumbuhan-pertumbuhan ini bagi memastikan bahawa bilangan keahliannya bertambah yang secara langsung memberi manfaat kepada lebih ramai petani dan nelayan.

KAWALAN KESELAMATAN DALAM NEGERI

25. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah kemampuan bagi kawalan keselamatan dalam negeri setakat ini, dan:

- (a) sebutkan faktor-faktor dari luar negeri dan dalam negeri yang sedang dan akan mengancam keselamatan negara kita; dan
- (b) tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk menghadapi ancaman tersebut.

45. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan keadaan keselamatan di negeri Perak dan adakah pernah Kerajaan kurang mampu mengawal keselamatan negeri Perak, khususnya di kawasan Sungai Siput (U) sebelum dan selepas PKM melancarkan senjatanya.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad]:

Kerajaan telah membuktikan kemampuan untuk mengawal keselamatan dalam negeri untuk memelihara dan menjamin kesejahteraan hidup rakyat.

- (a) Di antara ancaman-ancaman dalam negeri terhadap keselamatan negara termasuklah kegiatan-kegiatan sensitif yang boleh menyemarakkan perasaan perkauman dan seniimen keagamaan, termasuk isu-isu seperti bahasa, kebudayaan, kegiatan puak-puak pelampau samada dari segi politik dan agama dan sebagainya. Di samping itu kita sentiasa bersikap berwaspada terhadap ancaman komunis sebagai satu kegiatan ideologi meskipun PKM telah menamatkan perjuangan bersenjata mereka berikutan dengan perjanjian yang termeterai pada 2hb Disember, 1989 lalu.

Dari segi ancaman dari luar kita sentiasa memberi perhatian yang rapi terhadap kegiatan-kegiatan risikan dan penyeludupan.

- (b) Pada keseluruhannya Kerajaan telah berjaya membendung ancaman-ancaman yang dihadapi dengan berkesan. Selain dari operasi yang dijalankan oleh pasukan-pasukan keselamaian (Tentera, Polis dan sebagainya), tindakan juga diambil berdasarkan undang-undang negara dari masa ke semasa terhadap mereka yang terlibat.

Tidak perah timbul keadaan di mana Kerajaan kurang mampu mengawal keselamatan dalam negeri Perak, khususnya di kawasan Sungai Siput (Utara) baik sebelum atau selepas PKM menamatkan perjuangan bersenjatanya.

[Soalan No. 26. Sila lihat Jawapan No. 16]

FELDA—HAKMILIKTANAH

27. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) apakah kenyataan untuk memberi hakmilik tanah PELDA kepada peneroka suatu dasar atau ia masih dalam peringkat pertimbangan. Jika ia dasar, bila hakmilik itu akan diberikan;
- (b) Kerajaan menanggung semua perbelanjaan dan pengurusan PELDA, tetapi apakah yang menyebabkan prestasi PELDA tidak dapat menyamai prestasi pentadbiran ladang-ladang yang terpaksa menanggung perbelanjaan sendiri.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Datuk Kasitah bin Gaddam];

- (a) Pemberian hakmilik tanah kepada peneroka memanglah menjadi dasar Kerajaan. Permohonan hakmilik tanah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri apabila peneroka selesai menjelaskan Bayaran Memiliki Harta dan lam-lain bayaran yang perlu kepada Kerajaan Negeri, bagi membangunkan kawasan ladang dan lot rumah mereka. Tempoh bayaran tersebut dijadualkan mengambil masa selama 15 tahun. Sehingga ini seramai 10,478 peneroka di 49 rancangan telahpun menerima hakmilik tanah secara individu.
- (b) Prestasi ladang bergantung kepada tiga faktor utama iaitu kos pengeluaran, harga dan kuantiti pengeluaran. Dalam pengiraan kos pengeluaran, asas kos yang diambil kira adalah dari kos pembangunan utama dan kos operasi. Buat masa ini kos pembangunan adalah agak tinggi jika dibanding dengan swasta

manakala kos operasi adalah selanding. Kos pembangunan yang agak tinggi dipengaruhi oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Kawasan topografi ladang swasta lebih rata dan terletak di kawasan subur dan maju. Rancangan PELDA berada di pendalaman, topografinya tidak rata, maka kos penyelenggaraan dan pengangkutan lebih tinggi. Kos juga bertambah bagi menghadapi serangan penyakit dan haiwan proszak.
- (ii) Kebanyakan ladang swasta merupakan tanaman generasi kedua dan ketiga yang memberikan keuntungan dari segi jangkamasa penanaman yang lebih pendek dan kos penyelenggaraan ladang yang lebih rendah.
- (iii) Swasta membiayai pembangunan ladangnya melalui pendapatan kawasan matang. PELDA pula, pembangunan rancangan dibiayai melalui pinjaman, ini memberi kesan kepada pertambahan kos pembangunan.
- (iv) Di ladang swasta sumbangan kerja adalah lebih optimum kerana pkerja dibayar upah. PELDA pula, oleh kerana peneroka merupakan bakal pemilik ladang, kawalan ke atas kerja mereka di ladang adalah terhad.
- (v) Peneroka diberikan pinjaman sara hidup semasa ladang masih belum mengeluarkan

hasil kerana pendapatan dari upah kerja tidak mencukupi. Ini meningkatkan kos pengeluaran.

Dari segi harga, pengeluaran ladang PELDA adalah di paras harga yang setanding dengan pasaran. Walau bagaimanapun dari segi kuantiti, pengeluaran FELDA agak rendah sedikit kerana dipengaruhi oleh faktor muka bumi yang kurang sesuai, ladang kurang subur dan kawalan kerja yang terhad terhadap peneroka berbanding dengan ladang swasta.

DADAH—PENGEDAR DIHUKUM GANTUNG

28. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai pengedar-pengedar dadah dihukum gantung dari 1 Januari 1990 hingga 30 Mei 1990; dan
- (b) berapa banyak dadah yang telah dirampas setakat ini.

Dato' Seri Dr. Mabathir bin Mohamad:

- (a) Kerajaan telah berjaya membendung dengan berkesannya masalah dadah. Mulai 1 Januari 1990 hingga 30 Mei 1990, seramai 13 orang pengedar dadah telah dijatuhkan hukuman gantung.
- (b) Jumlah dadah yang telah dirampas daripada tahun 1975 hingga 30 Mei 1990 adalah seperti berikut:

<i>Jenis</i>	<i>Jumlah</i>
(i) Candu Mentah	3893.34 kg
(ii) Candu Masak	433.98 kg
(iii) Morphin	187.81 kg
(iv) Heroin	1672.68 kg
(v) Ganja	8420.40 kg
(vi) Pil Psikotropik	225,688 biji

**PEPERIKSAAN SIJIL
PELAJARAN MALAYSIA—
PRESTASI PELAJAR**

29. **Tuan Haji Mohamed Sambin Haji Sailan** minta Menteri Pendidikan menerangkan prestasi Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia sejak empat tahun kebelakangan ini. Bolehkah prestasi ini dijadikan ukuran kepada prestasi pelajar-pelajar kita di institusi tinggi di dalam mahupun di luar negeri. Apakah rancangan Kerajaan terhadap pelajar-pelajar yang tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka ke pusat-pusat pengajian tinggi.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menilai pencapaian pelajar di akhir sistem persekolahan menengah atas (Tingkatan Lima). Ia memberikan gambaran prestasi mereka pada ketika itu. Sejauh mana ia boleh dijadikan ukuran prestasi di peringkat pengajian yang lebih tinggi, belum dapat dipastikan dengan nyata. Walau bagaimanapun secara umum, pelajar-pelajar mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan SPM dapat mengikuti dan menamatkan pengajian tinggi dengan memuaskan. Keputusan SPM dari tahun 1986 hingga 1989 adalah memuaskan dengan peningkatan peratus lulus dari setahun ke setahun seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Lulus</i>
1986	70.2
1987	72.5
1988	73.1
1989	76.7

Pelajar-pelajar yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi bolehlah mengikuti kursus di pusat-pusat latihan perindustrian, meneruskan pengajian ke politeknik-politeknik, mengikuti kelas Tingkatan Enam dan institut atau kolej-kolej swasta yang menyediakan berbagai kursus serta latihan di negara ini.

GURU SANDARAN

30. **Tuan M.G. Pandithan** minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat ini berapa ramai guru sandaran yang terdapat di negara kita. Dari jumlah ini, berapa ramai guru sandaran yang terdapat di sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Sehingga hari ini, berapa ramai guru sandaian yang telah diserapkan dengan Kerajaan dan apakah rancangan disambung perkhidmatan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk maklum Ahli Yang Berhormat, jumlah guru sandaran tidak terlatih yang sedang berkhidmat di sekolah rendah adalah seramai 15,511 orang sementara di sekolah menengah pula adalah seramai 1,546 orang. Dari jumlah ini terdapat seramai 1,882 orang guru sandaran tidak terlatih sedang berkhidmat di SRJK(T). Hanya guru sandaran tidak terlatih, yang telah memohon dan diterima untuk diberi latihan di Maktab Perguruan diserap ke jawatan tetap. Walau bagaimanapun, guru sandaran tidak terlatih yang sedang berkhidmat di sekolah ataupun yang tidak disambung perkhidmalan bolehlah memohon untuk memasuki maktab perguruan secara sepenuh masa tertakluk kepada kelayakan yang disyaratkan dan melalui prosedur yang kini sedang berkuatkuasa.

ASRAMA DESA

31. **Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sehingga kini berapa buahkah Asrama Desa bagi sekolah-sekolah di luar bandar telah didirikan. Dan di negeri-negeri manakah yang terlibat;
- (b) apakah hasil dan pencapaian sekolah-sekolah Asrama Desa tersebut boleh dibanggakan atau sebaliknya. Kalau ia berapakah kadar peratus kejayaan dicapai; dan

- (c) adakah Kementerian bercadang menambahkan lagi bilangan Asrama Desa tersebut.

18.6.90

18. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa banyakkah Asrama Desa yang telah didirikan seluruh negara dalam tahun 1988, 1989 dan 1990. Berapa banyakkah tempat yang dapat dibcrikan kepada pelajar-pelajar khususnya pelajar luar bandar dan perbelanjaan yang terlibat dalam pembinaan dan penyediaan kelengkapan dalam asrama itu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Terdapat 2 soalan yang sama atau hampir sama yang bersangkutan dengan isu Asrama Desa. Oleh itu, saya memohon untuk menjawab kedua-dua soalan tersebut sekali gus. Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan adalah seperti berikut:

<i>BU.</i>	<i>Ahli Yang Berhormat</i>	<i>Tarikk</i>
1.	Y.B. Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff	11.6.90
2.	Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah	18.6.90

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

- (a) Pembinaan sesebuah Asrama Desa dijalankan secara gotong royong oleh masyarakat setempat dengan kos pembinaannya berjumlah \$50,000 seunit. Setiap pelajar Asrama Desa dikecualikan daripada membayar yuran makan sejumlah \$1.00 seorang sehari. Setakat ini terdapat seramai 10,750 orangpelajardari kawasan luar bandar telah ditempatkan ke Asrama-asrama Desa yang dibina di kawasan-kawasan luar bandar di seluruh negara, kecuali di Wilayah Persekutuan. Jumlah Asrama Desa yang telah dibina hingga kini adalah sebanyak 179 buah.

Di Sarawak tidak terdapat Asrama Desa, walau bagaimanapun terdapat sebanyak 467 buah asrama di sekolah rendah dan 91 buah di sekolah menengah Kerajaan yang terletak pada keseluruhannya di luar bandar.

- (b) Kementerian Pendidikan belum mendapathasilyang benar-benar terperinci mengenai pencapaian pelajar-pelajar Asrama Desa kerana konsep Asrama Desa ini adalah satu konsep yang baru dan terlalu awal bagi membuat sebarang kajian yang menyeluruh mengenainya. Setakat ini pencapaian pelajar-pelajar adalah membanggakan dengan pendapatan keluarga kurang dari \$175.00 sekeluarga sebulan, mendapat kemudahan-kemudahan pembelajaran serta tempat tinggal untuk membantu mereka maju dalam pendidikan. Olch itu Kementerian Pendidikan sememangnya bercadang untuk menambah lagi pernbinaan Asrama-asrama Desa tersebut di kawasan yang memerlukannya.

EKSPORT/IMPORT IKAN

32. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah kemajuan dan kejayaan Malaysia mengeksport ikan keluar negeri setakat ini. Berapa ribu tankah setahun dan negara-negara manakah yang menjadi pengimport utama ikan dari negara kita.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Malaysia telah berjaya meningkat nilai eksport barangan ikan dari tahun 1985 hingga lahun 1988. Maklumat adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Nilai (\$)</i>	<i>Tan Metrik</i>
1985	220juta	156,863
1986	353juta	134,330
1987	445juta	166,513
1988	508	150,191

Malaysia juga telah mencatat lebih dagangan barangan ikan yang menggalakkan dalam tempoh tersebut, iaitu:

Tahun 1986	\$11.7juta
Tahun 1987	\$92 juta
Tahun 1988	\$124 juLa (meningkat 39.6%)

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengimport utama barangan ikan dari Malaysia ialah Jepun, Singapura dan Amerika Syarikat.

TENTERA—BANTUAN KEPADA FIJI

33. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) jenis-jenis bantuan tentera yang kini diberikan kepada Fiji oleh Kerajaan Malaysia; dan
- (b) memberi butir-butir tentang permohonan bantuan tentera yang dikemukakan oleh Komandan Perkhidmatan Tentera Fiji, Major-General Sitiveni Rabuka kepada Kerajaan Malaysia semasa beliau melawat Malaysia baru-baru ini.

72.6.90

33. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Malaysia telah bersetuju untuk memberi kemudahan latihan tentera kepada Tentera Fiji. Jikalau benar, nyatakan butir-butirnya.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato'Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang dijadualkan pada 12.6.1990 kerana kedua-dua soalan ini bertanyakan perkara yang lebih kurang sama,

- (a) Pada masa ini Kementerian Pertahanan telah menawarkan bantuan kepada Fiji di mana

Maktab Turus Angkatan Tentera menawarkan seorang pegawai tiap-tiap tahun mulai tahun 1988 untuk mengikuti Kursus Turus di Maktab tersebut. Manakala 2 orang pegawai telah menghadiri Kursus Ketua Kompeni di PULADA, Johor Bahru pada tahun 1988.

- (b) Kerajaan Fiji juga memohon untuk meluaskan lagi bidang kerjasama ketenteraan Malaysia-Fiji yang meliputi kursus, latihan dan tumpangan. Butir-butir yang dipohon ialah seperti berikut:

- (1) Menambah lagi tempat kursus kepada pegawai tentera Fiji di Maktab Turus Angkatan Tentera untuk tiga tahun berturut-turut mulai 1991.
- (2) Kursus Kerjaya/Naik Pangkat.
- (3) Kursus Ketua Platun.
- (4) Latihan Kadet untuk ketiga-tiga perkhidmatan.
- (5) Kursus menyelam dan kemahiran pelaut.
- (6) Latihan Juruterbang.
- (7) Tumpangan anggota tentera Fiji di Pasukan-pasukan tentera Malaysia.
- (8) Tumpangan 'consultant* ATM di Fiji.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, semua butir-butir permohonan ini masih dalam kajian Kerajaan.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA— PERUNTUKAN

34. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah anggaran perbelanjaan bagi Tahun Melawat Malaysia;

- (b) adakah Tahun Melawat Malaysia memberi keuntungan kepada ke seluruh penduduk Malaysia ataupun pihak tertentu sahaja; dan
- (c) berapakah jumlah pelancong yang datang ke Sabah dan Sarawak semenjak Tahun Melawat Malaysia dilancarkan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik:

- (a) Peruntukan untuk program Tahun Melawat Malaysia seperti yang diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia adalah M\$92 juta bagi jangkamasa 3 tahun.
- (b) Program Tahun Melawat Malaysia pada amnya memberi manfaat kepada ke seluruh rakyat Malaysia. Manfaat secara langsung dapat dinikmati oleh pengusaha syarikat-syarikat pengembara, hotel-hotel, tempat-tempat peranginan, pengangkutan, restoran atau gerai-gerai makanan dan kraftangan. Di samping itu, dengan berkembangnya perniagaan-perniagaan tersebut di atas akan memberi peluang pekerjaan yang luas kepada rakyat tempatan.
- (c) Jumlah pelancong yang datang ke Sabah dan Sarawak semenjak Tahun Melawat Malaysia 1990 dilancarkan bagi jangkamasa bulan Januari hingga April 1990 adalah 140,348 berbanding dengan 97,234 orang bagi tahun 1989 dalam jangkamasa yang sama iaitu pertambahan sebanyak 44.3%.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—TAHANAN

35. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang yang masih ditahan di

bawah Akta keselamatan Dalam Negeri dengan memberikan pecahan berikut: jumlah orang tahanan yang ditahan di setiap pusat tahanan; bilangan orang tahanan yang terdiri dari ahli parti-parti politik dengan memberikan bilangan orang-orang tahanan dari setiap parti politik yang terlibat.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Jumlah orang yang berada dalam tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) adalah 88 orang. Seramai 84 orang tahanan ditahan di tempat Tahanan Perlindungan, Kemunting, Taiping dan bilangan yang selebihnya seramai 4 orang ditahan di Tempat Tahanan Polis Mukim Batu, Kuala Lumpur.

Kesemua orang yang ditahan adalah atas sebab-sebab kegiatan-kegiatan mereka yang menimbulkan mudarat kepada keselamatan dan soal keahlian dalam mana-mana parti politik adalah tidak diambil kira. Kalau adapun ku adalah secara kebetulan sahaja.

KEMALANGAN JALANRAYA

36. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan kemalangan jalan raya dan bilangan orang yang tercedera dan meninggal dunia bagi tahun-tahun 1988, 1989 dan dari Januari hingga Mei, 1990;
- (b) matlamat-matlamat Jawatan-kuasa Kabinet mengenai Keselamatan Jalan Raya, berapa kali telah bermesyuarat dan apakah keputusan-keputusan yang telah diambil dan apakah sasaran dan cadangannya; dan
- (c) adakah apa-apa siasatan yang dijalankan mengenai tragedi Lebuhraya KL-Karak mengorbankan 15 nyawa dan apakah hasil siasatan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:

- (a) Bilangan kemalangan jalan raya dan bilangan orang yang tercedera dan meninggal dunia bagi tahun 1988, 1989 dan Januari hingga Mac 1990 adalah seperti berikut:

Tahun	Bil Kemalangan	Bil Kecederaan	Bil Kematian
1988	73,250	20,184	2,354
1989	75,626	26,947	3,090
Jan-Mac 1990	21,273	6,755	924

Perangkaan untuk bulan April dan Mei belum diperolehi lagi.

- (b) Matlamat-malamat Jawatankuasa Kabinet mengenai Keselamatan Jalan Raya adalah untuk membincangkan isu-isu keselamatan jalan raya dan memikirkan strategi dan seterusnya mewujudkan rancangan jangka pendek/jangka panjang yang sesuai bagi mengurangkan kadar kcmalangan jalan raya. Setakat ini Jawatankuasa Kabinet telah mengadakan mesyuarat sebanyak sekali pada 30 April 1990.

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet telah bersetuju perkara-perkara seperti berikut:-

- (i) Menetapkan matlamat (target) mengurangkan kematian akibat kemalangan jalan raya ke paras 30% pada tahun 2000.
- (ii) Mengkaji beberapa peruntukan undang-undang tertentu yang melibatkan peraturan lalulintas.
- (iii) Menimbang cara-cara mengelakkan kemalangan jalan raya seperti pemasangan tanda jalan, alat

'child restraint', lampu brek ketiga di tingkap belakang kereta, pembaikan jalan raya, alat-alat kawalan pemandu, kenderaan perdagangan dan lain-lain lagi.

- (iv) Mengenakan hukuman yang lebih deteran ke atas pesalah-pesalah yang mengakibatkan kematian.
 - (v) Menambah alat kelengkapan dan kakitangan untuk menjalankan aktiviti penguatkuasaan.
- (c) Siasatan ke atas tragedi Lebuhraya KL—Karak telah siap dijalankan oleh pihak Polis. Laporan bersabitkes ini telahpun dirujukkan kepada pejabat Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

SYARIKAT SAUJANA CAR HIRE SDN. BHD.

37. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sejauh mana Syarikat Saujana Car Hires Sdn. Bhd. telah memenuhi syarat yang berkehendakkan para pemandu teksinya memiliki 30% saham syarikat itu. Jika sudah, bila. Sila nyatakan pecahan 30 ekuiti syarikat Saujana sckarang. Jika belum, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Saujana Car Hire Sdn. Bhd. telahpun menukar syarikatnya daripada Sdn. Bhd. kepada Saujana Teksi Bhd. pada 26/2/1990. Langkah tersebut adalah untuk membolehkan syarikat berkenaan memberi ekuiti 30% kepada pemandu-pemandunya seperti yang disyaratkan oleh Kerajaan. Pelaksanaannya sedang berjalan sekarang.

**PENDATANGHARAMDI
SABAH—PENDAPTARAN**

38. Tuan Samson Chee Chin Tsu meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan Negeri Sabah sedang menjalankan gerakan pendaftaran kepada para pendatang haram pada masa yang sama dengan yang sedang dikendalikan oleh Special Task Force oleh Kerajaan Persekutuan. Mengapakah terdapat 2 gerakan pendaftaran yang berasingan bila satu pun telah lebih daripada mencukupi untuk menjalankan tujuan tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Pada masa ini hanya terdapat satu sahaja gerakan banci dan pendaftaran yang sedang dilakukan ke atas pendatang luar negeri di Sabah. Gerakan ini dikendalikan dan dikelolakan sendiri oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan, Majlis Keselamatan Nagaia.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Negeri Sabah juga sedang menjalankan satu gerakan pendaftaran yang berasingan adalah tidak tepat. Sebaliknya Kerajaan Negeri Sabah sedang memberi kerjasama kepada Pasukan Petugas Khas dalam gerakan banci dan pendaftaran yang sedang dijalankan sekarang ini.

KURSUS PERUBATAN DIINDIA

39. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan Malaysia dan India ada suatu perjanjian yang menghadkan jumlah penuntut Malaysia mengikut pecahan kaum yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke kursus-kursus perubatan di India.
- (b) jika ya, kenapakah perjanjian tersebut diadakan; dan

- (c) jika tiada, kenapakah pula wujud penurunan dalam jumlah penuntut dari kaum-kaum tertentu sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia dan India tidak ada membuat sebarang perjanjian untuk menghadkan jumlah penuntut Malaysia mengikut pecahan kaum yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke kursus-kursus perubatan di India.

Adalah didapati bahawa kurangnya pelajar-pelajar Malaysia khususnya dari kaum tertentu yang berminat untuk melanjutkan pelajaran di India mungkin disebabkan oleh pelajar-pelajar itu sendiri dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan India, seperti syarat-syarat kelayakan masuk, bidang-bidang pengajian yang dibenarkan, jumlah tempat yang disediakan kepada pelajar asing dan sebagainya. Ini ialah kerana permohonan untuk melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi di India adalah terbuka kepada semua kaum di negara ini.

**IJAZAH DARI UNIYERSITI
TAIWAN—PENGIKTIRAPAN**

40. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa ijazah-ijazah daripada Universiti-universiti Taiwan tidak diiktirafkan oleh Kerajaan Malaysia setakat ini;
- (b) berapa kali pihak Kerajaan telah membuat penilaian atas ijazah-ijazah tersebut bagi tujuan menimbang sama ada pengiktirafan boleh diberikan sejak tahun 1957 dan sebutkan tarikh-tarikh di mana penilaian dibuat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]: Sesuatu kelayakan

ijazah adalah dinilai mengikut keperluannya dalam Perkhidmatan Awam dan bukan untuk maksud mengiktirafnya dari segi kelulusan akademik semata-mata. Ijazah-ijazah dari universiti-universiti tempatan digunakan sebagai asas untuk menentukan tahap akademik serta nilai taraf sesuatu kelayakan yang dinilai. Kelayakan-kelayakan ijazah dari universiti-universiti luar negara yang dinilai oleh Kerajaan adalah diputuskan berdasarkan kepada fakta-fakta utama yang dinyatakan itu. Bagi kelayakan-kelayakan ijazah dari universiti-universiti di Taiwan, pengiktirafan tidak diberikan kerana tidak wujud keperluan dalam Perkhidmatan Awam untuk menilai dan mengiktiraf ijazah-ijazah tersebut.

Soal berapa kali Kerajaan telah membuat penilaian adalah tidak berbangkit kerana Kerajaan telah mengkaji perkara ini dengan mendalam dan membuat keputusan dasar bahawa ijazah daripada universiti-universiti tersebut tidak dapat diiktiraf.

LABUAN—STATUS PENUH BEBAS CUKAI

41. Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan Labuan status 'penuh' Bebas Cukai seperti Langkawi dengan tidak mengenakan apa-apa cukai bagi semua barangan yang diimport ke Labuan. Jika ada, bila dan jika tidak, mengapa.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Kerajaan tidak bercadang untuk memberikan Labuan status 'penuh' Bebas Cukai seperti Langkawi. Ini adalah disebabkan kedua-dua pulau tersebut telah dijadikan pelabuhan bebas atas tujuan yang berlainan.

Konsep pelabuhan bebas yang dipakai bagi Labuan ialah konsep

konvensional, iaitu konsep pelabuhan bebas yang biasa dipakai di setiap negara. Berdasarkan konsep inilah maka rokok dan minuman keras tidak dikecualikan cukai di Labuan.

Berkaitan Langkawi pula, tujuan utama pulau ini dijadikan sebagai pelabuhan bebas ialah untuk menarik pelancong-pelancong kesitu. Atas sebab inilah maka rokok dan minuman keras tidak dikenakan cukai di Langkawi, kerana jualan barang-barang ini secara bebas cukai boleh menarik pelancong.

Barangan yang dikenakan cukai apabila diimport ke Labuan ialah minuman keras, tembakau, cerut, rokok, mancis dan bahan petrolcum manakala bagi Langkawi pula ialah bahan petroleum, simen, marmar, getah dan ikan bilis.

PEGAWAI KANAN KERAJAAN BERMAIN GOLF DI WAKTU PEJABAT

42. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar terdapat pegawai-pegawai kanan Kerajaan meninggalkan pejabat di waktu pejabat bermain golf bersama orang-orang kenamaan. Kadangkala pergi ke luar negeri mengikut orang kenamaan keluar bermain golf tanpa mengambil cuti. Apakah langkah-langkah diambil oleh Kerajaan untuk mencegah penyelewengan ini.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan tidak sedar kerana setakat ini tidak ada laporan yang diterima mengenai adanya pegawai-pegawai kanan Kerajaan meninggalkan pejabat di waktu pejabat bermain golf bersama-sama orang-orang kenamaan tanpa izin. Kerajaan juga tidak sedar mengenai adanya pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang mengikut orang kenamaan keluar bermain golf tanpa mengambil cuti.

**PROTON SAGA
MENGUNAKAN ENJIN DIESEL**

43. **Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan adakah rancangan Kerajaan untuk mengadakan Proton Saga yang mempunyai kuasa minyak diesel bagi menolong pengusaha-pengusaha teksi.

Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Pada masa ini, Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) tidak mempunyai rancangan untuk mengeluarkan kereta Proton Saga yang menggunakan kuasa enjin diesel.

**PELANCONG KE MALAYSIA—
GALAKAN**

44. **Tuan Hashim bin Safin** minta Mentert Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pelancong dan dari negeri-negeri manakah yang telah melawat Malaysia mulai 1.1.1990 sehingga 15.2.1990;
- (b) apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan untuk memenuhi citarasa pelancong ke Malaysia; dan
- (c) benarkan terdapat usaha-usaha negara lain yang cuba menghalang usaha Kerajaan menggalakkan pelancong ke negara Malaysia.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian telah pun memperolehi perangkaan kemasukan pelancong ke Malaysia sehingga bulan April 1990. Berdasarkan kepada maklumat yang dikemukakan oleh Jabatan Imigresen, jumlah pelancong asing yang melawat Malaysia sehingga bulan April, 1990 ialah 2,596,298 berbanding dengan tempoh yang sama bagi

tahun 1989 sebanyak 1,563,492 iaitu pertambahan sebanyak 66%.

Jumlah pelancong mengikut negara asal yang ramai sekali melawat Malaysia antaranya adalah seperti berikut:

Singapura	—	1,583,816 orang
TTiaUand	—	167,313 orang
Jepun	—	165,442 orang
Taiwan	—	69,575 orang
United Kingdom/ Ireland	—	67,743 orang
Amerika Sysrikat	—	53,232 orang

- (b) Pada umumnya buat akhir-akhir ini Kerajaan tidak mempunyai banyak masalah untuk memenuhi citarasa pelancong-pelancong. Walau bagaimanapun, Kerajaan memberi perhatian khusus terhadap perkara-perkara seperti keselamatan, layanan baik, kebersihan, bersopan santun dan pcrkhidmatan yang bermutu di dalam memenuhi citarasa pelancong ke Malaysia. Namun demikian, kerjasama masyarakat dari semua pihak dan pcringkat adalah amat diperlu bagi sentiasa mengekalkan ciri-ciri ini sepanjang inasa.
- (c) Tiap-tiap negara mempunyai strategi masing-masing untuk menarik pelancong-pelancong. Kadang-kala strategi-strategi ini boleh dianggapkan sebagai membantut usaha negara kita. Namun demikian keadaan ini tidak sekali-kali menjejaskan serta mematahkan semangat dan cita-cita Kerajaan untuk mcrnajukan industri pelancongan. Bagi mengatasi sangkaan ini, Kerajaan telah bukan sahaja mengadakan dialog malahan mengadakan kerjasama di bidang pelancongan dengan negara berkenaan.

[Soalan No. 45. Sila lihat Jawapan No. 25]

PENDATANG HARAM VIETNAM

46. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada proses penapisan untuk menentukan bukan pelarian bona fide dari Yietnam di Pulau Bidong sudah dijalankan oleh Kerajaan dan setakat hari ini berapakah bilangan pendatang haram yang terpaksa dihantar pulang ke Yietnam. Berapa buah negara ketiga yang bersetuju menerima pelarian tersebut dan bilangan pelarian yang sudah diterima oleh negara-negara ini. Sama ada keputusan Kerajaan untuk menutup Pulau Bidong sudah dijalankan dan kalau belum apakah sebab-sebabnya.

14.6.90

30. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah reaksi Kerajaan Amerika Syarikat dan Kerajaan negara maju lain dengan keputusan kita untuk menutup Pulau Bidong. Adakah tekanan Amerika Syarikat baru-baru ini terhadap kita dalam perkara ini menjejaskan perhubungan dua hala yang baik. Jika ya, apakah bentuk-bentuk retaliasi ini.

61. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Dalam Negeri mengatakan jumlah bilangan orang pelarian Yietnam, Burma, Kampuchea, Laos yang diberi perlindungan sementara oleh Kerajaan sejak tahun 1980. Apakah benar bahawa terdapat orang-orang pelarian Yietnam yang tidak dibenarkan mendarat di Malaysia kebelakangan ini. Jika ada, mengapa. Jika tidak, bagaimana pula dakwaan tersebut dapat digembargemburkan oleh badan-badan antarabangsa seperti tertentu sehingga hendak mensabotaj Kempen "Tahun Melawat Malaysia".

Dato'Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Jawah anak Gerang bersama-sama dengan soalan-soalan yang berkaitan pada tarikh 14hb Jun oleh Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat dan juga oleh Tuan Mutang Tagal.

Oleh kerana soalan dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh semua aspek masalah Pendatang Haram Yietnam (PHY) di Malaysia, saya ingin mengambil kesempatan ini sekali lagi menerangkan dasar Kerajaan dan langkah-langkah yang diambil bagi mencari penyelesaian yang muktamad terhadap beban yang kita terpaksa tanggung sejak 1975.

Kerajaan tidak ada berganjak demi dasar menyelesaikan masalah ini secepat mungkin. Keputusan Kerajaan menutup Pulau Bidong dan mengosongkannya daripada penghuni-penghuni PHY adalah muktamad. Usaha ke arah pencapaian ini sebagaimana yang saya telah terangkan di Dewan ini di dalam Sessi yang lepas telah dijalankan oleh pihak Kerajaan dengan lancarnya melalui kerjasama multilateral dan juga perbincangan dua-hala dengan negara-negara berkenaan.

Di peringkat antarabangsa, Comprehensive Plan of Action (CPA) yang diterima oleh Persidangan Antarabangsa bagi Orang-orang Pelarian pada Jun 1989 bertujuan untuk penyelesaian secara menyeluruh dan berkekalan masalah ini. PHY yang berada di Malaysia sebelum tarikh 14hb Mac, 1989 akan dipindahkan ke negara ketiga dalam jangka waktu tiga tahun dari tarikh penerimaan CPA. Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, jumlah PHY dalam kategori ini yang masih berada di khemah Malaysia ialah 4,130.

CPA juga menitik beratkan soalan penyekatan pengeluaran secara haram PHY dari Yietnam. Dengan pelaksanaan penapisan kepada semua PHY yang tiba 14hb. Mac, 1989, tidak ada lagi jaminan secara automatik penerimaan mereka oleh negara-negara ketiga. Tujuannya untuk memisahkan bona fida pelarian dengan penghijrahan ekonomi di mana penghijrahan ekonomi tidak akan diterima oleh mana-mana negara dan sebaliknya, mereka mestilah dihantar pulang ke negara asal. Disamping itu,

negara asal mempunyai tanggungjawab menyekat pengeluaran secara haram warganegaranya dan memperluaskan Orderly Departure Programme sebagai saluran tunggal bagi mereka yang ingin berhijrah ke negara lain.

Malaysia telah pun memulakan rancangan penapisan kepada PHV yang tiba selepas 14hb Mac, 1989. Hasilnya menunjukkan 70% daripada mereka yang telah ditapis adalah bukan bona fida pelarian. Untuk menyelesaikan masalah PHV yang bukan orang pelarian, Malaysia akan terus mendesak Yietnam dan Amerika Syarikat supaya tidak mencntang penghantaran balik semua PHV dalam kategori ini sama ada mereka meminta pulang secara sukarela atau tidak. Sehubungan dengan ini, Malaysia akan terus berbincang dengan Yietnam untuk mengendalikan satu rancangan pengembalian mereka ke Yietnam.

Berhubung dengan kritikan-kritikan Amerika Syarikat mengenai pendirian Malaysia menolak pulang PHY, saya ingin menerangkan di Dewan yang Mulia ini bahawa tuduhan-tuduhan tersebut adalah tidak sbenar. Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga negara-negara berkenaan harus beringat bahawa sejak 1975, Malaysia telah memberi perlindungan sementara kepada lebih 250,000 PHY. Sejak 14hb Mac, 1989, sejumlah 13,596 PHY di 279 bot-bot telah diberi perlindungan sementara. Pada masa yang sama, Malaysia telah memberi bantuan perikemanusiaan kepada PHY yang ingin meneruskan perjalanan mereka. Kerajaan ingin menegaskan di sini bahawa sebagai negara yang berdaulat dan tanggungjawab adalah wajar kita untuk mengambil apa-apa langkah yang difikirkan perlu untuk menjamin keselamatan dan ketenteraman negara.

Seterusnya saya juga ingin menegaskan di Dewan yang Mulia ini bahawa tanggungjawab terhadap pencapaian penyelesaian yang

berkekalan adalah terletak khususnya ke atas Vietnam sebagai negara asal dan Amerika Syarikat yang juga menentang pelaksanaan semua perkara CPA. Yietnam mesti mengambil langkah yang lebih berkesan untuk menyekat pengeluaran secara haram warga-negaranya. Vietnam dan Amerika Syarikat mestilah menerima pelaksanaan semua perkara bersabit dengan penghantaran balik PHY yang bukan bona fida pelarian di negara asal. Sikap mereka menentang pelaksanaan perkara ini bukan sahaja menyekat penyelesaian masalah PHY dan membcbankaii negara perlindungan sementara, bahkan juga sikap ini tidak berperikemanusiaan. Pendirian mereka ini akan hanya menggalakkan PHY membuat satu perjalanan yang membahayakan diri mereka tanpa kepastian mengenai penempatan mereka di negara ketiga. Sikap Amerika Syarikat ini juga tidak boleh diterima. Sementara ia scring melaung prinsip perikemanusiaan, ia sendiri tidak bersedia dan tidak mahu menempatkan PHY yang bukan bona fida pelarian di Amerika Syarikat. Saya sekali lagi ingin menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan membiarkan saki baki PHY ini menetap di Malaysia dan akan terus berusaha menyelesaikan masalah ini secepat mungkin.

IBUSAWAT TELEKON/PEJABAT POS DI MUAR

47. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Kcmentcrian dapat mcmasang Pusat Pencawang Telefon di Kawasan Lenga dan Kundang Ulu, Muar dan sebuah Pejabat Pos di kawasan Durian Condong/Bukit Serampang Muar.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato'Seri S. Samy Vellu]:Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM) mempunyai rancangan untuk membina ibusawat-ibusawat berasingan

bagi kawasan Lenga dan Kundang Ulu, tetapi rancangan ini tidak dijangka dilaksanakan pada masa kini. Ini adalah kerana pada masa ini permintaan atau, dengan izin, demand di kawasan-kawasan itu belum mencukupi untuk pembinaan sebuah ibusawat baru.

Pada masa kini perkhidmatan telefon bagi kawasan Lenga dibekalkan dari Ibusawat Telefon Bukit Kepong manakala kawasan Kundang Ulu pula dibekalkan dari Ibusawat Bukit Gambir. Walau bagaimanapun pihak STM akan sentiasa mengkaji kedudukan perkara ini dari masa ke semasa dan akan mengambil tindakan sewajarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990), belum ada cadangan untuk menubuhkan sebuah Pejabat Pos di kawasan Durian Condong/Bukit Serampang. Walau bagaimanapun, 12 buah projek Pejabat Pos telah pun dicadangkan bagi Negeri Johor Darul Takzim untuk dilaksanakan dalam tempoh rancangan di atas. Projek-projek yang dicadangkan tersebut adalah merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk memperluaskan lagi rangkaian perkhidmatan pos di seluruh negara memandangkan masih terdapat kawasan-kawasan yang perlu dibekalkan dengan perkhidmatan pos secara yang memadai, cekap dan mempunyai kos yang berkesan.

Sungguhpun tiada Pejabat Pos di kawasan Durian Condong/Bukit Serampang pada masa ini, namun penduduk setempat boleh mendapatkan kemudahan perkhidmatan pos melalui perkhidmatan Pejabat Pos Bergerak dan penubuhan dua buah Pejabat Pos Mini. Pejabat Pos Bergerak Jementah dan Pagoh membekalkan perkhidmatan pos melalui lawatan 4 kali seminggu ke kawasan tersebut. Pejabat Pos Mini Bukit Serampang dan Bukit Kepong yang telah ditubuhkan baru-baru ini telah pun memberikan perkhidmatan pos mulai bulan Disember 1989 dan Januari 1990

yang lepas. Kedua-dua jenis perkhidmatan tersebut ada memberikan perkhidmatan pos yang lengkap sebagaimana yang biasa diberikan oleh sebuah Pejabat Pos.

KEWARGANEGARAAN RAKYAT ASING

48. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian beliau boleh menimbang meluluskan permohonan untuk menjadi warganegara Malaysia oleh pemohon-pemohon yang tidak lahir di Malaysia tetapi isteri mereka warganegara Malaysia dan anak-anaknya juga warganegara Malaysia memandangkan pemohon-pemohon ini tidak mempunyai negara lain yang boleh menjadi tanahair mereka dan juga mereka menghadapi masalah mencari rezeki kerana memegang kad pengenalan merah yang dengan sendirinya menafikan mereka peluang pekerjaan.

Dato'Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Kementerian Dalam Negeri sentiasa menimbang permohonan menjadi warganegara Malaysia dari mereka yang lahir di luar negeri berdasarkan kepada meritnya sendiri.

Adalah tidak benar bahawa pemegang kad pengenalan merah dinafikan peluang pekerjaan di negara ini.

KTM—KENAIKAN DAN PENURUNAN TAMBANG

49. TuanLimGuanEng minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sebab mengapa tambang keretapi perlu dinaikkan terutamanya kelas dua dan tiga;
- (b) sama ada tambang keretapi kelas dua dan tiga akan diturunkan memandangkan ia digunakan oleh golongan yang berpendapatan rendah yang membebaskan mereka dan kalau tidak mengapa;

- (c) tambahan hasil yang akan diperolehi akibat kenaikan tambang tersebut yang dilaksanakan pada bulan Januari tahun ini; dan
- (d) sama ada jambatan keretapi buat scmeniera di Sungai Rawang telah diganti memandangkan ia dalam keadaan "usang" yang amat membahayakan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Pada masa ini soal kenaikan atau penurunan tambang KTM masih belum diputuskan. Walau bagaimanapun, ingin saya menegaskan di sini bahawa soal ini akan diberi perhatian yang sewajarnya supaya rakyat berpendapatan rendah tidak dibebankan sewenang-wenangnya.

Adalah tidak benar KTM telah menaikkan tambangnya mulai bulan Januari 1990. Oleh yang demikian, tidak timbul tambahan hasil yang diperolehi akibat daripada kenaikan tambang tersebut.

Mengenai jambatan keretapi di Sungai Rawang, projek pembinaan jambatan baru telah dimulakan dalam bulan Mac, 1990. Projek ini dijangka akan siap pada bulan Oktober 1990.

DOKTOR SWASTA— MELAPORKAN KES PENGANIAYAAN

50. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada Kementerian beliau sedar bahawa doktor-doktor swasta yang memberi rawatan perubatan kepada kanak-kanak yang mengalami penganiayaan tidak melaporkan kes-kesnya kepada pihak Polis. Mereka enggan berbuat demikian kerana takut didakwa oleh ibu bapa yang terbabit dalam jenayah tersebut. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi jajian luar atau "loopholes" mengenai undang-undang yang wujud.

Dato Mustaffa bin Mohammad: Akta yang berkuatkuasa pada masa kini, iaitu Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947, tidak mempunyai peruntukan bagi mewajibkan seseorang doktor swasta untuk melaporkan sebarang kejadian penganiayaan kepada pihak berkuasa. Untuk mengatasi kelemahan yang ada pada Akta ini Kementerian Kebajikan Masyarakat sedang menggubal sebuah Akta yang dikenali sebagai Akta Perlindungan Kanak-Kanak. Akta ini akan mengadakan khas bagi mewajibkan semua doktor swasta termasuk Pegawai Perubatan Kerajaan untuk melaporkan kepada pihak berkuasa apabila mereka mengetahui atau mengesyaki semasa menjalankan rawatan ke atas seseorang kanak-kanak bahawa kanak-kanak itu telah disiksa ataupun dianiaya oleh penjaganya.

ALIRAN MODAL KE LUAR NEGERI

51. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah kebocoran modal yang berlaku menerusi pelaburan dalam saham ke luar negeri menjelang bulan Mei, 1990 berbanding dengan tempoh masa yang sama pada tahun-tahun 1980, 1982, 1986, 1988 dan 1989. Apakah pula jumlah penyaluran modal ke luar negeri yang berlaku sebaik sahaja kedua-kedua Bursa Saham Kuala Lumpur dipisahkan daripada Bursa Saham Singapura, berbanding dengan tempoh masa setemnya apabila CLOB DITUBUHKAN. Apakah pula jumlah penyaluran keluar modal ke luar negeri dalam tempoh masa yang sama pada tahun-tahun 1980, 1988 dan 1989; dan
- (b) Jika tidak ada maklumat sedemikian, maka bagaimana Kerajaan mengawal penyaluran keluar wang negara ke luar negeri menerusi pelaburan dalam saham selama ini.

Dato'Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Negara kita mengamalkan sistem kawalan pertukaran asing yang liberal di mana aliran kluar-masuk wang daripada sumber persendirian boleh dibuat untuk apa jua tujuan tanpa sebarang sekatan. Dengan demikian, Kementerian Kewangan tidak mempunyai rekod mengenai jumlah sebenar aliran modal ke luar negeri sebagaimana yang dibangkitkan dalam pertanyaan Ahli Yang Berhormat berkenaan.

Walaupun aliran keluar-masuk wang tidak dikawal, tetapi dengan iklim pelaburan yang sentiasa kukuh dan stabil, Kerajaan percaya negara kita akan terus menjadi tarikan dan tumpuan kepada pelabur-pelabur.

PESARA KERAJAAN DALAM SYARIKAT BERKANUN

52. **Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikan pegawai kanan Perkhidmatan Awam yang telah bersara dan diberi jawatan-jawatan penting dalam syarikat berkanun dan syarikat di mana Kerajaan mempunyai kepentingan dan bagaimana prestasi mereka. Dan apakah syarat-syarat yang dikenakan di atas perlantikan mereka.

Dato'Dr. Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Berdasarkan kepada rekod yang ada, seramai 7 orang pegawai kanan Perkhidmatan Awam telah bersara dan diberi jawatan dalam syarikat berkanun dan syarikat di mana Kerajaan mempunyai kepentingan. Prestasi mereka adalah memuaskan.

Syarat-syarat perlantikan adalah ditentukan sendiri oleh syarikat-syarikat yang berkenaan.

KBSR—PRESTASI

53. **Tuan Haji Mohamed Sambin Haji Sailan** minta Menteri Pendidikan menerangkan berkenaan Prestasi Sistem KBSR sejak diperkenalkan dengan

mengambil kira kos yang terlibat, masa yang digunakan, tenaga pengajar dan kemudahan bangunan sekolah yang tidak dapat digunakan untuk pendidikan agama. Adakah sistem ini perlu diperkemaskan lagi dan nyatakan rancangan-rancangan dan persediaan-persediaan yang dibuat.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian yang menyeluruh dan terperinci mengenai KBSR sedang disempurnakan oleh Universiti Sains Malaysia. Walau bagaimanapun, dapatan-dapatan awal menunjukkan pencapaian murid KBSR, terutamanya dari segi penguasaan asas 3M dan pembinaan sahsiah diri melebihi prestasi KLSR. Paktor ini pentng dan berkait rapat dengan pembinaan daya fikir, pemupukan keyakinan diri dan peningkatan prestasi akademik.

Walaupun KBSR menunjukkan prestasi yang baik, Kementerian Pendidikan terus menerus mengkaji dan berusaha memperbaiki kelemahan-kelemahan yang wujud. Pada 21-25 Mei 1990, Kementerian Pendidikan telah menganjurkan Seminar Kebangsaan Penilaian Pelaksanaan KBSR dengan tujuan untuk mengetahui keadaan pelaksanaan yang sebenar dari semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan KBSR. Semua maklum balas dan syor-syor dari Seminar ini sedang dikaji dengan teliti. Berikutnya Kementerian Pendidikan akan menyusun rancangan bertindak untuk memperbaiki dan mengukuhkan KBSR.

Masalah pelaksanaan KBSR dari segi fizikal telah dikaji dan diatasi dari masa ke semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semasa program KBSR diperkenalkan, keperluan bilik Pendidikan Agama Islam telahpun diambil kira, di mana projek-projek bangunan baru, tambahan dan gan tian untuk sekolah rendah yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima, butiran projek bilik agama telah dimasukkan sebagai projek-projek

sekolah rendah. Manakala masalah kekurangan guru telah dan sedang diatasi dari masa ke semasa. Sehingga tahun 1987 sebanyak \$224 juta telah diperuntukkan untuk pelaksanaan KBSR.

PERMIT POLIS

54. Tuan M.G. Pandithan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah dalam negara kita yang mengamalkan demokrasi sering terdengar rancangan-rancangan atau peruntukan yang dikatakan oleh sesuatu persatuan atau parti-parti politik tidak diberikan permit polis. Apakah syarat-syaratnya.

' Dato'Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Memang benar bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan demokrasi tetapi bukanlah bermakna semua orang boleh berbuat sekehendak hati sendiri termasuklah mengadakan perhimpunan, perarakan dan lain-lain. Apa-apa perhimpunan, perarakan dan mesyuarat yang hendak diadakan perlulah mendapatkan permit polis dan syarat-syarat yang mematuhi Seksyen 27(92) kepada Akta Polis 1967. Peruntukan undang-undang ini dibuat dengan tujuan menjamin keselamatan dan ketenteraman awam dan untuk memastikan amalan demokrasi itu terus terpelihara.

MARDI—TANAH TERBIAR

55. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah langkah MARDI untuk memajukan tanah-tanah terbiar milik orang-orang Melayu di Semenanjung dan Sabah/Sarawak; dan
- (b) berapakah jumlah perbelanjaan MARDI setakat 1988 - 90 yang telah dibelanjakan untuk memajukan tanah-tanah terbiar dan apakah hasilnya.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Bagi menjawab soalan (a) penglibatan MARDI dalam memajukan kawasan tanah terbiar adalah dalam bentuk penyelidikan dan pembangunan tanaman dan sistem pertanian di kawasan-kawasan berkenaan. Penyelidikan dan pembangunan pertanian yang dijalankan oleh MARDI ialah:

- (i) mengenalpasti jenis-jenis tanaman dan ternakan yang sesuai diusahakan.
- (ii) memperkenalkan teknologi pertanian yang wajar kepada petani berdasarkan faktor-faktor alam persekitaran, sosio-ekonomi dan kemudahan-kemudahan.
- (iii) memperkenalkan sistem perladangan yang meningkatkan hasil pertanian dan memperbaiki taraf hidup petani-petani.

Projek-projek yang dijalankan ialah penilaian jenis-jenis tanaman, teknologi atau sistem tanaman dan projek perintis. Projek-projek ini dijalankan oleh MARDI sendiri atau dengan kerjasama petani dan agensi-agensi pembangunan yang lain seperti Jabatan Pertanian, IADP, Pelcra, Risda dan lain-lain lagi. Projek-projek dilaksanakan secara individu atau berkelompok.

Penyelidikan yang dijalankan di stesen-stesen MARDI atau di tanah-tanah petani adalah bertujuan untuk menghasilkan teknologi-teknologi yang diperlukan. Projek-projek pembangunan dijalankan untuk memperkenalkan dan mengembangkan teknologi yang dihasilkan.

Bagi menjawab soalan (b) mengenai pembiayaan MARDI menjalankan projek penyelidikan dan pembangunannya menggunakan peruntukan penyelidikan dan juga bantuan daripada petani sendiri dan agensi-agensi pembangunan khususnya Jabatan Pertanian. Jumlah peruntukan yang tepat sukar

dikemukakan. Ini kerana peruntukan untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan teknologi MARDI diberi sekali dan tidak diasingkan. Adalah dianggarkan antara 10% - 20% daripada peruntukan yang didapati digunakan untuk kemajuan di kawasan tanah terbiar. Jumlah perbelanjaan bagi tahun 1988 dan 1989 adalah lebih kurang \$500,000 setahun. Peruntukan ini tidak termasuk penyediaan infrastruktur dan input-input tertentu yang disediakan oleh agensi-agensi lain.

Kemajuan daripada kegiatan penyelidikan dan aktiviti pembangunan yang dijalankan oleh MARDI ialah beberapa teknologi telah dapat diperkenalkan kepada petani-petani seperti yang disenaraikan di atas.

RANCANGAN PEMBANGUNAN LIMA TAHUN—PERUNTUKAN

56. Tuan S.S. Subramaniam minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan infrastruktur dalam RM1, RM2, RM3, RM4 dan RM5. Apakah sumber kewangan untuk mendapatkan peruntukan seperti tersebut. Apakah kesan dalam ekonomi negara khasnya dari KDNK kita dengan perbelanjaan peruntukan infrastruktur tersebut. Manakah negeri-negeri yang menerima kebanyakan peruntukan tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Kerajaan sentiasa mengambil berat dalam hal menyediakan kemudahan infrastruktur fizikal yang meliputi rangkaian pengangkutan, perhubungan, elektrik dan kemudahan-kemudahan awam yang lain. Sejak negara ini mencapai Kemerdekaan dan dalam semua Rancangan Pembangunan Lima Tahun, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang besar semata-mata untuk menyediakan kemudahan

infrastruktur yang mencukupi, sesuai dan efisien bagi mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi negara dan peningkatan taraf hidup rakyat.

Untuk tempoh Rancangan-rancangan Lima Tahun Malaysia yang lalu, peruntukan seperti berikut telah dibelanjakan:

Rancangan Malaysia Pertama	— \$ 1,430 juta
Rancangan Malaysia Kedua	— \$ 2,157 juta
Rancangan Malaysia Ketiga	— \$ 6,729 juta
Rancangan Malaysia Keempat	— \$17,554 juta
Rancangan Malaysia Kelima	— \$17,043 juta

Jumlah ini adalah besar jika dibandingkan dengan sektor-sektor lain iaitu di antara 20 hingga 30 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan Sektor Awam bagi rancangan-rancangan lima tahun berkenaan.

Projek-projek infrastruktur di atas telah dibiayai menerusi pelbagai sumber, antaranya:

- (a) dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, sama ada melalui geran atau pinjaman;
- (b) pinjaman dari sumber-sumber kewangan tempatan atau luar negeri seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia, Yen Credit, EXIM Loan dan sebagainya;
- (c) punca-punca sendiri seperti lebihan semasa Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK); dan
- (d) pembiayaan oleh pihak swasta secara pengswastan.

Pelaksanaan projek-projek infrastruktur ini memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara terutama dari segi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan peningkatan pelaburan. Kemudahan infrastruktur juga amat penting dalam usaha memastikan supaya sektor-sektor ekonomi yang lain dapat berfungsi

dengan berkesan dan mencapai matlamat pembangunannya. Perbelanjaan untuk kemudahan infrastruktur fizikal dan lain-lain kemudahan awam telah dapat menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan KDNK. Umpamanya untuk tempoh Rancangan Malaysia Kelima perbelanjaan untuk kemudahan infrastruktur telah menyumbang sebanyak 11.3 peratus daripada pertumbuhan KDNK untuk tempoh tersebut.

UMNO—JUMLAH HARTA

57. Dato'Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Kehakiman menyatakan kedudukan semua harta Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) setelah parti itu diharamkan oleh Mahkamah pada 4hb Pebruari, 1988. Berapa banyakkah jumlah harta dalam bentuk wang dalam bank dan tunai, bangunan dan tanah, perabot dan lain-lain harta yang telah diambil alih oleh Jabatan Pemegang Harta. Berapa banyakkah daripada harta-harta tersebut yang telah dijual atau disewakan semula selepas pengambilan alih tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Dato'Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud]: Adalah sukar bagi Jabatan Pemegang Harta menyenaraikan segala hartabenda kepunyaan Pertubuhan UMNO (dalam penyelesaian) kerana sehingga ini pihak Jabatan masih belum menerima borang pengisytiharan aset dan liabiliti dengan sepenuhnya. Setakat ini hanya 37.4% sahaja daripada jumlah 8,921 peringkat-peringkat pertubuhan ini yang telah memberi maklumat yang dikehendaki. Pegawai Pemegang Harta telah menerima kembali borang pengisytiharan daripada peringkat UMNO (dalam penyelesaian) Pusat, kesemua Badan Perhubungan Negeri, sebahagian daripada Bahagian dan Cawangan.

Daripada borang-borang pengisytiharan tersebut terdapat hartaharta

atau aset dan liabiliti yang diisytiharkan. Aset tersebut adalah terdiri daripada:

- (1) Perkakas dan kelengkapan yang merupakan meja, kerusi, mesin taip, alat hawa dingin, mesin pengira, peti besi, peti sejuk, alat pembesar suara, jam, overhead projektor dan sebagainya.
- (2) Aset setok dan barangan inventori adalah termasuk kertas, pen, pensil, pin, buku resit, buku daftar ahli, ribon mesintaip, lencana ahli, bendera UMNO, buku perlembagaan UMNO, buku peraturan mesyuarat, buku resit yuran dan sebagainya.
- (3) Kenderaan adalah terdiri dari van, kereta dan motosikal.
- (4) Aset yang merupakan saham termasuk saham-saham yang ditiliki oleh UMNO (dalam penyelesaian) adalah seperti saham syarikat awam, syarikai persendirian, saham amanah dan sebagainya. Ada di antara saham-saham ini yang telah dicagarkan oleh UMNO (dalam penyelesaian) untuk membuat pinjaman.

Aset yang merupai wang tunai dibahagi kepada dua jenis simpanan iaitu akaun semasa disimpan dan diselaraskan menerusi Bank Negara mengikut seksyen 5 Pinancial Procedure Act 1967 dan arahan 140(a) Arahan Perbendaharaan. Ini adalah untuk memudahkan pentadbiran pengurusan kewangan dari apa jua transaksi penerimaan dan pembayaran wang amanah Pertubuhan UMNO (dalam penyelesaian). Kredit akaun semasa yang difikirkan tidak digunakan untuk sesuatu waktu itu telah dipindahkan kepada akaun simpanan tetap di Bank-bank Perdagangan mengikut seksyen 285(1) Akta Syarikat 1965. Punca wang tunai tersebut di atas adalah terdiri daripada:

- (a) baki kredit dari akaun UMNO (dalam penyelesaian) yang dihasilkan dari Bank-bank Perdagangan di seluruh negara.

- (b) penghasilan penjualan harta UMNO (dalam penyelesaian).
- (c) kutipan sewadari padabangunan-bangunan UMNO (dalam penyelesaian).
- (d) faedah-faedah dan dividen daripada simpanan tetap dan saham-saham.

Berikut adalah nilai anggaran aset dan liabiliti mengikut borang-borang pengisytiharan yang diterima oleh Jabatan ini, tidak termasuk PWTC.

Aset	Nilai Anggaran
(a) Perabot dan kelengkapan	3662.276.18 <small>sebelum mengambil kira surut nilai</small>
(b) Stok barangan	562.573.47
(c) Kenderaan	\$260.591.90
(d) Saham	\$41.752.033.09
(e) Baki wang Tunai:	
Akaun Semasa dalam Bank Negara: \$40,779,816.09	
Simpanan Tetap	\$226,959,730.18
	\$267.739,54657
JUMLAH	\$310.4T7.02251

146 Tanah dan Bangunan: sedang dalam proses penilaian

Liabiliti

Jumlah liabiliti bagi peringkat-peringkat diatas adalah dianggarkan seperti berikut:

Liabiliti tidak bercagar	5 30,700,844.08
Liabiliti bercagar	5287.725.539.25
	5318,426.38333

Salah satu di antara 146 tanah dan bangunan milik UMNO (dalam penyelesaian) adalah Kompleks UMNO (PWTC), Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur.

Harta PWTC ini adalah dibebankan dengan liabiliti seperti berikut:

Hutang Bercagar	
BBMB	3343.398.119.18
MBB, UMBC & PHB	\$101,775.249.08
	\$445.173.368.26
Hutang Tak Bercagar	\$ 24.960.352.44
	\$470.133.720.70

Nilai bangunan dan tanah PWTC yang ditaksirkan oleh Pejabat Penilaian adalah \$300,000,000.00 termasuk semua kelengkapan (fixtures and fittings).

Aset bergerak yang terdapat di PWTC yang merupai perabot dan kelengkapan alat-alat hawa dingin, sanitary fittings, kelengkapan elektrik, kelengkapan dapur, lif dan escalators plant dan jentera dan sebagainya adalah dianggarkan sebanyak \$72 juta sebelum diambil kira susut nilai.

Kesemua 146 bangunan yang terdapat sekarang telah diberi sewa atau ditawarkan untuk disewa kepada pihak Jabatan Kerajaan dan swasta termasuk kepada UMNO Baru. Namun demikian, ada juga terdapat ruang-ruang yang masih kosong. Perbelanjaan penyelenggaraan bangunan dan tanah tersebut adalah daripada kutipan hasil dari sewaan. Perbelanjaan termasuk bayaran ansuran balik pinjaman untuk bangunan, bayaran gaji kakitangan pengurusan bangunan dan KWSP, bayaran pembaikan kerosakan, penyelenggaraan sistem Iif, penghawa digin, sistem elektrik dan sebagainya, bayaran cukai tanah dan cukai taksiran, insuran, bil-bil air, elektrik dan lain-lain.

MAJLIS PERUNDINGAN AGAMA BUDDHA, KRISTIAN, HINDU DAN SIKH (MCCBCHS)

58. Tuan Lim Guan Eng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) hasil pertemuan beliau dengan wakil-wakil Majlis Perundangan Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh (MCCBCHS);
- (b) sama ada beliau telah meneliti memorandum MCCBCHS yang disampaikan kepada beliau dan bersetuju dengannya;
- (c) kalau bersetuju, apakah tindakan yang telah diambil terutama permintaan memansuhkan

seksyen 67 dan 70 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Selangor, dan

(d) kalau tidak bersetuju, mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat

Ayob: Banyak faedah yang didapati daripada pertemuan tersebut. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mendengar masalah yang dibangkitkan oleh Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh secara terus. Pada masa yang sama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dapat menerangkan pendirian Kerajaan mengenai soal agama. Walau bagaimanapun, kesanggupan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk berjumpa dengan wakil Majlis Perundingan Agama berkenaan ini menunjukkan bahawa Kerajaan peka terhadap sebarang masalah yang timbul dan Kerajaan sangat serius di dalam usaha untuk mengatasi masalah tersebut.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meneliti memorandum Majlis tersebut. Walau bagaimanapun, beberapa perkara perlu diteliti dan dipastikan kebenarannya terlebih dahulu sebelum sesuatu tindakan dapat diambil. Pendirian Kerajaan dalam soal ini adalah jelas iaitu Perlembagaan Negara merupakan undang-undang paling tinggi di negara ini.

TAUN DAN DEMAM KURA

59. Tuan S.S. Subramaniam minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) bcrapakah kes-kes taun dan demam kura yang telah berlaku di negara kita pada tahun 1988, 1989 dan 1990 hingga bulan Mei. Manakah negeri yang menunjukkan lebih kes-kes tersebut. Jika dibanding dengan tahun-tahun dahulu manakah tahun yang telah menunjukkan terbanyak kes-kes kejadian taun dan demam kura seperi yang sedang berlaku pada masa kini; dan

(b) apakah sebabnya untuk berlaku peningkatan kes-kes taun dan demam kura di beberapa Negeri-negeri Malaysia baru-baru ini. Adakah benar salah satu sebabnya ialah penyelewengan dari segi tugas dan tanggungjawab kakitangan yang berkhidmat dalam Kementerian Kesihatan yang menyebabkan beberapa aspek perubatan dan kesihatan yang tidak diikuti dengan berkesan dan licin.

Menteri Kesihatan [Tuan Ng Cheng Kiat]:

(a) Bilangan kes taun dan demam kura pada 3 tahun kebelakangan ini adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Taun</i>	<i>Demam Kura</i>
1988	753	50721
1989	393	65283
1990	1704	18856

*Termasuk kes-kes di kalangan pendatang dari negara asing yang dilapor oleh Sabah.

*Dari Januari hingga April.

(b) Penyakit taun adalah endemik (sentiasa berlaku) di negara ini. Bilangan kes pada tahun 1990 adalah tidak meningkat jika dibandingkan dengan bilangan yang berlaku pada tahun 1978 (1,636 kes dengan 64 kematian) dan tahun 1983 (2,195 kes dengan 38 kematian). Di masa berlakunya wabak baru-baru ini, seperti di Kelantan, taun telah lebih mudah merebak disebabkan oleh faktor-faktor seperti musim kemarau apabila orang-orang di kawasan terlibat terpaksa menggunakan air sungai yang tercemar dengan kuman taun, amalan memakan makanan di gerai-gerai dan dari penjaja yang tidak mempraktikkan amalan kebersihan, dan pergerakan penduduk semasa bercuti. Apatah lagi kes taun telah berlaku pada bulan

puasa di mana kawalan penjualan makanan dan sebagainya sukar diawasi walaupun amaran sudah dikeluarkan.

Bagi demam kura pula, jumlah kes dari bulan Januari hingga April 1989 ialah 20,729 jika dibandingkan dengan 18,856 kes untuk jangka masa yang sama bagi tahun 1990. Ini menunjukkan bahawa sebenarnya tidak berlaku peningkatan kes baru-baru ini.

Adalah tidak benar bahawa wabak taun ini disebabkan oleh penyelewengan dari segi tugas dan tanggungjawab kakitangan kesihatan. Di sebaliknya kakitangan Jabalan Kesihatan telah bertugas dengan rajinnya, tanpa mengira hujung minggu, bulan puasa dan hari raya di dalam usaha-usaha mereka untuk mengawal dan membendung wabak tersebut,

**USULMENANGGUHKAN
MESYUARAT DIBAWAH
PERATURAN
MESYUARAT18**

**PENANGKAPAN TIGA RAKYAT
SABAH DI BAWAH AKTA
KESELAMATAN DALAM NEGERI**

3.31 *ptg.*

Tuan Fung Ket Wing [Sandakan]: Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya berdiri memberitahu di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2): bahawa saya ingin mencadangkan satu usul untuk membincangkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan, iaitu penangkapan 3 orang rakyat Sabah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 25hb Mei lalu dan usul saya berbunyi:

"Bahawa Dewan ini menurut Peraturan Mesyuarat 18(1) membenarkan Ahli Parlimen Sandakan untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat ini bagi tujuan merunding satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang

berkehendak disegerakan iaitu penangkapan secara rahsia 3 orang rakyat Sabah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 25hb Mei lalu.

Bahawa ketiga-tiga orang yang ditangkap itu dipercayai terdiri daripada Encik Benediet Topin, Setiausaha Kerja Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun; Encik Albinus Yudah, seorang bekas Pegawai Polis; dan seorang lagi yang hanya dikenali sebagai Encik Vincent.

Bahawa keengganan pihak polis untuk mengumumkan nama ketiga-tiga orang yang ditangkap itu harus dikutuk kerana pihak polis bersikap seolah-olah mereka berada di sebuah negara polis, 'Police State', dengan izin, dan disebabkan itu polis berlagak sesuka hati tanpa mengira tanggungjawab awam mereka terhadap rakyat dan negara.

Bahawa perkara itu ada kepentingan orang ramai kerana rakyat negeri Sabah merasakan ketiga-tiga orang itu telah diculik oleh Kerajaan Pusat dan ini pula telah menimbulkan perasaan marah serta ketakutan di kalangan rakyat Sabah.

Bahawa penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri terhadap ketiga-tiga orang ini merupakan satu penyalahgunaan kuasa oleh pihak polis dan Kerajaan kerana Akta tersebut diwujudkan semata-mata untuk menghadapi ancaman komunis dan ancaman komunis itu tidak wujud lagi dengan termetrainya Perjanjian Perdamaian di antara Kerajaan Malaysia dan Parti Komunis Malaya pada 2hb Disember, 1989; dan

Bahawa Dewan yang mulia ini mengarahkan supaya ketiga-tiga orang yang ditangkap itu dibebaskan dengan serta-merta atau dihadapkan di mahkamah untuk dibicarakan sejajar dengan prinsip-prinsip keadilan dan Rukunegara.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Sandakan atas tajuk "Penangkapan Tiga Orang Rakyat Sabah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri". Teks usul Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti yang dibacakannya sebeniar tadi.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18(2), Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menanggunghkan mesyuarat kecuali jika beliau berpuashati bahawa perkara itu menepati tiga syarat iaitu:

- (i) perkara itu tertentu;
- (ii) perkara ini berkenaan dengan kepentingan orang ramai; dan
- (iii) perkara ini berkchendak disegerakan.

Setelah meneliti perkara yang dibangkitkan itu, saya dapati bahawa perkara itu tidak perlu disegerakan perbincangannya sehingga menanggunghkan mesyuarat hari ini kerana perkara yang diambil oleh polis itu adalah dibuat mengikut proses undang-undang dan bahawa ia masih dalam siasatan polis. Oleh yang demikian, saya menolak usul Ahli Yang Berhormat dari Sandakan im.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini juga saya telah menerima satu Usul di bawah tajuk yang sama daripada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Penampang di bawah Peraturan Mesyuarat 18. Oleh kerana Peraturan Mesyuarat 18(5) memperuntukkan bahawa tidak lebih daripada satu Usul menanggunghkan mesyuarat menurut Peraturan Mesyuarat ini boleh dibawa pada satu hari persidangan mesyuarat, maka saya membenarkan satu sahaja Usul dikemukakan hari ini iaitu Usul dari Ahli Yang Berhormat dari Sandakan kerana ia diterima pada jam 9.50 pagi iaitu lebih awal daripada Usul daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Penampang

yang diterima pada jam 10.05 pagt ini. Oleh yang demikian, saya tidak dapat membenarkan Yang Berhormat dari Penampang mengemukakan Usulnya.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1989 DAN 1990)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmalan tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuniukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu; dibawake dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber-Manusia; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
STANDARD-STANDARD
MINIMUM PERUMAHAN DAN
KEMUDAHAN PEKERJA**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menetapkan standard-standard minimum perumahan dan pusat asuhan kanak-kanak bagi pekerja-pekerja dan tanggungan mereka, untuk menghendaki majikan menguntukkan tanah bagi penanaman dan ragut di tempat pekerjaan, untuk menghendaki majikan menyediakan kemudahan-kemudahan kesihatan, hospital, perubatan dan sosial dan untuk memperuntukkan bagi perkara-perkara yang bersampingannya; di bawa ke dalam Mesyuaratoleh Timbalan Menteri Sumber Manusia; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
INSTITUT PENYELIDIKAN DAN
KEMAJUAN PERTANIAN
MALAYSIA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
HAKCIPTA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
(MEMPERBADANKAN) MAJLIS
DAYA PENGELUARAN NEGARA
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara 1966; dibawa ke dalam Mesyuaratoleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANGUNDANG-UNDANG
BEKALANELEKTRIK**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlantikan dan fungsi ketua bekalan elektrik, pembekalan elektrik pada harga yang munasabah, pelesenan pemasangan elektrik dan pengawalan elektrik mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan keselamatan orang dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
BEKALAN ELEKTRIK
(SYARIKAT PENGGANTI)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai perletakkan harta, hak dan liabiliti Lembaga Letrik Negara Tanah Melayu pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA PERINDUSTRIAN
KAYU MALAYSIA
(PERBADANAN) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI
PENDAPATAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
EKSAIS (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
KASTAM (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI
JUALAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL

**PEMILIHAN TIMBALAN YANG
DI-PERTUA**

3.49 ptg.

Setiausaha: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mencadangkan usul.

Perdana Menteri [Dato'Seri Dr. Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat, Ahli Parlimen bagi kawasan Ampang Jaya dipilih untuk menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Setiausaha: Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Jelevu akan mencadangkan usul.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai, Ahli bagi kawasan Bukit Mertajam dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. [Tepuk]

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ada dua orang Yang Berhormat telah dicadangkan dan disokong untuk menjadi Timbalan Yang di-Pertua, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3), Majlis Mesyuarat akan membuat pemilihan memilih Timbalan Yang di-Pertua dengan undi bersurat. Bagi maksud pilihan undi bersurat, pegawai-pegawai Dewan akan mengedarkan kertas-kertas undi kepada Yang

Berhormat Ahli-ahli. Ahli-ahli Yang Berhormat diharap dapat mengisi kertas itu dengan sempurna dengan menulis nama calon yang dipilih dan menandatangani, lepas itu dilipatkan kertas itu dan diserahkan kepada Setiausaha untuk dikira. Saya akan mengumumkan keputusan undi itu sebaik sahaja ia dikira.

[Kertas undi diedarkan]

Pegawai-pegawai Dewan yang berkenaan, sila datang ke meja Setiausaha dan ambil kertas-kertas undi dan diedarkan kepada Ahli-ahli di blok masing-masing.

Diharap Ahli-ahli Yang Berhormat semua telah menerima kertas undi seorang satu. Dipersilakan mengisi kertas undi itu, jangan lupa hendaklah menandatangani, lepas itu lipatkan kertas undi itu dan tunggu sehingga ia dipungut oleh pegawai-pegawai Dewan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sudah siap sedia? Minta pegawai-pegawai Dewan pungut kertas undi daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di blok masing-masing dan serahkan kepada Setiausaha.

Saya minta Setiausaha jumlahkan undi-undi itu dengan pertolongan dari Penolong-penolong Setiausaha.

[Pengiraan undi dijalankan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi ialah:

- (i) Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat, Ahli Parlimen Kawasan Ampang Jaya mendapat 107 undi; / *Tepuk*.
- (ii) **Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai**, Ahli Parlimen Kawasan Bukit Meriam mendapat 30 undi. *[Tepuk]*

Tidak ada undi yang rosak. Jumlah undi kesemuanya 137. Dengan ini saya mengisytiharkan Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, *[Tepuk]* Saya

mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ampang Jaya di atas kejayaannya. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain-lain, diharap dapat melupakan undian pada hari ini dan membcrikan kerjasama yang sepenuhnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 4(7), sekarang ini saya meminta Setiausaha menyimpan kertas-kertas undi ini dalam peti undi dan dilakrikan. Pcti undi yang telah dilakrikan itu akan disimpan di bawah jagaan Setiausaha selama satu bulan dan selepas itu tertakluk kepada apa-apa perintah yang diterima daripada Majlis Mesyuarat ini, Setiausaha hendaklah membakar kertas-kertas undi itu dan seterusnya mengesahkan kepada Majlis Mesyuarat ini bahawa kertas-kertas undi telahpun dibakar.

Sudah selesai tentang urusan memilih Timbalan Yang di-Pertua, kita masuk kepada urusan yang berikutnya.

USUL

**MERAKAMKAN PERASAAN
SEDIH ATAS KEMATIAN
ALLAHYARHAM Y.A.BHG. TUN
HUSSEIN ONN, BEKAS PERDANA
MENTERI MALAYSIA DAN
MENYAMPAIKAN UCAPAN
TAKZIAH KEPADA Y.A.BHG.
TOH PUAN SUHAILAH DAN
KELUARGA**

4.16 ptg.

Perdana Menteri:Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan sedih yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn, bekas Perdana Menteri Malaysia

pada 29hb Mei, 1990 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah binti Tan Sri Haji Mohd. Noah dan keluarga Allahyarham.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh rakyat Malaysia amat terkejut menerima berita kembalinya ke Rahmatullah Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn pada hari Selasa, 29hb Mei, 1990 ini. Sesungguhnya, dengan kembalinya Allahyarham ke Rahmatullah, negara telah kehilangan seorang pemimpin dan negarawan yang terhormat kerana pengorbanan dan perjuangan Allahyarham dalam bidang politik dan pentadbiran merupakan sumber inspirasi dan teladan kepada rakyat.

Kepimpinan beliau sebagai Perdana Menteri Ketiga amatlah disegani dan dihormati oleh rakan-rakan seperjuangannya daripada parti UMNO khususnya dan parti-parti komponen Barisan Nasional amnya. Allahyarham adalah seorang pemimpin yang cintakan keamanan, sentiasa tegas, teliti dan berhati-hati semasa membuat keputusan. Atas sifat-sifat kepimpinan Allahyarham yang tegas, jujur, ikhlas dan memahami akan masalah rakyat itu, beliau telah mendapat sanjungan semua golongan rakyat daripada berbilang kaum dan semasa hayatnya beliau telah diberi gelaran sebagai "Bapa Perpaduan".

Allahyarham di lahirkan di Johor Bahru dan telah mendapat pendidikan Sekolah Inggeris. Semangat keperwiraan beliau mula terbukti apabila semasa remajanya Allahyarham menceburkan diri dalam bidang ketenteraan. Disamping itu Allahyarham mula bergerak cergas dalam politik pada tahun 1946 dengan menganggotai "Pergerakan Melayu Semenanjung", yang kemudiannya menjadi sebahagian daripada UMNO. Semasa umurnya meningkat 28 tahun beliau dipilih sebagai Setiausaha

Agong UMNO yang pertama. Dalam tahun 1970 Allahyarham Tun Hussein dilantik menjadi Menleri Pendidikan. Pada tahun 1973 pula Allahyarham dipilih menjadi Timbalan Presiden UMNO dan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri berikutan kcmbatinya ke Rahmatullah Allahyarham Tun Dr. Ismail.

Allahyarham kemudiannya menjadi Perdana Menteri setelah Allahyarham Tun Abdul Razak meninggal dunia di London pada 14 Januari 1976. Semasa Allahyarham Tun Hussein menjadi Perdana Menteri banyak perubahan dan kemajuan telah dicapai. Allahyarham Tun Hussein telah meletak jawalannya sebagai Perdana Menteri pada bulan Julai 1981 sctclah memegang teraju pemerintahan negara ini selama lebih 5 tahun. Semasa hayatnya Allahyarham bergiat cergas dalam kerja-kerja amal dan kebajikan, Antaranya Allahyarham adalah Presiden Persatuan Orang-orang Buta Malaysia dan Pengerusi Hospital Mata Tun Hussein Onn. Alas khidmat bakti dalam kerja-kerja amal dan kebajikan itu juga, Allahyarham telah diberi penghormatan menerima anugerah tertinggi Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia iaitu Anggota Kehormat Seumur Hidup pada tahuri 1984. Walaupun Allahyarham telah bersara daripada jawatan Perdana Menteri, beliau terus mencurahkan tenaga untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara. Allahyarham telah dilantik menjadi Penasihat PETRONAS dan Pengerusi Institiut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS). Allahyarham memegang keduajawatan tersebut sehingga akhir hayat Allahyarham.

Di samping itu, Allahyarham pernah juga memegang jawatan Presiden Majlis Universiti Islam Antarabangsa. Atas jasa beliau kepada negara, Allahyarham telah

dianugerahkan Darjah-darjah Kebesaran Persekutuan dan Negeri. Allahyarham telah dianugerahkan Darjah Kelas Pertama Seri Maharaja Mangku Negara (SMN), yang membawa gelaran Tun oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Periuan Agong.

Sesungguhnya kembalinya ke Rahmatullah Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn amat dirasai oleh rakyat yang cintakan perpaduan dan keharmonian di dalam negara ini. Kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham merupakan peristiwa yang amat sedih dan terharu kepada balu dan anggota-anggota keluarga Allahyarham.

Saya bagi pihak Kerajaan berharap keluarga Allahyarham akan tabah hati serta bersabar di dalam menghadapi peristiwa yang sedih ini. Saya berdoa semoga Allah s.w.t. mencucuri rahmatNya ke atas roh Allahyarham.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

4.23 ptg.

Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr Ling Liong Sik]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad itu.

[Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*]

Bagi pihak parti MCA, izinkan saya merakamkan juga ucapan takziah katni kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhaila serta kaum keluarga beliau atas pemergian Allahyarham. Sesungguhnya MCA telah kehilangan seorang sahabat yang jujur dan setia yang berjuang untuk memupuk perpaduan negara. Allahyarham Tun Hussein Onn sentiasa menyarankan agar rakyat bersikap sederhana dalam pemikiran dan amalan serta

mempraktikkan semangatberkongsi dan bahawa setiap rakyat Malaysia mempunyai tempat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemergian seorang negarawan seperti Allahyarham Tun Hussein amat mendukacitakan kita semua. Kescdihan dan kepiluan yang dirasakan oleh rakyat jelata jelas menunjukkan kasih kita terhadap Allahyarham Tun. Allahyarham Tun adalah seorang negarawan yang ulung, seorang anak Malaysia yang tidak mencari nama mahupun sanjungan. Kita mcrasa amat bertuah kerana pernah mempunyai seorang Perdana Menteri seperti Allahyarham. Kepada rakyat keturunan Cina, Allahyarham Tun merupakan seorang pemimpin kebangsaan yang benar-benar memahami betapa perlunya kita bersabar, mempunyai sifat toleransi dan persefahaman untuk membina sebuah negara yang bersatu padu dalam sebuah masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Allahyarham Tun terkenal sebagai orang yang mempunyai prinsip yang kuat dan tegas. Beliau percaya bahawa dalam konteks mencari penyelesaian seharusnya wujud tolak ansur untuk mengelakkan keadaan konfrontasi. Kerana itulah Allahyarham amat disegani, dihormati dan dikasihi oleh seluruh rakyat Malaysia termasuk rakyat keturunan Cina.

Tuan Yang di-Pertua, kita rakyat Malaysia yang terdiri dari berbilang kaum dan kepercayaan bersama-sama memberikan penghormatan serta penghargaan kepada satu-satunya anak Malaysia yang terkemuka. Pemergian Allahyarham adalah satu kehilangan besar kepada rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang terbuka untuk dibahas.

4.25 *ptg.*

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos

[Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhaila binti Tan Sri Haji Mohd. Noh dan keluarga. Sebagai Ahli Kerajaan dan Ketua MIC, saya sungguh dukacita dengan kehilangan Tun Hussein Onn baru-baru ini. Kehilangan Tun Hussein Onn bukan sahaja dirasai di kalangan pemimpin atasan, malah seluruh lapisan rakyat.

Tun Hussein ialah seorang negarawan dan patriot yang terkenal bukan sahaja di negara kita tetapi di seluruh Asia. Pengalaman Tun Hussein Onn sangat luas iaitu daripada seorang pegawai Tentera, peguam, pentadbir hinggalah sebagai Perdana Menteri.

Tun Hussein Onn adalah seorang pemimpin yang datang daripada keluarga yang banyak menyumbang jasa kepada negara. Jasa-jasa beliau akan dikenang dalam sejarah negara ini. Kehilangannya ialah satu kehilangan yang tidak dapat dicari ganti dan semoga keluarga Tun Hussein tabah dan sabar menghadapi kehilangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud]: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

4.27 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi pihak parti saya, Parti Tindakan Demokratik, untuk menyokong penuh Usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berbunyi, "Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan kesedihan yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Amat

Berbahagia Tun Hussein Onn, bekas Perdana Menteri Malaysia pada 29 Mei 1990 dan menyampaikan Ucapan Takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhaila binti Tan Sri Haji Mohd. Noh dan keluarga Allahyarham."

Tuan Yang di-Pertua, apabila berita pertama disiarkan oleh Radio Malaysia mengenai kehilangan Allahyarham ketika menjalani rawatan perubatan di San Francisco, rakyat Malaysia dari semua kaum dan segala Japian masyarakat merasa satu kehilangan peribadi dan mereka berkabung atas pemergian seorang anak Malaysia yang unggul dan juga adalah Perdana Menteri Malaysia ketiga.

Allahyarham akan tersinar dalam sejarah Malaysia kerana sifat-sifat integrity peribadinya serta kebenciannya terhadap rasuah dan kehilangan kepimpinannya dirasai khasnya pada saat-saat di mana penyalahgunaan kuasa, rasuah, skandal-skandal kewangan dan moral berlaku dengan begitu lumrah di kalangan pihak berkuasa.

Allahyarham ketika menjadi Perdana Menteri telah menghormati peranan pihak Pembangkang serta jawatan Ketua Pembangkang Parlimen. Sebelum satu mesyuarat Parlimen, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa kini yang ketika itu adalah Timbalan Perdana Menteri telah meminla saya berjumpa dengan beliau dan apabila saya rnenemuinya, beliau berkata bahawa beliau telah diarah oleh Allahyarham untuk menyampaikan terlebih dahulu kepada saya senaskah Laporan Ibrahim Ali mengenai gaji kakitangan awam yang Kerajaan ingin membentangkan di dalam Dewan Rakyat untuk mendapat kelulusan. Pada hari ini seluruh negara sedang bertunggu-tunggu Rang Undang-undang Pendidikan 1990 sungguhpun Kerajaan telah mengkaji untuk beberapa tahun.

Saya percaya cara yang paling baik untuk menyenangkan Allahyarham ialah bagi Kerajaan dan negara mengambil

langkah-langkah yang berani dalam beberapa bidang yang beliau sungguh perhatikan semenjak beliau melepaskan jawatan yang tertinggi di negara ini dalam tahun 1981 akibat kesihatannya.

Saya berprivilij menemui Allahyarham beberapa kali sejak beliau melepaskan jawatan Perdana Menteri dan tidak boleh diragui bahawa apa yang mengganggu beliau sangat ialah masalah demokrasi, hak-hak manusia dan rasuah di Malaysia. Inilah sebabnya mengapa Allahyarham menjadi salah seorang utama yang melibaiakan diri dalam penubuhan persatuan hak-hak manusia bersama-sama dengan Bapa Malaysia dan Perdana Menteri Pengasas, Tunku Abdul Rahman, malangnya persatuan hak-hak manusia hingga kini belum lagi didaftarkan oleh Kementerian Dalam Negeri sungguhpun permohonannya itu telah dikemukakan hampir setahun dahulu.

Allahyarham juga begitu perhatikan rasuah yang menjadi-jadi dalam penghidupan awam di Malaysia, khususnya pertalian yang begitu rapat dan tidak beretika, parti-parti memerintah dalam perniagaan dan kontrak penswastaan Kerajaan. Mengikut fikiran saya cara yang paling baik untuk menenangkan memory Allahyarham ialah bagi negara dan rakyat mengambil langkah-langkah berani dalam bidang-bidang demokrasi, hak-hak manusia dan integriti dalam penghidupan awam yang mana ketiga-tiga bidang ini adalah begitu intim bagi Allahyarham.

Sebagai mengenangkan komitmen seluruh hayat Allahyarham terhadap demokrasi, hak-hak manusia dan perang terhadap rasuah, biarlah saya mencadangkan supaya Kerajaan mengambil langkah-langkah berikut:

Di bidang demokrasi dan hak-hak manusia, keempat-empat Perisytiharan Darurat yang masih berkuatkuasa di Malaysia dimansuhkan dengan serta-merta, terutama

sekali memandangkan Kerajaan Afrika Selatan telah menyahut seruan Netson Mandela supaya dibatalkan keadaan darurat di Afrika Selatan.

Pengharaman ke atas rapat-rapat umum dibatalkan.

Kelulusan serta-mertapendaftaran persatuan hak-hak manusia.

Pengiktirafan rasmi Kerajaan terhadap badan pengcsan pilihanraya 6 orang yang diketuai oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohd. Suffian serta pemansuhan semua undang-undang yang Draconian dan tidak demokratik seperti ISA, OSA, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan Akta Polis.

Di bidang rasuah pula, Kerajaan haruslah memperkukuhkan Badan Pencegah Rasuah dengan menjadikan bertanggungjawab secara langsung kepada Parlimen dan bukan kepada Jabatan Perdana Menteri dan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Diraja ditubuhkan untuk menyiasat masalah etika dan iniegriti dalam penghidupan awam, khususnya untuk mencegah satu bentuk rasuah politik yang terbesar sekali di Malaysia dewasa ini, iaitu perhubungan intim antara parti-parti politik dan perniagaan seperti urusan Renong baru-baru ini yang melibatkan Kumpulan Plcct, Hatibudi, UEM yang mana kesemua ini mempunyai peralihan dengan UMNO dan Menteri-menteri Kanan di Malaysia.

Sekian, terima kasih. [Tepuk]

435 ptg.

Dato'Rais Yatim [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak diri saya sendiri dan juga Parti Semangat 46, saya adalah berdiri menyusul di atas usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi merakamkan rasa kehilangan beserta dengan rasa keinsafan bahawa seorang

putera dan seorang wira telah meninggalkan kita, yakni Allahyarham Tun Hussein Onn. Dalam saat-saat begini, Parti Sfemangal46 tidak mengira di atas latar belakang politik ataupun pegangan seseorang itu, hanya terasa oleh kami dan juga oleh rakyat Malaysia seluruhnya bahawa dari kalangan kita telah pergi seorang pemimpin yang mempunyai imej kebapaan atau, dengan izin, fatherly image. Imej ini telah dibawa oleh Allahyarham mulai dari masa beliau berjuang sampailah kepada masa dan saat beliau menghembuskan nafas terakhirnya di seberang laut.

Orang Melayu sentiasa- berkata ada beberapa perkara dalam hidup yang tidak dapat ditentukan; satu daripadanya ialah jodoh, yang kedua ialah tanah perkuburan. Di atas keadaan dan nasib Allahyarham itu nampaknya rakyat Malaysia telah mencurahkan sentimen kesayangan serta sokongan terhadap beliau sehingga Tun Hussein yang kita kenal sebagai bekas Perdana Menteri itu adalah seorang anak yang telah menjadi bapa dan seterusnya pemimpin yang kita segani serta sayangi.

Kepada balu Allahyarham Tun Hussein, Toh Puan Suhaila, Semangat 46 merakamkan takziah yang amat sangat dan kita menyarankan kepada beliau supaya tabah hatinya tidak henti-henti dalam menghadapi cabaran dalam hidup.

Bagi kita di Dewan ini di tempat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kini itulah berdiri dan duduknya Allahyarham Tun Hussein dan saya masih ingat dalam tahun-tahun beliau memimpin kita bahawa imej kebapaan itulah yang memberi kesan positif kepada demokrasi di tanahair. Beliau sentiasa memberi peluang bagi kita untuk menyampaikan pandangan serta kritik terhadap apa pun yang kita lakukan dan saya masih ingat sekiranya kita diberi peluang untuk pergi mencmuniya di pejabat, biasanya kita dahulu minta keluar dan bukan beliau yang memberi tanda supaya keluar. Beliau merupakan

seorang yang membawa sifat-sifat kemelayuan, kemalaysiaan yang amat tinggi dan oleh itu tidak terdengar oleh kita bahawa Tun Hussein adalah seorang yang memilih politik terlebih dahulu daripada pemilihan bangsa dan negaranya.

Tuan Yang di-Pertua, di atas pemergian Tun Hussein, Allahyarham Perdana Menteri Ketiga inilah maka kita di Dewan ini harus mengambil iktibar daripada amalan beliau, iaitu mengamalkan prinsip 'demokrasi gentlemen ataupun amalan demokrasi yang sebenar, tidak memilih di atas kerja-kerja yang memecah belah tetapi membawa kepada pembinaan dan kejitian perjuangan politik yang sebenar.

Dalam riwayat hidup Tun Hussein, ramai orang mengkritik beliau oleh kerana beliau kononnya mengambil keputusan yang agak lewat dalam sesuatu hal dan kita masih ingat di kalangan Menteri dan Timbalan Menteri bahawa kegemaran Allahyarham menandatangani dari menggaris perkataan-perkataan adalah pengetahuan umum sebelumn beliau mengeluarkan pendapat. Tetapi setelah pendapat itu beliau putuskan dan diketahui umum, maka prinsipnya terus dipegang dan pegangan itu adalah dalam bentuk ketegasan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Semangat 46, semoga di kalangan pihak berkuasa, sifat baik, sifat kebapaan, demokrasi yang bersifat gentleman itu tadi menjadi amalan di kalangan kita dan tidak ada politik cantas ataupun politik yang mendera sehingga sampai kepada keluarga dan individu diamalkan oleh mana-mana pihak. Sekiranya ini dapat dilakukan, maka saya berfikir roh Allahyarham Tun Hussein Onn akan senyum puas. Tetapi kalau kita menggunakan kuasa demi kumpulan tanpa mengira sifat seperti itu, saya kira roh beliau akan gelisah. Marilah kita rafakkan Al-Fatihah setiap hari dan setiap masa kita menghadapi Tuhan

semoga roh Allahyarham Tun Hussein Onn berada dalam golongan orang-orang yang diredai oleh Allah s.w.t. Terima kasih.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: [*BangunJ*]

Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud: [*BangunJ*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud]: Yang Berhormat dari Samarahan, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Pengkalan Cepa bangun dahulu. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.07 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang sekejap untuk bersama-sama merakamkan ucapan dukacita dan sedih di atas pemergian bekas seorang Perdana Menteri pada beberapa hari yang lepas. Dalam peluang ini saya tidak akan memberi apa-apa komen kerana saya kira cukup dengan apa-apa hujah yang telah disampaikan sama ada dari pihak Kerajaan dan juga pihak wakil daripada Pembangkang.

Saya sebagai mewakili Parti PAS, saya suka juga memberi sedikit pandangan kepada Dewan yang mulia ini. Memangnya kita tahu seorang bekas Perdana Menteri tentulah mempunyai usaha dan jasa-jasa yang besar untuk negara, bangsa dan agama sama ada usaha itu buruk ataupun baik itu akan dinilai oleh masing-masing.

Kita harap dalam sepanjang beliau menjawat jawatan Perdana Menteri, kalaulah usaha-usaha itu baik, kita doakan supaya Allah akan memberi rahmat dan sebagainya dan jugalah dalam masa beliau memimpin negara ini ada berlaku berbagai-bagai masalah dan kesilapan, itu terserahlah kepada Allah yang tahu menentukan sesuatu. Walau

bagaimanapun, harus kita sedar bahawa manusia ini walau bagaimana dia bermusuh, walau bagaimana ketat permusuhan dalam masa hidup, tetapi bila kembali dan mati maka di waktu itu tidak ada siapa yang hendak bermusuh. Bahkan kalau seburuk mana pun seboleh-bolehnya dipuji. Tetapi kita tahu Allahyarham Tun Hussein Onn dalam masa memegang jawatan, bukan dia bermusuh dengan musuh sahaja, bahkan di kalangan partinya sendiri, mungkin ada orang yang tidak setuju, orang tidak menerima cara kepimpinannya, itu merupakan satu kesan sejarah kepada kita.

Dan sekejap tadi kita dengar dalam ucapan Yang Amat Berhormat dalam membentangkan usul ini telahpun menyatakan bahawa bekas Allahyarham Tun Hussein Onn ataupun Almarhum Tun Hussein Onn ini sebagai bapa perpaduan. Memangnya kita dapat mendengar suara-suara seperti ini, tetapi menjadi masalah kepada kita dan bagi saya sendiri, kalau kita dapat menggelar Allahyarham Tun Hussein Onn sebagai 'Bapa Perpaduan', tetapi gelaran itu tidak menjadi contoh kepada pengikutnya sendiri, tidak menjadi amalan, tidak dapat diestikan apa yang digelar itu. Sebab itulah pemergian beliau saya rasa mungkin dalam keadaan yang tidak tenang, dalam keadaan tidak gembira, kerana beliau menghadapi dua masalah. Kalau dahulu, beliau adalah seorang yang mewarisi kepimpinan ayahandanya sebagai pejuang kebangsaan sehingga beliau dapat mengambil tempat bekas seorang Perdana Menteri yang menjawat jawatan itu beberapa waktu. Ini merupakan satu kejayaan daripada kepimpinan bapanya sebagai tokoh politik negara, tetapi di saat akhir-akhir saya terasa bahawa beliau dalam keadaan tidak tenang. Pertamanya, beliau sendiri diketahui sentiasa dalam keadaan kesakitan. Yang keduanya, beliau sendiri tidak dapat meletak dirinya pada akhir-akhir ini dalam politiknya sendiri setelah partinya pecah, partinya menjadi dua puak. Apakah beliau akan

menyokong secara terbuka pihak Kerajaan ataupun menentang secara terbuka pihak Pembangkang, yang lahir dahulunya daripada parti Kerajaan, dia serba salah. Tetapi nasib baik beliau tidak lantang suaranya seperti Tunku Abdul Rahman. Kalau lantang suaranya seperti Tunku Abdul Rahman menyokong Semangat 46, apakah akan dilakukan oleh pihak Kerajaan setelah mayat dikebumikan ataupun dalam membawa usul dalam Dewan seperti ini. Inilah keadaan yang saya rasa pcmerguson beliau mungkin tidak begitu senyum, tidak begitu tenang. Dan kita sebenarnya bukan musuh, parti Kerajaan tidak dapat mengamalkan

Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan sedikit.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Alah, nak ganggu juga.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad: Bukan hendak ganggu

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: dalam ucapan

Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad: Sebab Allahyarham sudah meninggal, sebagai seorang Islam, eloklah kita bercakap perkara yang elok. Jangan kita meniru orang kafir.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud]: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Jadi, kalaulah kita merasa Almarhum Tun Hussein Onn benar-benar dapat diberi nama 'Bapa

Perpaduan maka apakah rugi kepada pemimpin yang ada pada hari ini mencontohi dan mengambil tindakan yang lebih tegas sehingga dapat kita buktikan masyarakat majmuk, nama sahaja sahaja majmuk, tetapi hakikatnya satu. Tetapi hari ini kita sama-sama dapat melihat apa yang berlaku.

Yang kedua, untuk mengakhiri ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengingatkan Kerajaan kerana Kerajaan banyak membawa isu-isu untuk menerap nilai-nilai Islam, isu bersih, Perlembagaan Malaysia ini mengagung-agungkan Islam sebagai agama Persekutuan. Tetapi saya tidak senang hati sama ada betul ataupun tidak tetapisaya suka mengingatkan Kerajaan, terutama sekali dalam Kerajaan ada ahli agama di mana saya rasa walaupun besar mana manusia, walaupun setinggi mana pangkat manusia, tetapi mengikut apa saya tahu dalam Islam bila mati seseorang tidak boleh dibiarkan mayat itu sampai berhari-hari. Ini saya bercakap secara ikhlas kerana mengikut apa saya tahu dalam Islam, kalau mayat itu bunik cepat-cepat hantar, tidak guna kita taruh manusia buruk. Kalau mayat itu baik, cepat-cepat kita hantar supaya dia akan dapat menikmati apa yang dijanjikan oleh Allah. Tetapi apa yang berlaku dalam negara kita sejak dahulu sampai hari ini, tidak lebih dari tradisi Barat, tradisi yang bercanggah dengan pegangan kita sendiri dan kalau boleh dalam kepimpinan ada hari ini perkara seperti ini tidak akan berlaku di masa akan datang. Saya beri teguran dengan secara ikhlas supaya apa yang bercanggah dengan pegangan kita jangan berlaku.

Sekadar itulah, Tuan Yang di-Pertua, dapat saya maklumkan dalam Dewan ini dan saya ucap sekali lagi merakami dukacita khususnya kepada Allahyarham. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato Haji Mohamed Antin bin Haji Daud]: Ahli Yang Berhormat dari Samarahan.

4.48 ptg.

Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud:[Samarahan] Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya bagi pihak diri saya sendiri dan anak-anak Sarawak untuk menyokong usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengucapkan dukacita kita bersama di atas pemergian Allahyarham Tun Hussein Onn, bekas Perdana Menteri kita, iaitu Perdana Menteri yang ketiga.

Saya juga ingin turut menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Suhaila serta keluarga Allahyarham Tun Hussein Onn dan ingin menyatakan dukacita kita juga kepada keluarganya kerana mereka sudah mengalami kehilangan seorang yang disayangi oleh mereka. Allahyarham Tun Hussein Onn telah dikenali sebagai Perdana Menteri yang mempunyai perasaan keadilan yang kuat. Mempunyai pendidikan undang-undang, beliau telahpun menunjukkan sifat yang sangat tegas dalam mengambil keputusan yang datang kepada beliau dan yang akan menyentuh kehidupan rakyat.

Oleh sebab keadaan dunia moden ini kadang-kadang membabitkan banyak masalah yang komplikated, kadang-kadang isu apa yang adil.apa yang betul, apa yang salah itu tidaklah jelas seratus-peratus. Oleh sebab itu maka soalnya terpaksa dikupas dan dalam mengupasnya maka kita nampak satu sikap yang kedua ada di dalam peribadi Allahyarham Tun Hussein Onn iaitu sifat ingin berunding untuk mencari pemikiran orang lain sama ada atau tidak beliau akan dapat nasihat sesuatunya supaya dapat memecah sesuatu masalah dengan lebih jelas lagi.

Oleh sebab itu, maka tidaklah hairan kadang-kadang kita melihat Allahyarham bertanya semua Menteri-menteri Kabinet, around the table, dengan izin, mengeliling meja supaya akan mendapat fahaman masing-masing.

Dalam keadaan demikian, maka soal apa yang adil, apa yang betul, bukanlah

senang dilemparkan untuk keputusan. Misalnya dalam menentukan apa yang adil, apa yang menyentuh human rights, Tun Hussein Onn sendiri pun tidak dapat pendirian yang jelas apabila mengena-kan keputusan itu kepada sesuatu keadaan.

Beliau barangkali sebagai seorang lawyer tidak suka dengan ISA - kita tahu, tetapi apabila keamanan negara kita Malaysia terancam, maka beliau terpaksa mengambil satu keputusan yang paling baik dalam hemat beliau dan mengikut nasihat rakan-rakan skalian. Oleh sebab itu pernah beliau menggunakan provision ataupun bekalan ISA dalam kepercayaannya untuk menjaga keamanan di dalam Malaysia.

Saya sendiri tahu soal ini telahpun berlaku sekurang-kurangnya sekali untuk mcnjagakan perpaduan dan keamanan di dalam Malaysia ini.

Allahyarham Tun Hussein Onn memang dikenali sebagai seorang yang betul-betul adil.Saya sendiri sebagai Menteri Pnerangan pada masa itu dan berpeluang untuk melihat reaksi daripada orang ramai, merasa suka hati melihat apakala mendapat sambutan dan sokongan orang ramai yang begitu cepat dan bertambah kuat selepas perlantikan beliau sebagai seorang Perdana Menteri. Reaksi rakyat kepada perlantikan Allahyarham menjadi Perdana Mcnteri adalah begitu baik sehingga ketegangan keadaan yang berlaku kerana pemergian Allahyarham Tun Razak dapat ditukarkan dengan keadaan yang aman dan keadaan yang penuh dengan keyakinan kepada Kerajaan kita.

Sifat Allahyarham yang adil dan suka kepada kebenaran ini memanglah diakui oleh semua kaum dalam negeri ini sebagai sifat yang menjamin keadilan bagi masyarakat kita di Malaysia ini.Oleh sebab itu, maka Allahyarham Tun Hussein Onn bolehlah dikatakan sebagai "Bapa Perpaduan" seperti telahpun dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Allahyarham Tun Hussein Onn mempunyai satu sikap yang susah ditandingi dalam memegang prinsip-prinsip hidup. Sebenarnya saya berfikir bahawa Allahyarham Tun Hussein Onn membawa sikap peribadi beliau sendiri kepada cara beliau bekerja untuk menimbulkan satu sikap 'in response' ataupun reaksi kepada tugas-tugas yang dijalankan oleh beliau. Kesayangan beliau kepada prinsip-prinsip memanglah terkenal dan demikian juga dengan keinginan beliau untuk menguasai detil ataupun teliti mengenai sesuatu masalah. Oleh sebab itu, maka cara-cara pemerintahan beliau agaknya berlainan daripada orang-orang lain sebelum ataupun selepasnya. Masalah di dalam masyarakat kita mungkin dapat dijalankan lebih senang kalau keadaan tidak komplikated, tetapi malangnya di Malaysia sekarang ini keadaan semakin sehari semakin mempunyai komplikasinya sendiri dan kadang-kadang ini tidak senang dipecahkan dengan prinsip-prinsip yang general. Oleh sebab itu, maka saya rasa tidaklah kena pada tempatnya bagi kita untuk memabatkan sikap-sikap orang lain sebelum atau selepas Allahyarham Tun Hussein Onn di dalam masa kita membincangkan sifat Allahyarham Tun Hussein Onn.

Sebagai seorang Islam, Tuan Yang di-Pertua, tidak elok bagi saya untuk mengakkan resolusi ini sebagai satu peluang untuk memainkan politik, lebih elok saya fikir bagi saya menutupkan ucapan saya dengan mengajak kita sama-sama memberi Al-Fatihah kepada Allahyarham. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud]: Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

436 ptg.

Dr. Goh Cheng Teik [Nibong Tebal]: Tuan Yang di-Pertua, sejarah pernah menyebut tentang pemimpin-pemimpin politik yang berhempas-pulas dengan mendapat kekuasaan. Jarang sekali kita mendengar sabaliknya.

Allahyarham Tun Hussein adalah seorang pemimpin Dunia Ketiga yang tidak mencari kekuasaan, malah kuasa diserahkan ke tangannya. Kita beruntung sekali beliau tidak menolaknya. Beliau menerima tanggungjawab yang berat itu dan membuktikan kejujuran beliau menunaikannya.

Sejarah akan merakamkannya sebagai seorang yang cermat dan seorang pentadbir yang berhati-hati. Beliau sentiasa insaf pada hakikat bahawa sebarang keputusan yang dibuat sebagai Perdana Menteri memabatkan nasib berjuta manusia. Dengan yang demikian, beliau sentiasa menimbangkan baik buruk sesuatu keputusan itu dengan penuh hemat dan sabar.

Apabila keadaan kesihatannya mula menjejaskan kemampuannya untuk terus menjalankan tugas sebagai Perdana Menteri, beliau dengan sukarela dan ikhlas mengundurkan diri dan terus bersara daripada jawatan yang penting itu.

Allahyarham Tun Hussein Onn sentiasa meletakkan kepentingan rakyat di atas kepentingan diri.

Tuan Yang di-Pertua, kepergian Allahyarham dengan mengejut itu merupakan kehilangan seorang anak watan Malaysia yang berjiwa besar, kehilangan yang amat dirasakan oleh seluruh rakyat negara ini.

Bagi pihak Parti Gerakan Rakyat Malaysia, saya memohon Ahli-ahli Dewan yang mulia ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Allahyarham dan di samping itu menyatakan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah sekeluarga. Semoga Tuhan memberkati mereka semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud]: Yang Berhormat dari Sungai Benut.

5.00 *ptg.*

Tuan Mobamed Tawfik bin Tun Dr. Ismail [Sungai Benut]:Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ingin menyampaikan juga ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan enam Wakil Rakyat dari Dewan ini sempat melawat Allahyarharn Tun Hussein di San Francisco pada awal bulan Mei selepas pembedahan dilakukan. Selepas pertemuan itu kami berpuas hati Tun dapat sembuh dengan secepatnya dan akan kembali dengan selamatnya ke negara ini. Malangnya Tun meninggal dunia pada 29hb Mei yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Allahyarham Tun tidak lagi bersama kita, perjuangan Allahyarham untuk menyatu-padukan bangsa Melayu sehingga akhir hayatnya tidak boleh kita lupakan, terutama usaha beliau bersama dengan Allahyarham Tan Sri Abdul Jalil Hassan yang meninggal seminggu sebelum Allahyarham Tun, dan pemimpin-pemimpin lain untuk menyatukan orang-orang Melayu di negeri Johor melalui Resolusi Melayu Johor. Sepertimana yang diketahui umum resolusi itu telah diluluskan oleh 51 badan yang mewakili orang-orang Melayu dan dengan perlaksanaannya oleh UMNO yang ada sekarang, usaha Allahyarham telah berjaya mengembalikan UMNO kepada orang-orang Melayu di negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Allahyarham Tun, di waktu beliau mengusahakan Resolusi Melayu Johor, bukan penting baginya menghidupkan UMNO yang ditubuhkan oleh Allahyarham bapanya, tetapi untuk menyelamatkan UMNO sebagai satu konsep yang boleh menyatu-padukan orang-orang Melayu dan meneruskan perjuangan orang-orang Melayu. Untuk

Allahyarham, yang penting bukan pemimpin di dalam sesuatu organisasi, yang penting ialah perjuangan pertubuhan itu, sejauh mana pertubuhan itu boleh mencerminkan hasrat ahli-ahlinya. Beliau sendiri telah mengamalkan pendirian ini dalam kegiatan politiknya. Contohnya masa Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman mengambil alih parti dari Allahyarham Onn Jaafar, Allahyarham Tun telah mengenyepkan perasaannya dan membantu Yang Teramat Mulia Tunku di dalam mesyuarat pertama yang dipengerusikan oleh Yang Teramat Mulia Tunku sehingga Tunku dapat melantik seorang Setiausaha Agung yang lain. Walaupun kemudian dia keluar dari parti UMNO bersama dengan Allahyarham ayahandanya, dia kembali kepada parti UMNO dan selepas menjadi Presiden UMNO dia berusaha pula menyatukan semula bekas ahli-ahli UMNO dari Parti IMP dan Parti Negara dan memujuk mereka menyertai semula UMNO. Sehingga akhir hayatnya dia sendiri tidak tinggalkan konsep UMNO.

Sungguhpun Allahyarham Tun mengelakkan dirinya dari publisiti akhirnya ditakdirkan di upacara pengkebumian, 15 negara diwakili menghadiri upacara itu di Makam Pahlawan. Walaupun UMNO dan 46 berperang, saya nampak di Makam Pahlawan, UMNO dan 46 bersama sedih kerana pemergian seorang sahabat.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita berusaha untuk menyatukan rakyat Malaysia yang disayangi oleh Allahyarham Tun dan mendirikan satu negara yang maju dan aman. Semoga Yang Amat Berbahagia Toh Puan dan keluarga bersabar di masa yang sedih ini dan saya juga berdoa semoga Allah cucuri rahmat ke atas roh Allahyarham Tun Hussein Onn,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang

saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan kesedihan yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah, Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Husscin Onn bekas Perdana Menteri Malaysia pada 29 Mei 1990 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah binti Tan Sri Hj. Mohd. Noah dan keluarga Allahyarham,

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan kesedihan yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatallah, Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn bekas Perdana Menteri Malaysia pada 29 Mei 1990 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah binti Tan Sri Hj. Mohd. Noah dan keluarga Allahyarham.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud]; Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian berdiri bertafakur bersama saya selama satu minit bagi mengenangkan jasa dan khidmat Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Hussein Onn. Dan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin yang beragama Islam diminta apalah kiranya dapat menghadihkan Patihah seberapa yang ikhlas ke atas roh Allahyarham itu dengan doa mudah-mudahan Allah himpunkan rohnyanya didalam golongan orang-orang salihin dan mukmin. Al-Patihah.

[Majlis bertafakur selama seminit]

**AKTA PROSEDUR KEWANGAN,
1957 (PINDAAN 1972)**

**Menambah Butiran Baru:
"Kumpulanwang Amanah untuk
Tabung Bantuan Teknikal
Perindustrian Kecil dan Sederhana"**

5.07ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]:Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengikut Peruntukan di bawah perenggan (a) Seksyen Kecil (4), Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Pindaan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:

"Kumpulanwang Amanah untuk Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana."

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan perenggan (a) Seksyen Kecil (4), Seksyen 10 Akta Acara Kewangan, Dewan Rakyat boleh dari masa ke semasa dengan satu ketetapan meminda, memotong atau menambah kepada Jadual Kedua Akta tersebut.

Kerajaan ketika membentangkan Belanjawan pada 27hb Oktober, 1989, telah mengumumkan penubuhan Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian atau, dengan Industrial Technical Assistance Fund (ITAF) dengan peruntukan permulaan sebanyak \$50 juta. Hasil dari kajian yang dijalankan, Kerajaan mendapati bahawa syarikat-syarikat di bawah Industri Kecil dan Sederhana (IKS) mempunyai modal yang kecil dan sukar membuat pembangan dan penyelidikan sendiri sekiranya tanpa bantuan dari pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai maksud tersebut, Tabung ini diwujudkan dengan tujuan untuk memoden dan

mempertingkatkan keupayaan IKS melalui skim-skim berikut:

- (a) Skim Kajian Kemungkinan. Ini bertujuan untuk memberikan geran kepada IKS melantik pakar perunding bagi menjalankan kajian kemungkinan memodernisasi dan peningkatan keupayaan kilang dan meningkatkan pengeluaran serta mutu barang keluaran.
- (b) Skim Pembangunan dan Reka-bentuk Produk. Ini bertujuan untuk mempertingkatkan pembangunan dan rekabentuk barang-barang teknologi tempatan dan memperbaiki pengeluaran produk dan proses.
- (c) Skim Memperbaiki Kualiti dan Produktiviti. Ini bertujuan untuk menggalakkan IKS memperbaiki dan meningkatkan kualiti sistem jaminan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa.
- (d) Skim pembangunan pasaran bertujuan untuk membantu IKS menerokapasaran luar negeri dan meningkatkan kemahiran dalam bidang pemasaran.

Tuan Yang di-Pertua, semua IKS yang sedang beroperasi dalam sektor perkilangan sama ada untuk pasaran dalam atau luar negeri berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 dengan pemilikan ikuiti sekurang-kurangnya 70% oleh rakyat Malaysia adalah layak menerima bantuan di bawah tabung ini. Sumbangan bantuan ini adalah dalam bentuk geran persamaan, dengan izin, matching grant, di mana Kerajaan hanya akan menyumbangkan 50% daripada jumlah perbelanjaan yang layak dituntut oleh syarikat yang berkenaan.

Pengurusan tabung ini pada keseluruhannya dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Sebuah Jawatankuasa Pengurusan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian

Perdagangan dan Perindustrian juga sebagai pengawal Tabung ini serta wakil-wakil daripada berbagai Kementerian, Jabatan Kerajaan dan wakil-wakil dari sektor swasta akan ditubuhkan.

Skim-skitn pula akan dikendakikan oleh tiga agensi, iaitu Bank Pembangunan Malaysia Bhd., Institut Piawai dan Penyelidikan dan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) menghikot seperti mana garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini resolusi yang dikemukakan kepada Dewan ini adalah untuk meminta kelulusan supaya wang sejumlah \$50 juta ini diperuntukkan kepada Kumpulanwang Amanah ini bagi membantu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di dalam menjalankan objektif-objektif sepertimana yang telah ditctapkan.

Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sckarang ini terbuka untuk dibahas.

5.23ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:Tuan Yang di-Pertua, usul yang telah dicadangkan oleh Timbalan Menteri tadi merupakan satu langkah untuk memoden serta mempertingkatkan keupayaan industri kecil dan sederhana (IKS). Cadangan ini kalau boleh dilaksanakan dengan baik merupakan satu cadangan ke arah yang betul kerana walaupun ada usaha untuk membangunkan industri berat di negara ini, sebenamya industri yang lebih penting untuk negara, yang akan lebih menguntungkan negara ialah

IKS. Sebab itulah kita mesti membuat cadangan dan pelan satu struktur dan infrastruktur untuk IKS yang lebih kukuh, tidak seperti sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, memang amaun \$50 juta ini tidak begitu besar jikalau dibandingkan dengan apa yang diperlukan untuk memoden dan mempertingkatkan keupayaan IKS ini. Walau bagaimanapun saya harap wang seperti ini dapat digunakan dengan baik.

Pertama, hampir di seluruh negara termasuk di Wilayah Persekutuan dan kawasan Kepong sendiri ada banyak industri-industri kecil di kawasan-kawasan setinggian dan juga di kawasan kampung baru dan saya nampak walaupun pada mulanya ada usaha untuk memindahkan mereka daripada kawasan-kawasan itu tetapi setakat ini nampaknya ada kebuntuan untuk melaksanakan hasrat Kerajaan.

Saya berpendapat sebelum kita melaksanakan sesuatu projek untuk memoden dan mempertingkatkan keupayaan IKS ini, kita mesilah mempertimbangkan bagaimana kita dapat memberikan tanah atau tapak kepada industri-industri seperti ini, kerana kebanyakan industri ini tidak berupaya untuk membeli tapak tanah sendiri yang begitu mahal dan kita memang memerlukan tapak-tapak yang dekat dengan kemudahan-kemudahan yang baik, jalan-jalan yang baik dan infrastruktur yang baik. Kalau kita memperuntukkan tanah ini di pendalaman, itu tidak begitu sesuai bagi setengah-setengah industri untuk memajukan industri-industri seperti ini. Di kawasan-kawasan setinggian di Kepong dan seluruh Wilayah Persekutuan, saya nampak, bila pihak Dewan Bandaraya membersihkan kawasan setinggian untuk pembangunan, pihak industri-industri kecil ini tidak mendapat bantuan daripada pihak Kerajaan. Itu satu langkah yang kurang memuaskan, kalau kita hendak memajukan industri-industri kecil ini. Sebab itulah saya berharap dengan

adanya Amanah ini kita dapat memperhatikan masalah-masalah seperti yang telah saya sebutkan tadi,

Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahulah dari skim dan kajian yang disebutkan empat skim ini, sama ada kemungkinan kajian dibuat atas flatted factories mengenai corak dan kesesuaian untuk Malaysia, untuk Wilayah Persekutuan, kerana saya tidak nampak lagi laporan yang lengkap mengenai rekabentuk atas flatted factories yang sesuai bagi industri-industri yang terdapat sekarang. Juga kebanyakan industri yang telah saya bincang dengannya mengapa mereka tidak beli riatted factories (kilangberingkat), mereka kata tidak sesuai dah segi kos dan dari segi rekabentuk. Saya pun tidak begilufaham mengenai hal ini dan sebab itu saya minta pihak Kerajaan supaya membuat kajian dengan lebih teliti mengenai rekabentuk dan kos flatted factories. Pada pendapat saya, di dalam bandar-bandar seperti Wilayah Persekutuan, mungkin cara-cara untuk menyelesaikan masalah industri kecil ini ialah dengan flatted factories atau corak rekabentuk seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai skim untuk kualiti dan produktiviti, kalau kita dapat melaksanakan skim seperti ini dengan baik, memang kita boleh meningkatkan kualiti dan produktiviti industri-industri kecil. Tetapi saya hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri bagaimana skim ini dapat dijalankan. Misalnya kalau kita ada 5,000 industri kecil - sekarang saya tidak tahu angka yang sebenar - kalau ada 5,000 industri kecil di Wilayah Persekutuan, bagaimana skim kualiti dan produktiviti akan dijalankan. Adakah kita akan melantik wakil daripada misalnya 5,000 industri kecil ini ataupun kita akan identifikasi satu dua sahaja sebagai contoh.

Seperti rumah contoh dan bermula daripada tapak itulah kita dapat mempertingkatkan kualiti dan produktiviti kerana cadangan ini memang

nampaknya baik tetapi perlaksanaannya itu saya tidak nampak lagi. Dari segi pembangunan pasaran, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dapat membangunkan pasaran di luar negeri untuk industri-industri kecil kita, memang satu langkah yang betul sepertimana kita pun nampak dengan Karyaneka, Kraftangan Malaysia dan sebagainya walaupun pengurusan kurang baik lagi tetapi ada usaha untuk membangunkan pasaran bagi industri-industri kecil negara ini di luar negeri.

Saya hendak minta penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri bagaimana pasaran ini dapat dibangunkan dan ke atas produk hasil apakah sama ada hasil krattangan ataupun hasil pengeluaran jenis yang lain? Apakah jenis pengeluaran perhatian akan diberi untuk pasaran di luar negeri. Itu penting kerana banyak jenis-jenis industri kecil di negara ini. Saya juga hendak minta penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri sama ada pihak Kementeriannya ataupun Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ada membuat kajian mengenai skim-skim yang sama yang ada di negara-negara jiran seperti Thailand, Singapura dan juga Indonesia. Saya nampak misalnya kita dapati banyak buah-buahan di dalam tin daripada negara Thailand walhal di negara ini kita tidak nampak sangat. Ini mungkin kerana di negara Thailand industri tin ini dimajukan sebagai industri sederhana. Saya pun tidak tahulah bagaimana industri ini dapat dimajukan di negara Thailand atau lebih maju daripada Malaysia termasuklah kalau kita ada perhatikan di supermarket atau pasaraya-pasaraya sekarang ada nampak durian daripada Thailand. Kita pun keluarkan durian juga tetapi macam mana persaingan negara kita sendiri tidak boleh mengatasi apa yang dapat dicapai oleh pihak Thailand itu. Tiap-tiap tahun begitu banyak durian daripada Thailand dapat masuk ke Malaysiadanjugasekarangmemonopoli pasaraya-pasaraya atau supermarket kita. Ini mungkin boleh dianggapkan

sebagai satu industri kecil ataupun industri sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat dalam bidang seperti meningkatkan buah-buahan ataupun hasil seperti durian dan sebagainya mungkin pihak Timbalan Menteri dengan adanya Kumpulanwang Amanah ini dapat mengambil perhatian mengenai bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak menekankan sekali lagi, pihak Kcrajaan sama ada Kementerian Kewangan ataupun Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mestilah mengambil langkah yang lebih positif untuk menguruskan segala hal mengenai industri-industri kecil di kawasan-kawasan setinggian sehingga kita dapatlah menyelamatkan industri-industri ini apabila ada projek membersihkan kawasan-kawasan setinggian ini dan dengan langkah yang lebih positif yang boleh menyelamatkan industri-industri ini, pekerja-pekerja dan juga pengurusan kilang-kilang kecil dan sederhana ini dapat diteruskan untuk memelihara ekonomi negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud]: Dijemput Timbalan Menteri menjawab.

5.25 *ptg.*

Dato'Loke Yuen Yow:Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah mengambil bahagian tadi dalam perbahasan atas Usul ini.

Memanglah bagi menubuhkan Kumpulanwang Amanah Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana ini, pada permulaannya Kerajaan ingin meminta Dewan yang mulia ini untuk meluluskan sebanyak \$50 juta sebagai jumlah wang untuk membantu industri-industri kecil dan sederhana yang sedia ada di dalam

negara kita ini supaya mereka dapat menjalankan aktiviti-aktiviti di bawah skim-skim yang disebutkan oleh saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, daripada masa ke semasa, apabila diperlukan, kemungkinan jumlah ini boleh dipertimbangkan supaya dipertingkatkan lagi atau ditambahkan lagi. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat daripada Kepong apabila beliau mengharapkan Tabung ini ataupun Kumpulanwang Amanah ini akan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya supaya rakyat jelata yang terlibat dalam industri-industri kecil dan sederhana dapat diberi faedah-faedah seperti yang diharapkan oleh Kerajaan.

Berkenaan dengan kilang-kilang setinggan di kawasan Wilayah dan Kepong, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa kilang itu dianggap sebagai kilang setinggan adalah kerana masalah tanah. Jikalau masalah pokok itu adalah masalah tanah, ini di bawah kuasa Kerajaan Negeri dan saya harap kilang-kilang yang dianggap sebagai kilang setinggan kemungkinan dapat dipertimbangkan oleh Jawatankuasa yang telah ditubuhkan yang saya sebutkan tadi di bawah Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya kilang-kilang setinggan ini dapat diberi pertimbangan yang sewajarnya. Saya tadi sebutkan bahawa industri-industri yang telah berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 dengan pemilikan ekuiti sekurang-kurangnya 70% oleh rakyat Malaysia dan jikalau mereka memenuhi syarat-syarat yang dikategorikan sebagai industri kecil dan sederhana iaitu kilang-kilang yang telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, dan kedua, pemegang saham-saham tidak melebihi \$2.5 juta dan juga sekurang-kurangnya 70% ekuiti dimiliki oleh rakyat Malaysia. Apabila mereka memenuhi syarat-syarat ini, mereka akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Atas masalah tanah, saya akan menyampaikan

rayuan Yang Berhormat dari Kepong kepada jawatankuasa yang akan ditubuhkan.

Berkenaan dengan rayuan Ahli Yang Berhormat dari Kepong supaya tanah ataupun tapak perindustrian di berikan kepada rakyat mendirikan kilang-kilang supaya masalah kilang-kilang setinggan di seluruh negara dapat dikurangkan. Saya bersetuju dan juga ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri di seluruh negara kita ini telah mengambil langkah-langkah supaya lebih tanah perindustrian ditubuhkan dan diberi kepada sesiapa yang ingin menubuhkan atau mendirikan kilang-kilang termasuk rakyat Malaysia dan juga rakyat negara asing dan saya anggaplah masalah ini dapat diselesaikan.

Yang susah bagi Kerajaan menyelesaikan masalah ini ialah kilang-kilang setinggan yang telah didirikan dahulu dan oleh kerana mereka belum dapat kebenaran daripada Kerajaan dan mereka mendirikan kilang dahulu di atas tanah yang berkenaan, Kerajaan harus mengawal keadaan ini, kalau tidak, susahlah bagi Kerajaan untuk menjalankan tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengenai rekabentuk dan kos flatted factories, saya akan memberi perhatian supaya ini dapat diberi pertimbangan.

Berkenaan dengan skim kualiti dan produktiviti, bagaimana Kerajaan dapat memberikan bantuan dengan baiknya di bawah skim tersebut. Contoh yang diberikah oleh Ahli Yang Berhormat tadi, misalannya 5,000 industri yang ingin mendapat bantuan di bawah skim kualiti dan produktiviti, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini khasnya Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa bukan semua yang meminta bantuan akan diluluskan oleh Jawatankuasa yang berkenaan. Ini

adalah kerana Jawatankuasa yang berkenaan akan menilai adakah pemohon-pemohon ataupun pemohon-pemohon industri itu harus diberikan bantuan di bawah skim kualiti dan produktiviti ini dan di sini saya ingin membcritahu bahawa jumlah maksimum peruntukan grant untuk setiap kajian ataupun projek ialah \$100,000 - jumlah maksimum dan jumlah peruntukan grant di bawah skim peningkatan mutu kualiti dan produktiviti adalah \$20 juta dan syarat-syarat yang mana pemohon dapat diluluskan, itu terpulanglah kepada Jawatankuasa untuk menilai dan mengkaji dengan teliti. Saya tidak dapat menyentuh atas butir-butir yang berkenaan.

Berkenaan dengan skim pembangunan pasaran, apakah jenis pengeluaran diberi perhatian, inipun saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa keutamaan diberi kepada IKS yang mengilang ataupun berhasrat untuk mengilang keluaran-keluaran yang disenaraikan di bawah AIA 1986 dan jumlah peruntukan grant - jumlah grant total, dengan izin, \$5 juta dan jumlah maksimum peruntukan grant untuk setiap kajian ataupun projek adalah 20%.

Ini adalah butir-butir di mana Jawatankuasa yang Kerajaan tubuhkan iaitu kriteria manakah yang Jawatankuasa itu akan mempertimbangkan supaya sesuatu permohonan diberikan kelulusan adalah terpulang kepada Jawatankuasa dan jikalau Ahli Yang Berhormat ingin tahu dengan teliti atau dengan terperinci, saya akan memberitahu secara bertulis, kerana ini melibatkan kriteria yang banyak, tidak boleh dapat saya terangkan.

Atas hujah-hujah yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kalau saya tidak dapat menjawab, pegawai-pegawai saya di belakang telah mencatatkan pandangan-pandangan tadi dan akan diberikan perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berbunyi bahawa Dewan ini mengikut peruntukan di bawah Perenggan (a) Seksyen Kecil (4), Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Pindaan 1972), membuat ketetapan bersetuju bahawa Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran seperti berikut:

"Kumpulanwang Amanah untuk Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana,"

hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan di bawah perenggan (a) Seksyen Kecil (4), Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Pindaan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baharu seperti berikut:

"Kumpulanwang Amanah untuk Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana."

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BERITA NASIONAL MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.37ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengemukakan suatu Akta bagi meminda Akta Pertubuhan

Berita Nasional Malaysia 1967 (Pindaan) 1990 bagi bacaan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Pertubuhan Berita Nasional ini dicadangkan antara lain untuk memperkemas lagi beberapa peruntukan di dalam Akta terutamanya tafsiran kepada berita dan bahan-bahan berita. Pindaan ini perlu untuk mengelakkan kesamaran dalam pemakaian istilah tersebut. Lain-lain pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk tidak membataskan kegiatan agensi berita yang tunggal di negara ini daripada mencari keuntungan perniagaan.

Pindaan ini juga dibuat untuk menggugurkan perisytiharan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu tahun 1948 dan mengubah komposisi Majlis Penyelidikan BERNAMA.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada beberapatafsiran dalam Akta BERNAMA terutamanya tafsiran berita dan bahan-bahan berita adalah perlu untuk memperluaskan lagi tafsiran ini dan termasuk berita-berita, fotograf, maklumat, rencana dan data ekonomi komoditi dan kewangan. Tafsiran-tafsiran baru ini adalah selaras dengan perkembangan teknologi maklumat semasa. BERNAMA telah ditubuhkan sebagai satu badan berita yang tidak membuat keuntungan seperti yang terkandung dalam Akta asal. Oleh kerana beban kewangan Kerajaan sentiasa meningkat dan peluang agensi berita ini tidak bergiat dalam perniagaan yang berkaitan adalah cerah, maka tidak seharusnya agensi ini disekat untuk mencari keuntungan.

Untuk itu, peruntukan yang tidak membenarkan BERNAMA mencari keuntungan daripada hasil urusniaganya perlulah dipinda. Perisytiharan-perisytiharan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai kebebasan penerangan yang dibuat pada tahun 1948 hanya telah dihadiri oleh cuma

sebahagian daripada anggota Bangsa-bangsa Bersatu. Dengan itu, keputusan-keputusan persidangan tersebut sebenarnya tidak pernah diterima oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Dunia itu. Memandangkan penerimaan keputusan-keputusan persidangan diragui oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu, maka adalah wajar BERNAMA juga menghapuskan peruntukan dalam Aktanya yang menghadkan kebebasan BERNAMA.

Dalam tahun 1967 apabila Akta asal ini digubal hanya satu universiti wujud di negara ini iaitu Universiti Malaya. Semasa BERNAMA mula beroperasi dalam tahun yang sama, peruntukan telah dibuat dalam Akta BERNAMA yang mensyaratkan Naib Canselor Universiti Malaya dilantik sebagai anggota Majlis Penyelidikan BERNAMA. Oleh kerana dewasa ini wujud beberapa institusi-institusi pengajian tinggi yang lain, maka pindaan kepada peruntukan ini haruslah dibuat untuk meluaskan lagi pemilihan dan perlantikan anggota Majlis berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan di sini bahawa pindaan Akta BERNAMA yang dibentangkan ini tidak sekali-kali berhajat untuk menyekat kebebasan akhbar yang wujud di negara ini. Akhbar-akhbar di negara ini sentiasa diberi kebebasan seperti yang telah dinikmati setakat ini, iaitu di dalam konteks sistem demokrasi yang dipraktikkan di Malaysia. Pindaan-pindaan itu semata-mata dibuat untuk ljuatan yang saya sebutkan tadi iaitu untuk membolehkan BERNAMA mempelbagaikan aktiviti dalam industri berita dan maklumat untuk kepentingan negara dan BERNAMA sendiri.

Adalah diharapkan dengan pindaan-pindaan ini BERNAMA dapat memperluas dan mempelbagaikan sumber hasilnya dan seterusnya membolehkan BERNAMA berdikari sesuai dengan hasrat Kerajaan. Dalam pada itu adalah

diharapkan dengan pindaan-pindaan ini Akta BERNAMA ini akan menjadi lebih kemas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia 1967 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.43 *ptg.*

Tuan Lee Lam Thye [Bukit Bintang]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi secara ringkas komen saya terhadap Rang Undang-undang Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pindaan) 1990.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati antara lain cadangan pindaan yang telah dibentangkan tadi bertujuan untuk memotong perkataan-perkataan yang bukannya untuk mendapat keuntungan.

Pcraenggan kedua mukadimah Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia 1967 dipinda bagi membolehkan BERNAMA berhenti daripadaberfungsi sebagai suatu pertubuhan yang bukannya untuk mendapat keuntungan. Pindaan ini juga bertujuan untuk memotong peruntukan yang memperuntukkan bahawa BERNAMA hendaklah berpandukan kepada perisyliharaan-perisytiharan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kebebasan Penerangan tahun 1948.

Seperti yang diterangkan tadi, di samping memperkenalkan saiu lakrif baru bagi istilah berita atau bahan berita, Rang Undang-undang ini memperuntukkan supaya BERNAMA diberikan hak eksklusif untuk menerima

berita atau bahan berita dari luarnegeri dan selepas itu mengatur pembahagian berita atau bahan-bahan berita itu kepada pelanggan-pelanggan mengikut terma-terma atau syarat-syarat yang ditetapkan oleh BERNAMA. Rang Undang-undang ini juga bertujuan memperuntukkan kuasa kepada BERNAMA dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri Penerangan dan persetujuan Yang Berhormat Menteri Kewangan, untuk membuat apa-apa perkiraan untuk berkongsi keuntungan dan sebagainya, dengan mana-mana orang atau untuk menubuhkan, atau menggalakkan penuh-bahan dan pengembangan syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, selepas saya telah meneliti beberapa pindaan ini, saya berpendapat bahawa semua pindaan-pindaan yang dicadangkan mempunyai kesan yang sangat jauh dan implikasi yang amat luas. Sekiranya pindaan-pindaan ini diluluskan, ini akan mcnukarkan wajah BERNAMA dan menjadikannya satu pertubuhan yang sebenarnya berbeza secara keseluruhan. Pindaan-pindaan ini tidak seharusnya dilakukan tanpa memberi satu peluang kepada negara dan terutamanya pihak-pihak yang akan menerima kesan dari cadangan pindaan-pindaan ini masa yang secukupnya untuk berbincang dan menimbang perkara ini secara tertutup ataupun terbuka dan bukan terus dibentang dan meminta kelulusan dari sidang Dewan ini. Mereka yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh BERNAMA hendaklah diberikan kesempatan untuk memberikan pandangan mereka dengan lebih luas dan lebih komprehensif sebelum Rang Undang-undang ini dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini.

Saya difahamkan bahawa terdapat beberapa orang dari kalangan akhbar yang mengambil dayausaha dan terlibat dalam penubuhan BERNAMA sebagai satu Pctubuhan Berita Nasional yang tidak membuat keuntungan untuk memberi khidmat kepada negara dan rakyat.

Saya ingin mencadangkan di sini berkenaan dengan pindaan-pindaan yang dibentang sekarang bahawa apakah yang harus dibuat ialah untuk mengadakan satu Suruhanjaya Di-Raja bagi mengkaji cadangan-cadangan ini dan membuat cadangan dan rekomendasi sebelum apa-apa keputusan muktamad dibuat bagi memberhentikan perkhidmatan pertubuhan yang bebas, tidak mencari keuntungan dan memberi perkhidmatan kepada rakyat yang sudah wujud sejak 25 tahun yang lalu, yang diganti pula dengan satu badan yang boleh menjadi satu alat untuk kepentingan-kepentingan politik, digerakkan tidak sahaja untuk kepentingan kuasa politik sesuatu golongan, tetapi juga satu cara untuk mencari wang ataupun keuniangan dan sebagainya.

Di samping itu, saya juga ingin bertanya mengapa perlu bagi pihak Kerajaan memberhentikan peruntukan yang telah wujud selama ini yang mempruntukkan BERNAMA dari terus berpandukan Perisytiharan-perisytiharan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kebebasan Penerangan tahun 1948.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apabila membentangkan Rang Undang-undang ini juga tidak menerangkan sebab-musabab mengukuhkan aiaul alasan-alasan untuk mengadakan peruntukan ini. Kerajaan perlu menerangkannya bukan sahaja kepada rakyat dan dunia sebab-sebab mengapa perlu menghentikan dari mengikuti panduan Bangsa-bangsa Bersatu. Ini adalah mustahak dan saya rasa ini juga adalah demi kepentingan orang ramai.

Saya juga suka menggesa Kerajaan supaya membenarkan lebih ramai orang-orang yang terlibat dalam hal ehwal berita untuk membincangkan Rang Undang-undang ini dengan lebih mendalam dan secukupnya iaitu sebelum ianya hendak dibawa ke Dewan ini untuk kelulusan dan jika Kerajaan masih terus

berkeras untuk meneruskan cadangan-cadangan ini menerusi kesempatan dari majoriti yang ada, inilah satu lagi perkara yang mereka terpaksa berdepan dengan rakyat atau menjawabnya apabila pilihanraya umum menjelang nanti. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5S3ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, parti DAP menentang dengan kerasnya Rang Undang-undang untuk meninda Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia, 1967. Di bawah pindaan ini, BERNAMA:

- (a) Dibenarkan berhenti dari berfungsi sebagai suatu pertubuhan yang bukannya untuk mendapat keuntungan;
- (b) BERNAMA tidak payah lagi berpandukan kepada Perisytiharan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kebebasan Penerangan tahun 1948; dan
- (c) BERNAMA mempunyai hak eksklusif untuk menerima berita atau bahan berita ke dalam Persekutuan dan selepas itu mengaturkan untuk membahagi-bahagikan berita atau bahan berita itu kepada pelanggan-pelanggan mengikut terma-terma atau syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh BERNAMA.

Tuan Yang di-Pertua, dengan memansuhkan peruntukan asal dalam mukadimah bahawa BERNAMA mestilah berpandukan kepada Perisytiharan-perisytiharan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kebebasan Penerangan tahun 1948.

Pihak Kerajaan telah dengan jelasnya mengakui bahawa BERNAMA telah gagal dan pihak Kerajaan tidak bertujuan mempertingkatkan kebebasan penerangan di Malaysia dan juga pihak Kerajaan berniat mengenakan satu tirai rahsia ke atas rakyat Malaysia agar mereka terus menjadi jahil tentang segala penyelewengan, kemungkaran, skandal kewangan, skandal moral dan penyalahgunaan kuasa Kerajaan. Terakhirnya juga pihak Kerajaan berniat mengawal, menguasai dan menyekat penyiaran penerangan am.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mewajibkan bahawa hanya BERNAMA mempunyai kuasa eksklusif ke atas bahan-bahan berita asing, pihak Kerajaan jelas sekali ingin mengawal dan menyekat berita-berita yang tidak menyebelahi mereka atau berita yang merbahaya untuk mereka. Seperti, sebagai contoh, laporan "Asian Wall Street Journal"—laporan-laporan yang mendedahkan penyelewengan kewangan di CCB, skandal pembelian misteri bijih timah MAMINCO di London yang mengakibatkan kerugian sebanyak \$500 juta kepada Malaysia dan juga percanggahan kepentingan dalam jualan saham UMBC oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kepada PERNAS dengan harga yang tinggi, serta berita-berita asing yang pertama sekali mendedahkan skandal \$2.5 bilion (Bumiputera Malaysia Pinance).

Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali pihak Kerajaan tidak mahu berita seperti ini yang mendedahkan rahsia dan penyalahgunaan kuasa disebarkan kepada umum dan diketahui oleh akhbar tempatan dan seterusnya rakyat Malaysia. Justeru itu, pihak Kerajaan kini sedang menggunakan BERNAMA sebagai satu, dengan izin, yetting machine, untuk menjamin bahawa hanya berita yang baik kepada mereka boleh dibahagikan kepada akhbar tempatan. Pindaan sebegini adalah satu langkah primitif yang hanya akan menunjukkan negara Malaysia sebagai

sebuah negara yang tidak mempunyai kebebasan penerangan, kebebasan maklumat dan akan meletakkan Malaysia sebagai menentang aliran kebebasan penerangan di dunia sekarang. Bersama dengan Akta Rahsia Rasmi, rakyat Malaysia akan berada dalam kedudukan di mana mereka di paksa menerima satu penghitaman berita tempatan dan asing atau "a foreign or local news black-out", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kebebasan akhbar dan penerangan akan terjejas dengan pindaan-pindaan sebegini Malaysia, saya rasa dari segi kebebasan penerangan akan pulang ke zaman purba, ke zaman kejahilan, di mana hanya berita-berita yang menyebelahi pihak Kerajaan Barisan Nasional akan dibenar disiarkan di akhbar-akhbar tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersejua dengan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa keputusan untuk memotong perkataan-perkataan:

"serta berpandukan perisytiharan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kebebasan Penerangan tahun 1948",

Adalah kerana keputusan-keputusan atau perisytiharan-perisytiharan tersebut diragui oleh banyak negara.

Di sini saya hendak bertanya, apakah negara tersebut yang tidak mengiktiraf atau meragui perisytiharan-perisytiharan tersebut? Saya juga hendak bertanya berapa banyakkah negara yang telah mengiktiraf perisytiharan-perisytiharan tersebut dan selepas itu telah mengambil keputusan untuk menafikan atau menolak atau tidak mahu akur atau menurut perisytiharan-perisytiharan tersebut?

Saya rasa dari segi kebebasan penerangan adalah satu nilai atau satu konsep umum yang kini menjadi satu amalan biasa di peringkat antarabangsa dan pindaan seperti ini akan membawa Malaysia ke satu kedudukan yang

berlainan dengan apa yang sedang berlaku di negara-negara lain sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa pindaan-pindaan ini juga merupakan satu pindaan retrospective kerana menurut satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan di akhbar *The STAR* pada 2hb Mac, beliau menyatakan bahawa BERNAMA telah menjadi pembahagi khusus berita asing sejak tahun 1984 dan pindaan tersebut hanya akan menghalalkan fungsi tersebut atau, dengan izin, "BERNAMA has been the distributor of foreign news since 1984 and the amendments would merely legalise the function. The amendments will be put into law following a Cabinet decision that BERNAMA should be the sole distributor of foreign news."

Adakah ini bermakna bahawa BERNAMA telah menjalankan kegiatan yang haram di antara tahun 1984 hingga hari ini? Adakah ini bermakna bahawa semua penyekatan penyiaran penerangan adalah haram?

Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah melakukan sesuatu yang haram tanpa mendapat kebenaran Dewan yang mulia ini dan tindakan sebegini adalah menghinakan kuasa Parlimen. Oleh itu saya ingin mendapat satu penjelasan mengenai perkara ini. Bagaimana BERNAMA boleh menjadi pembahagi khusus seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan sejak tahun 1984 tanpa membuat sebarang pindaan, tanpa mendapat kebenaran dari Parlimen? Kalau begitu, apakah tindakan yang akan diambil untuk membetulkan perkara ini selain daripada meluluskan pindaan ini untuk membuat retrospective apa yang dibuat oleh Kerajaan secara haram? Jadi kita tidak tabu sama ada ini adalah satu

amalan Kerajaan Barisan Nasional untuk selalu melakukan perkara yang tidak betul, tidak sah dari segi undang-undang, selepas itu hanya membetulkan perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat dalam Mesyuarat Dewan Rakyat yang lepas, semasa kita sedang membahaskan satu Rang Undang-undang untuk menghalalkan pengutipan cukai duti kastam di Johor Bharu di mana setiap lori dikenakan bayaran, pada masa itu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengakui bahawa pemungutan duti ke atas setiap buah lori adalah tidak betul dari segi undang-undang kerana undang-undang tidak membenarkan perbuatan seperti ini. Selepas perkara ini dibenarkan berlaku selama enam tahun sahaja pihak Kerajaan datang ke Parlimen untuk meminta kebenaran Parlimen membenarkan pihak Kerajaan membuat perkara itu. Sekali lagi kita tengok bahawa pihak Kerajaan Barisan Nasional meminta kebenaran Parlimen membenarkan sebuah pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) membuat apa yang mereka telah lakukan dengan tidak sah, dengan salah, sejak enam tahun yang lepas. Nampaknya pihak Kerajaan Barisan Nasional tidak puas hanya dari segi menyalahgunakan kuasa. Sekarang pihak Kerajaan Barisan Nasional keluar daripada batasan kuasa yang diberikan oleh Parlimen dan ini adalah satu perkara yang salah, yang tidak dibenarkan dari segi undang-undang dan di sini saya tidak tahu bagaimana pembetulan boleh dibuat ke atas apa yang telah berlaku sejak enam tahun yang lepas. Enam tahun di mana berita-berita dari negara asing "divet", dengan izin, oleh BERNAMA tanpa kebenaran atau dengan melanggar peruntukan undang-undang. Dan kalau pihak Kerajaan Barisan Nasional membuat pindaan ini untuk membenarkan atau membiarkan BERNAMA bagi membahagikan berita-berita yang hanya menyebelahi pihak Barisan Nasional atau hanya berita baik kepada

parti Barisan Nasional, saya rasa BERNAMA tidak payah disebut atau digelar sebagai "Berita Nasional Malaysia"—mungkin nama itu patut ditukar sebagai "Berita Barisan Nasional."

Saya rasa ini adalah satu contoh lagi bagaimana pihak Kerajaan Barisan Nasional telah menyalahgunakan media massa untuk kepentingannya sendiri. Sekarang suratkhbar dikuasai oleh parti-parti Barisan Nasional, hampir semua suratkhbar, semua media massa sekarang dikuasai oleh pihak Barisan Nasional. Dan bukan sahaja ke tahap itu, juga pemberita-pemberita yang tidak akur kepada kehendak Barisan Nasional dianaktirikan. Seperti yang berlaku kepada seorang pemberita *STAR*, Chan Tham Seng, kerana dia hendak menegaskan kebenaran, kerana dia berani lawan Presiden MCA, dia dianaktirikan di mana sebagai seorang pemberita *STAR* dalam bahagian Perniagaan, oleh kerana dia secara terbuka menafikan dakyah, menafikan fitnah, menafikan pembohongan yang dikeluarkan oleh Presiden MCA, beliau dianaktirikan dan ditukar ke bahagian yang lain di mana elauannya dikurangkan. Ini adalah satu contoh lagi di mana bukan sahaja institusi-institusi penerangan dan institusi-institusi, suratkhbar disekat tetapi pembehta-pemberita juga disekat. Sekarang dari segi tempatan, hanya berita yang baik kepada Barisan Nasional dibcnar disiarkan tetapi sekarang dengan pindaan ini berita-berita dari luar negeri, berita-berita yang benar, tidak juga dibenarkan disiarkan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal kerana negara kita nampaknya menuju ke satu arah, ke satu zaman yang gelap, ke satu zaman kejahilan dari segi kebebasan penerangan. Oleh itu, parti DAP menentang dengan kerasnya Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga hendak bertanya tentang tujuan

BERNAMA untuk mendapat keuntungan. Adakah ini bermakna bahawa kesemua agensi penerangan atau yang ada kaitan dengan berita mestilah mendapat kebenaran daripada BERNAMA sebelum menjalankan perniagaan atau kegiatan mereka?

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Penerangan juga menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini adalah untuk membolehkan setengah-setengah kegiatan BERNAMA diswastakan. Saya hendak bertanya apakah kegiatan tersebut yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan yang akan diswastakan dan apakah hasil yang akan dipungut daripada penswastakan tersebut.

"Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu berucap dengan panjang lebar tentang Rang Undang-undang ini, tetapi hanya hendak mengingatkan pihak Barisan Nasional bahawa sikap angkuh sebegini, sikap membuatapa-apadengan sukahati termasuk perbuatan yang tidak dibenarkan dari segi undang-undang adalah sesuatu yang dikecam oleh rakyat Malaysia. Di sini saya hendak menegaskan bahawa kebenaran adalah satu nilai yang tidak boleh ditutup untuk selama-lamanya. Kerajaan boleh menguasai segala media massa di negara Malaysia, & tapi kebenaran akhirnya akan muncul dan timbul kerana kebenaran adalah satu nilai yang tidak boleh ditukar oleh sesiapa kecuali Tuhan. Saya rasa Tuhan pun tidak akan menukar kebenaran yang sedia ada. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

6.72 ptg.

Dr Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, inilah kali yang pertama yang dapat saya menyertai satu perbahasan ke atas Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) sejak ianya ditubuh pada tahun 1967. Saya mempunyai beberapa pendapat

mengenai BERNAMA yang merupakan salah satu Agensi Berita Nasional di rantau ASEAN. Di dalam ASEAN terdapat 4 Agensi Berita, iaitu ANTARA di Indonesia, The Philippines News Agency, The Thai News Agency dan BERNAMA di Malaysia. Dua negara lagi, Brunei dan Singapura tidak mempunyai Agensi Berita Nasional. Memang agensi-agensi berita seperti BERNAMA mengeluarkan berita-berita yang diakui, yang ditehna sebagai sah oleh pihak Kerajaan kerana ia merupakan institusi rasmi.

Saya setuju bahawa di banyak negara termasuk Australia, Eropah, United Kingdom, Amerika Syarikat dan hampir seluruh dunia kurang menyiarkan berita mengenai Malaysia. Kalau kita adakan BERNAMA untuk menyiarkan berita-berita daripada Malaysia kepada negara-negara ini termasuk Australia, United Kingdom dan New Zealand, ini satu langkah yang baik, satu perbuatan yang baik, satu usaha yang mesti disokong, akan tetapi apakah sebenarnya fungsi BERNAMA, fungsi yang utamanya. Saya kurang jelas, yang saya nampak kurang kredibiliti BERNAMA kerana ia merupakan satu agensi yang menyebarkan berita-berita baik Kerajaan sahaja dan sekarang dia hendak minta hak eksklusif. Dengan hak eksklusif ini merupakan satu monopoli di mana tiap-tiap media massa, terutamanya akhbar tempatan terpaksa menerima berita-berita daripada BERNAMA.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak lihat bagaimana BERNAMA dapat memperbaiki kredibilitinya kerana setakat ini behta-beritaitu sangat biased, sangat prejudiced, sangat cenderung kepada Kerajaan sahaja, tetapi peristiwa-peristiwa yang lain tidak diliput, tidak disebar, tidak disiarkan dengan adil, dengan lebih objektif. Memang kerana Badan ini 100% di bawah Kerajaan dan kekurangan kredibiliti ini berpunca bukan sahaja daripada kekuasaan Kerajaan ke atas agensi tersebut, bahkan juga kekurangan

profesional di dalam menguruskan berita-beritanya. Imej yang buruk ini sedikit-sebanyaknya berasal beipunca daripada liputan mengenai politik di negara ini.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, pihak Ahli-ahli Parlimen boleh berucap mengenai peristiwa dan hal yang bernas di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi liputan (covrage) di dalam BERNAMA sangat kurang, kecuali berita ucapan Menteri dan ahli-ahli penyokong Kerajaan sahaja. Pihak daripada Pembangkang sangat kurang dapat liputan (coverage) di dalam BERNAMA seolah-olah wang yang diperolehi yang dibantukan oleh Kerajaan itu bukan wang rakyat, bukan wang Pembangkang juga, jadi sudah lalai BERNAMA ini. Inilah peluang yang pertama bagi saya untuk membuat komen seperti ini. Saya berharap pihak BERNAMA akan mengubah sikap bermula dengan hari ini dan menyiarkan apa yang saya sebutkan petang ini. Saya hendak baca besok sama ada di dalam akhbar tempatan ini kita nampak juga. Kalau tidak nampak, ini mengesahkan apa yang saya sebutkan petang ini benar. Saya cabarkan kepada pihak pengarang berita untuk menyahut cabaran saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada yuran dan wang deposit daripada pihak akhbar dan media massa yang lain serta yuran daripada pihak-pihak berita kerana dapat perkhidmatan daripada BERNAMA dan bantuan daripada Kerajaan dan wang rakyat untuk menampung perbelanjaan BERNAMA, saya kira nampaknya lebih daripada \$15 juta tiaptiap tahun dibelanjakan oleh pihak BERNAMA dan tiap-tiap tahun belanja itu lebih daripada pendapatan. Itu satu hakikat. Saya hendak memberi maklumat ataupun menganalisiskan keadaan kewangan ini di dalam agensi yang kurang kredibiliti ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1986, kita tidak nampak laporan mengenai perbelanjaan dan pendapatan

BERNAMA dengan jelas, kerana laporan mengenai pendapatan dan perbelanjaan akaun BERNAMA ini tidak dijelaskan sejak tahun 1986, tidak termasuk di dalam Anggaran Pembangunan. Saya sangat kesal pihak BERNAMA tidak berusaha kerana bukan sahaja tidak ada kredibiliti, bahkan juga akauntibiliti itu kurang. Dari tahun 1981-1985 pihak Kerajaan telah membelanjakan \$11.89 juta ke atas BERNAMA dan selepas itu pada tahun 1986, pihak BERNAMA meminjam wang secarapinjaman jangka panjang daripada Bumiputra Merchant Banking dengan jumlah wang sebanyak \$16.5 juta. Tuan Yang di-Pertua, angka-angka yang saya beri di sini ialah cuma bagi tahun 1985 dan tahun 1986 sahaja. Bagi tahun 1987, 1988 dan 1989 itu kekurangan akauntabiliti BERNAMA ini belum tahu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman-pinjaman bukan sahaja dari Bumiputra Merchant Banking bahkan juga pada tahun 1986 pinjaman diperolehi dari Kerajaan pula untuk copy processing system dengan amaunnya \$2.88 juta. Pada tahun yang sama, pajakan (leasing) untuk alat kelengkapan adalah \$1.58 juta. Jadi, inilah pinjaman yang dibuat oleh BERNAMA dan accumulated dettcit untuk kumpulan wang pengurusannya meningkat. Pada tahun 1986 accumulated deficit ialah lebih daripada \$1.71 juta. Jadi, dengan kekurangan kredibiliti, kekurangan akauntabiliti, defisit memang meningkat kerana pihak akhbar dan media massa yang lain tidak begitu berminat walaupun terpaksa kerana ada monopoli. Dan nampaknya Yang Berhormat dari Kota Setar setuju, anguk sahaja.

Dr. Abdul Hadi bin Derani [Kota Setar]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan, Nampaknya Yang Berhormat dari Kepong ini pointnya sudah kurang tepat. Pertamanya dia telah

membincangkan berkenaan deficit BERNAMA. Tidakkah Yang Berhormat dari Kepong tahu bahawa kebanyakan agensi-agensi berita nasional di luar negeri semua menghadapi masalah kewangan kecuali Reuters sahaja yang mendapat keuntungan? Jadi, point yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Kepong itu nampaknya terlalu lemah.

Dr. Tan Seng Giaw:Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kola Setar kurang faham sedikit kerana adakah dia tahu - dengar baik-baik - kerana kekurangan kredibiliti, kekurangan akauntabiliti, maka wujudlah masalah seperti ini. Adakah dia hendak galakan BERNAMA belanja lebih daripada pendapatan kerana pada tahun 1985 pendapatannya \$13.7 juta dan pada 1986, \$15.6 juta, tetapi perbelanjaan unluk tahun 1985 lebih \$14 juta iaitu \$14.8 juta dan pada tahun 1986, perbelanjaan ialah \$16.7 juta. Adakah Yang Berhormat dari Kota Setar hendak galakkan perbelanjaan dan akauntabiliti seperti ini? Adakah dia galakkan ketidakadaan akauntabiliti dalam BERNAMA? Itu sikap yang kurang baik.

Dr. Abdul Hadi bin Derani:Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sekali lagi. Tidakkah Yang Berhormat dari Kepong tahu bahawa daripada semua badan-badan berita nasional lain yang mendapat subsidi daripada Kerajaan mereka masing-masing, tidak ada satu pun melainkan Reuters yang membuat keuiungan sebab peranan agensi berita nasional adalah berlainan, bukan untuk membuat keuntungan. Jadi, sila semak fakta-fakta dengan baik sebelum berbahas.

Dr. Tan Seng Giaw:Tuan Yang di-Pertua, faktanya kurang lengkap - nampaknya ini mungkin daripada BERNAMA. [Ketawa] Punca daripada BERNAMA kurang lengkap. Jadi, saya pun tidak boleh percaya. Nampaknya

dia setuju dengan satu langkah hendak menswastakan BERNAMA pula, dengan tiada satu fasal di sini hendak beri keuntungan kepada berita kerana adakah ini satu usaha untuk menswastakan BERNAMA? Kalau hendak menswastakan BERNAMA, pihak Kementerian hendaklah dengan terus-terang jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini perkara yang sama-samar begitu, yang menimbulkan syak-wasangka. Adakah maksud pihak Kementerian itu hendak mewujudkan satu keadaan syak-wasangka mengenai usaha pihak Kementerian untuk menswastakan BERNAMA? Jadi, pihak Yang Berhormat dari Kota Setar itu kata memang hendak subsidi dan di seluruh dunia agensi-agensi berita nasional ada disubsidisekan. Tetapi sekarang di sini ada satu usaha, dia kata, hendak swastakan pula. Hendak subsidise di sebelah satu tangan dan hendak swastakan di sebelah tangan yang lain, Apakah maksud ini? Nampaknya kurang penyelarasan di antara Yang Berhormat dari Kota Setar dengan Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Minta Yang Berhormat Menteri mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

USUL

Penangguhan Mesyuarat

Timbalan Menteri Pendidikan
[**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPANPENANGGUHAN MAJLISANTARAAGAMA- AGAMA—PENUBUHAN

6.30 ptg.

Tuan Lee Lam Thye [Bukit Bintang]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang mengandungi pelbagai kaum, pelbagai budaya dan pelbagai agama dan kepercayaan.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai agama dan kepercayaan, Kerajaan mestilah sentiasa memastikan wujudnya keharmonian agama dengan menggalakkan sikap benolak ansur dan sikap menghormati agama dan kepercayaan semua kumpulan kaum di negara ini sebagaimana yang dijamin di bawah Perlembagaan Malaysia.

Di samping semua rakyat Malaysia mengiktiraf dan menerimalIslam sebagai agama rasmi, Kerajaan mestilah juga mengambil satu pandangan yang sangat serius tentang hak berpelembagaan dan hak asasi rakyat Malaysia dalam menikmati kebebasan beragama.

Sejak bertahun-tahun lalu, isu agama semakin besar dan kontroversi sebagai satu akibat dari tindakan-tindakan tertentu Kerajaan yang memperkuatkan lagi kebimbangan dan keresahan rakyat Malaysia yang bukan Islam mengenai penghakisan hak berpelembagaan mereka kepada kebebasan menganuti dan mengamalkan sesuatu agama.

Satu contoh yang sangat baik ialah kelulusan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor serta kebenaran penukaran agama oleh warganegara-warganegara di bawah umur kepada agama Islam tanpa pengetahuan atau kebenaran ibu bapa dan penjaga.

Isu-isu sedemikian telah mem- bangkitkan kebimbangan rakyat

Malaysia bukan beragama Islam dan ini mengakibatkan pelancaran satu kempen di seluruh negara oleh Majlis Perundingan Malaysia bagi agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh bagi membantah penguatkuasaan Undang-undang Islam ke atas rakyat bukan Islam.

Dalam bulan April tahun ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggesa semua kumpulan agama bagi membincangkan rasa kebimbangan dan ketakutan mereka dengan Kerajaan daripada membawanya kepada orang ramai dengan tujuan untuk memelihara keharmonian agama dan kaum di negara ini.

Perhatian berat yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam hal ini adalah dihargai dan jika itulah yang beliau kehendaki, maka kami mencadangkan kepada beliau supaya mengambil langkah-langkah untuk menubuhkan sebuah Majlis Antara Agama yang mengandungi wakil-wakil dari semua agama dalam negara ini bagi mcmudah dan menggalakkan dialog antara agama yang berbeza dan juga membantu memelihara serta menggalakkan keharmonian agama dan kaum.

DAP tidak mahu melihat polarisasi kaum sebagai satu ancaman serius kepada keamanan dan keharmonian dalam negara yang mempunyai pelbagai agama dan kaum seperti negara kita. Polarisasi agama hanya boleh dielakkan dengan menyediakan satu forum atau dialog antara pelbagai agama yang berbeza di negara ini bagi menyelesaikan apa juga isu atau masalah yang timbul dari semasa ke semasa.

Penubuhan sebuah Majlis Antara Agama adalah forum yang amat sesuai untuk membincangkan semua isu berkaitan penyebaran agama, pendidikan agama dalam sekolah serta tempat ibadat. Perbincangan hendaklah diadakan secara tertutup tetapi jika keadaan menghendaki, Majlis bolehlah menyampaikan pandangannya ke atas

isu-isu tertentu kepada orang ramai jika ianya untuk kepentingan orang ramai. Sekian.

6.36 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, di negaraini sudahpun wujud sebuah Majlis Antara Agama yang dinamakan Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh iaitu Pertubuhan Majlis Perundingan Uagama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh atau Malaysian Consultative Council for Buddhists, Christians, Hindus and Sikhs ataupun MCCBCHS. MCCBCHS boleh berfungsi membantu Kerajaan dengan secara tidak langsung dalam menggalakkan keharmonian antara anggota masyarakat berbilang agama. Ini adalah kerana Majlis tersebut mengandungi wakil-wakil dari pertubuhan berbagai agama yang dianuti di negara ini kecuali Islam yang sudah pun mempunyai organisasi khusus.

Walaupun MCCBCHS bukan sebuah organisasi yang ditubuhkan oleh Kerajaan, wakil-wakilnya pernah dijemput untuk berdialog dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Dialog tersebut sangatlah berfaedah ke arah persefahaman dan memelihara kepentingan keagamaan masing-masing. Sebuah panel yang bernama Panel Penasihat Perpaduan Negara yang diletakkan di bawah Jabatan Perpaduan Negara di Jabatan Perdana Menteri juga telah diwujudkan untuk menjalankan peranan sebagai satu lagi saluran perundingan mengenai berbagai aspek kepentingan penduduk berbilang kaum termasuk agama dalam usaha ke arah meningkatkan perpaduan dan keamanan dalam negara ini.

Memandangkan kepada hakikat bahawa sudah wujudnya MCCBCHS dan Panel Penasihat Perpaduan Negara, maka difikirkan bahawa Majlis Antara Agama seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak perlu ditubuhkan lagi oleh Kerajaan.

GURU-GURU SANDARAN

6.37 *ptg.*

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendesak Yang Berhormat Menteri Pendidikan memberhentikan dasar diskriminasi dan penganaktirian sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil dan guru-guru sandarannya akan memberikan makna dan semangat kepada peruntukan undang-undang dan Perlembagaan yang menjamin kedudukan sekolah-sekolah Cina dan Tamil.

Satu contoh diskriminasi ini adalah dalam bentuk kekurangan guru-guru seperti yang boleh ditunjukkan oleh jawapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan kepada soalan saya pada 27hb Jun, 1989 di Parlimen di mana sekolah-sekolah Cina dan Tamil masing-masing kekurangan 4,608 dan 1,342 guru-guru dalam tahun 1984 serta dianggarkan kekurangan 3,77.4 dan 1,460 guru pada tahun 1989. Saya difahamkan bahawa kekurangan ini telah meningkat padatahun 1989dandijangka berlarutan pada tahun ini.

Kekurangan guru-guru ini menjadi semakin meruncing sehingga guru-guru besar dan penolong kanan yang tidak fasih dalam bahasa Mandarin ditukar ke sekolah-sekolah Cina pada bulan Oktober, 1987 kerana tidak cukup permohonan dari guru-guru sekolah Cina untuk jawatan-jawatan tersebut. Kontroversi ini telah mencetuskan kerisauan dan kemarahan kaum Cina kerana ia dinampak sebagai satu lagi usaha Kerajaan Barisan Nasional mencapai matlamat terakhirnya menukar sifat dan identiti sekolah-sekolah Cina.Niat jahat Kerajaan ini jelas dibuktikan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkataan-perkataan itu pada fikiran saya bercanggah dengan apa yang disebut dalam Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, saya sedang hendak

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan-perkataan itu tak patut dibcnarkan.

Tuan Lim Guan Eng: Perkataan apa?

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta jangan disebutkan perkataan-perkataan begitu.

Tuan Lim Guan Eng: Perkataan apa?

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan menghasut atau seditious.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, baiklah, Tuan Yang di-Pertua. Lagi pun pihak Kementerian sehingga hari ini enggan mengambil langkah yang serius dalatn mengatasi masalah kekurangan guru dan hanya mengambil guru-gurusandaran untuk memenuhi kekurangan semasa.

Sebenarnya, masalah kekurangan guru-guru bolehlah diatasi dengan sekelip mata sahaja dengan mengambil guru-guru sandaran tersebut sebagai guru pelatih.Akan tetapi, guru-guru sandaran dikenakan syarat-syarat yang ketat untuk melayakkan diri sebagai guru pelatih seperti:

- (1) Mesti dilahirkan sebelum 1hb Jun, 1963;
- (2) Mesti mendapat 5 Kredit dalam SPM termasuk Bahasa Malaysia dan Ilmu Hisab;
- (3) Mestibermulamengajarsebelum akhir lahun 1987;
- (4) Mestilulusatupeperiksaankhas (UKEP);
- (5) mesti lulus satu interview khas.

Ini bercanggah dengan jaminan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan yang juga Yang Berhormat dari Senai yang menyatakan bahawa keutamaan khas akan diberikan kepada guru-guru sandaran untuk diterima

sebagai guru pelatih. Dan janji beliau bahawa syarat-syarat akan dilonggarkan seperti berikut dan ini telah disiarkan dalam semua suratkhbar Cina pada 24.2.1989 di mana syarat-syarat tersebut adalah:

- (1) mereka mestilah di bawah 28 tahun;
- (2) Mestilah mengajar berterusan selama dua tahun;
- (3) Mestilah memperolehi empat kredit dalam SPM termasuk Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina atau Tamil;
- (4) Mendapat sokongan dari Guru Besar mereka.

Jelas sekali bahawa Yang Berhormat dari Senai ini bukanlah sahaja seorang yang boleh dipercayai tetapi tidak berguna langsung. Semua syarat-syarat ini pula masih belum ditetapkan lagi atau diberikan secara hitam putih dan bolehlah dipinda pada bila-bila masa sahaja mengikut selera pihak Kementerian.

Permintaan guru-guru sandaran bahawa syarat-syarat kelayakan diberikan secara bertulis tidak dihiraukan langsung. ini telah menyusahkan pihak guru sandaran kerana syarat-syarat boleh ditukar dari setahun ke setahun. Syarat had usia yang dikenakan adalah tidak adil kerana pengorbanan dan sumbangan-sumbangan mereka yang melebihi 27 tahun dinafikan. Dan pengalaman mereka selama ini di sia-siakan lebih-lebih lagi terdapat guru-guru sandaran yang memenuhi semua syarat tetapi masih belum diterima sehingga mereka tidak layak lagi kerana melebihi 27 tahun.

Terdapat kes di mana mereka yang telah memperolehi 5 kredit seperli yang diwajibkan dan lulus peperiksaan UKEP tetapi masih belum dipanggil untuk ditemuduga atau belum mendapat keputusan dari interview mereka

sehingga mereka sudah melebihi 27 tahun. Tambahan pula mereka tidak mempunyai jaminan pekerjaan dengan tempoh kontrak kerja ditetapkan setiap bulan dan bukan setiap tahun.

Pihak Kementerian mestilah mengiktiraf sumbangan mereka kepada sistem pendidikan negara kita. Kalau tidak kerana guru-guru sandaran banyak sekolah-sekolah Cina tidak dapat dijalankan dengan baik. Guru-guru sandaran bukanlah satu sumber pekerja bergaji rendah yang boleh dieksploitasi oleh pihak Kementerian dan dicampakkan ke sebelah apabila mereka tidak diperlukan lagi. Sungguhpun mereka menghadapi banyak kesulitan dari segi gaji rendah dan ketiadaan jaminan kerja tetapi mereka masih taat setia kepada kerjaya mereka. Dan dedikasi sebegini haruslah dibalas dengan semangat keadilan dan peri kemanusiaan. Justeru itu saya menyeru Yang Berhormat Menteri Pendidikan menunaikan janji Timbalannya, Yang Berhormat dari Senai dengan memberikan keutamaan dan melonggarkan syarat kelayakan sebagai guru pelatih serta menukarkan tempoh kontrak kerja dari bulanan ke setiap tahun. Had usia mestilah dimansuhkan - saya menitikberatkan bahawa had usia ini mestilah dimansuhkan. Keengganan pihak Kementerian berbuat demikian hanya akan mengukuhkan syak wasangka kaum Cina bahawa pihak Kerajaan tidak jujur dan ikhlas mengatasi masalah kekurangan guru-guru untuk mencapai matlamat akhir mereka. Sekian, terima kasih.

6.43 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka adalah menjadi dasar Kementehnan Pendidikan bahawa syarat umur bagi perlantikan ke semua jawatan guru bukan siswazah mengikut dua skim perkhidmatan tidak melebihi umur 30 tahun pada tarikh

perlantikan.Oleh kerana itu memandangkan kursus perguruan sekarang adalah selama 2 tahun maka syarat umur untuk memasuki Maktab Perguruan mestilah tidak lebih 27 tahun pada tarikh pengambilan bagi calon-calon guru sandaran tidak terlatih untuk membolehkan mereka dilantik sebagai guru terlatih setelah tamat latihan.

Di bawah struktur dua skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan umur kemasukan ke Maktab Perguruan telah ditetapkan tidak melebihi 27 tahun untuk menyesuaikan dengan umur perlantikan tetap dalam perkhidmatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 1990 ini Kementerian Pendidikan telah menerima sebanyak 78,000 pemohon untuk memasuki Maktab Perguruan.Dari jumlah permohonan ini seramai 6,390 orang dari berbilang kaum telah dipilih untuk mengikuti kursus asas di Maktab-maktab Perguruan dan di antara 6,390 ini, pemohon yang mengikuti pengajian bahasa Cina ambilannya 1,185. Nisbahnya ialah setiap 3.6 orang yang memohon untuk mengikuti pengajian bahasa Cina itu satu orang sudah berjaya dibandingkan dengan pemohon mengikuti pengajian bahasa Melayu ialah setiap 8.6 orang, satu orang berjaya sahaja.

Masalah guru sandaran tidak terlatih bukan hanya dialami oleh Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil sahaja tetapi juga oleh Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan.

Saya berikan sedikit angka di sini.Pengambilan untuk masuk ke Maktab-maktab Perguruan pada tahun lepas iaitu pada tahun 1989, guru-guru sementara ini yang tidak berjaya untuk memasukike Makiab-maktabPerguruan sebab umurnya sudah sampai 28 tahun atau lebih 20 tahun itu, pemohon untuk

mengikuti pengajian bahasa Melayu yang tidak berjaya sebab umur sudah lebih 157 orang, pengajian Agama 87 orang, pengajian Tamil 42 orang, pengajian Cina 41 orang, pengajian Inggeris 11 orang -jumlah 338 orang. Ini bererti pemohon yang umurnya lebih dari 28 tahun yang tidak berjaya melebihi mereka dah pemohon yang mengikuti pengajian bahasa Melayu dan pnggajian Agama.

Guru sandaran tidak terlatih ini terdiri daripada mereka yang mempunyai kclayakan akademik tanpa kelulusan iktisas.Mereka dilantik oleh Pengarah Pendidikan di Jabatan Pendidikan Negeri....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak dibenarkan Yang Berhormat.Dalam Ucapan Penangguhan tidak dibenarkan. Sila duduk!

Tuan Lim Guan Eng: Pernahberlaku pada mesyuarat yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk.Boleh dibuat pertanyaan lain tetapi tidaklah dalam masa ini.

Tuan Woon See Chin: Saya teruskan.

Tuan Yangdi-Pertua:Sila teruskan.

Tuan Woon See Chin:Mereka dilantik oleh Pengarah Pendidikan di Jabatan Pendidikan Negeri secara sementara dari bulan ke bulan dan bukanlah dari setahun ke setahun seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.Perkhidmatan mereka ini akan ditamatkan apabila Kementerian Pendidikan telah dapat mengisi kekosongan jawatan bcrkenaan dengan guru-guru terlatih.

Dan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menafikana bahawa pengambilan ini Kementehan ada menjalankan satu

langkah diskriminasi di antara aliran sekolah atau mengikut kaum. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut usul yang dikemukakan tadi iaitu Dewan ditangguhkan sekarang.

Usul dikemukakan bagidiputuskan dan disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.